

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ABD. MUHAIMIN BIN HASBOLLAH,
ADIGURU KRAF KAYU MALAYSIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGIAT
SENI WARISAN UKIRAN KAYU**

NURSYUHADA BINTI ISMAIL

(2020960755)

ROUSHELLA RIKHA BINTI ALI

(2020978999)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021

	Isi Kandungan	M/S
<i>Roman</i> <i>Numerals</i>	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i ii iii iii iv - iv
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-3
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	4-5
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7-10
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1: Kesenian Warisan 4.2 Topik 2: Seni Ukir Kayu	11-18
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	19-120
6.0	Log Temubual	121-127
7.0	Ralat	128-129
8.0	Glosari	130-139
9.0	Indeks	140-147
10.0	Bibliografi	148-151
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, sijil dan bahan lain yang berkaitan	152 153-155 156 157-162 163-172 173-177

PEGHARGAAN



“Dengan nama Allah S.W.T, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.” Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, transkrip temubual ini telah berjaya disiapkan meskipun telah menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Setinggitinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin, selaku pensyarah kami yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bantuan, strategi, dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi seorang penyelidik dan bakal graduan yang berketrampilan.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga tercinta yang tidak pernah jemu memberikan nasihat, titipan-titipan doa, peringatan, sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh kami menyediakan transkrip temubual ini. Ucapan teristimewa juga buat En. Abd. Muhaimin Bin Hasbollah, Adiguru Kraf Kayu Malaysia yang telah memberi sokongan penuh dalam kajian ilmiah kami, banyak berkorban masa, tenaga serta pandangan, dan nasihat yang telah diberikan kepada kami.

Tidak dilupakan, sahabat-sahabat seperjuangan ribuan terima kasih atas kesabaran, sokongan, bantuan, cinta serta toleransi dan doa kalian, sehingga transkrip temubual ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat kami sanjungi dan akan kami ingati sepanjang hayat ini.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas daripada,

Nursyuhada Binti Ismail (2020960755) &

Roushella Rika Binti Ali (2020978999)

SENARAI ABBREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CENDANA	<i>Cultural Economy Development Agency</i>
FELCRA	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FRIM	<i>Forest Research Institute Malaysia</i>
IKN	Institut Kraftangan Malaysia
KL	Kuala Lumpur, Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MOTAC	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
MTIB	<i>Malaysian Timber Industry Board</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PRISMA	Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	Universiti Teknologi MARA

SENARAI SINGKATAN

AMH	Abd. Muhaimin bin Hasbollah
NSI	Nursyuhada Binti Ismail
RRA	Roushella Rika bin Ali

RUJUKAN KATA

Ade	Ada
Ade tak	Ada tidak
Aje	Sahaja
Ambek	Ambil
Ambik	Ambil
Apekah	Apakah
Bangge	Bangga
Balek	Balik
Beberape	Beberapa
Berape	Berapa
Berbeze	Berbeza
Biase	Biase
Biasenye	Biasanya
Bunge	Bunga
Care	Cara
Cuace	Cuaca
Dahtu	Sudah itu
Diaorang	Mereka semua
Dibikin	Dibuat
Die	Dia
Dikire	Dikira
Dulu	Dahulu
Dulu-dulu	Dahulu-dahulu
Eh	Ya
Eh	Betul
Ek	Ya
Fungsinye	Fungsinya
Gune	Guna
Ha	Ya
Haah	Ya Betul
Hah	Apa

Heran	Hairan
Jak	Sahaja
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Juge	Juga
Jugek	Juga
Kan	Betul
Kate	Kate
Kecik	Sahaja
Kenape	Kenapa
Kene	Kena
Kepade	Kepada
Kerje	Kerja
Key	Okey
Khususnye	Khususnya
Kite	Kita
Korang	Kamu semua
Lame	Lama
Lepastu	Selepas itu
Mase	Masa
Mencube	Mencuba
Menjage	Menjaga
Mereke	Mereka
Mude	Muda
Nak	Hendak
Negare	Negara
Ni	Ini
Nih	Ini
Nye	Nya
Ouh	Ya
Pade	Pada
Pastu	Selepas itu

Pegi	Pergi
Perkare	Perkara
Pulak	Pula
Punye	Punya
Rase	Rasa
Sahaje	Sahaja
Saje	Sahaja
Sape	Siapa
Saye	Saya
Segere	Segera
Sesaje	Sesaja
Slalu	Selalu
Sorang	Seorang
Sukak	Suka
Suke	Suka
Tak	Tidak
Tak ada	Tiada/ Tidak ada
Tak kan	Tidak akan
Takde	Tiada/ Tidak ada
Takdek	Tiada/ Tidak ada
Takdelah	Tiadalah/ Tidak adalah
Tande	Tanda
Tanjong	Tanjung
Teda	Tiada
Tembage	Tembaga
Tu	Itu
Tula	Itulah
Tu je	Itu sahaja
Tulah	Itu lah
Ye	Ya
Yelah	Yalah/ Baiklah

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 Biodata Penemubual

1.1 Penemubual Pertama



(Penemubual Pertama)

Nama:	Nursyuhada Binti Ismail
Tarikh Lahir:	12 Mei 1999
Tempat Lahir	Hospital Saratok, Sarawak
Alamat	No 2048 Kampung Melango Lama 95400 Saratok, Sarawak
No. Telefon	+60108075028
E-mel:	nursyuhadaismail999@gmai.com
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod

1.2 Penemubual Kedua



(Penemubual Kedua)

Nama:	ROUSHELLA RIKA BINTIALI
Tarikh Lahir:	12 September 1999
Tempat Lahir:	Hospital Besar Tawau, Sabah
Alamat:	Kampung Pangi Kunak Peti Surat 7, 911207 Kunak, Sabah
No. Telefon:	+60145654307
Email:	roushellarika@gmail.com
Program:	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH

Nama sebenar tokoh ialah Abd. Muhaimin Bin Hasbollah ataupun biasanya digelar sebagai Wak Min. Beliau telah dilahirkan di daerah Pontian Negeri Johor pada 21 Ogos 1965. Beliau adalah anak kedua dalam enam orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dengan isterinya yang bernama Zarina dan mempunyai empat orang anak. Beliau berketurunan Jawa dan merupakan warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1980, Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1982, dan melanjutkan pelajaran di pengajian tinggi dengan mengambil kursus pada tahap Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam Pengurusan Pengukiran Kayu. Kini meneruskan kerjaya beliau dalam penghasilan ukiran kayu di dalam negara mahupun di luar negara.

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Beliau adalah seorang Adiguru Seni Ukiran Kayu di Malaysia yang bernama Abd. Muhaimin bin Hasbollah yang berusia 56 tahun. Beliau adalah warganegara Malaysia dan berasal dari Pontian, Johor. Beliau bersekolah di SMK Sultan Alauddin di Bukit Besar, Kulai, Johor sehingga tingkatan lima. Hobi beliau adalah melukis sejak zaman persekolahan lagi. Selepas tamat SPM, beliau memilih untuk bekerja di Singapura dengan sebuah syarikat di Bukit Timah pada tahun 1983. Semasa di sana, beliau masih lagi meneruskan minat melukis di mana lukisannya turut ditempah oleh beberapa individu di Singapura. Setelah bekerja selama dua tahun di Singapura, beliau pulang semula ke tanah air untuk meneruskan minat melukis. Pada tahun 1985, beliau telah membuat permohonan melanjutkan pelajaran dalam bidang ukiran kayu setelah terjumpa artikel daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Pada tahun 1986, beliau memulakan pembelajaran Asas Ukiran Kayu di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Temerloh Pahang selama setahun setengah. Selama setahun enam bulan meneruskan pengajian di Pusat Kraf, beliau telah menerima anugerah sebagai pelatih terbaik. Setelah tamat pengajian, beliau menjalani pula latihan praktikal selama tiga bulan di Kelantan Wood Carving yang mana pemiliknya adalah Allahyarham Abdul

Latiff bin Long yang dikenali juga sebagai Pengukir Diraja. Pada tahun 1991, beliau meninggalkan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana membuka bengkel ukiran kayu bersama isteri yang ketika itu turut sama belajar di sana. Bengkel beliau merupakan bengkel pertama yang diwujudkan di negeri Pahang yang berdaya maju.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, warisan seni Melayu seperti seni ukiran kayu telah jauh ditinggalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini kerana, lahirnya kepelbagaian dalam kehidupan masyarakat kini yang telah bercampur aduk dengan gaya hidup masyarakat barat. Selain itu, golongan muda kini telah banyak terdedah dengan teknologi yang lebih canggih sehingga tidak mengendahkan warisan seni Melayu seperti seni ukiran kayu. Hal ini menimbulkan kesukaran dalam mempromosi peninggalan warisan tradisi Melayu kepada generasi baharu kini. Tidak terkecuali, seni ukiran kayu adalah merupakan salah satu warisan seni tradisi Melayu yang kurang mendapat perhatian dan dikenali oleh masyarakat golongan muda kini.

Dalam kajian ini, sejarah lisan mengenai warisan seni ukiran kayu ini patut dijalankan bertujuan untuk mendokumentasikan sejarah mengenai peninggalan warisan tradisi Melayu yang telah ditinggalkan turun-temurun. Melalui sejarah lisan ini, bidang warisan seni ukiran kayu akan lebih dikenali dan dapat dijadikan rujukan kepada generasi baru sekarang. Seterusnya, dengan adanya sejarah lisan ini, pencapaian tokoh-tokoh yang berpengalaman lama berkecimpung dalam sesebuah bidang dapat diberi penghargaan dan hasil bidang mereka juga terpelihara. Dengan itu, identiti sebuah Bangsa Melayu tidak akan pupus atau lapuk ditelan zaman.

Kesimpulannya, warisan seni ukiran kayu ini perlu diperkenalkan melalui sejarah lisan kepada masyarakat kini untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa seni ukiran kayu ini adalah identiti kepada negara dan mencerminkan warisan negara Malaysia. Bukan itu sahaja, seni ukiran kayu ini perlu diceritakan semula agar masyarakat muda kini lebih peka terhadap kewujudan warisan seni tradisi yang unik ini dan dapat diwarisi oleh generasi muda. Namun, warisan seni ukiran kayu ini telah lama dilupakan dan tidak diaplikasikan pada masa kini. Sejarah lisan ini dibuat agar tradisi ini dapat dikekalkan sehingga pada masa hadapan sebagai rujukan.

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Kajian ini dijalankan bagi tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk mendalami warisan seni ukir kayu agar dapat didedahkan kepada generasi muda pada masa kini supaya mereka tertarik tentang warisan tradisi Melayu seni ukir kayu di negara kita.
2. Untuk merungkai keunikan tentang warisan seni ukiran kayu bagi memberi kesedaran kepada generasi baru agar lebih menghayati dan memberi perhatian dalam bidang tradisi Melayu seni ukiran kayu.
3. Untuk mengenalpasti solusi bagi mengembalikan semula keaslian warisan seni ukir kayu yang kian menghilang.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Kajian sejarah lisan ini sangat berguna dan penting untuk memberikan impak semula mengenai sejarah warisan pada masa kini terutama dalam kalangan generasi muda. Antara faedah yang disumbangkan hasil daripada kajian sejarah lisan ini dapat dikaitkan dari aspek:

- **Ilmu**

Dengan adanya kajian sejarah lisan ini dapat menyumbang kepada dokumentasi bagi memperkembangkan ilmu dalam bidang warisan seni ukiran kayu. Selain itu, ianya juga dapat dijadikan bahan terbitan sebagai rujukan yang memberi pengetahuan kepada generasi muda untuk menghargai seni warisan Melayu.

- **Negara**

Kajian sejarah lisan ini memainkan peranan penting dalam membantu menaikkan taraf seni kraftangan tradisi Melayu seni ukiran kayu secara lebih mendalam di negara kita. Ianya sekaligus mengharumkan nama negara yang dikenali dengan kepelbagaian warisan seni yang unik.

- **Masyarakat**

Kajian sejarah lisan ini penting untuk dijalankan agar nilai penghayatan ke atas seni ukiran Melayu dapat ditingkatkan dalam masyarakat Melayu.

Malahan ia juga berupaya menambahkan minat dan menarik perhatian masyarakat terhadap warisan seni ukir kayu ini sekaligus menimbulkan rasa tanggungjawab bagi memelihara sejarah-sejarah tempatan.

- **Organisasi**

Kajian sejarah lisan mengenai warisan seni ukir kayu ini juga mampu menarik tumpuan dan minat organisasi berkaitan dalam bidang tradisi Melayu sekaligus berupaya mendatangkan faedah dan manfaat terhadap organisasi tersebut.

- **Agensi**

Untuk membantu persatuan-persatuan atau agensi yang berkaitan kraf warisan seni ukir kayu memperkenalkan hasil kraftangan yang unik sekaligus mendatangkan faedah.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1: KESENIAN WARISAN

Kesenian merupakan satu aspek dari kebudayaan sejagat iaitu kebudayaan universal yang ditemukan dalam setiap kebudayaan manusia (Abdul Halim, 1999). Sehubungan dengan itu, menurut yang dinyatakan oleh Melalatoa, (2014) pula, kesenian adalah penggunaan imaginasi secara kreatif iaitu berperanan untuk menikmati, memahami dan menerangkan tentang kehidupan. Definisi tersebut juga turut disokong oleh kajian lepas yang dijalankan oleh Rahayu, (2019) yang juga turut mengatakan bahawa kesenian merupakan keseluruhan sistem yang melibatkan proses penggunaan imaginasi manusia secara kreatif dalam sesebuah kebudayaan ataupun di dalam golongan masyarakat tertentu. Sementara itu, warisan pula diertikan ada berkaitan dengan sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu yang menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa dan seterusnya melambangkan ketamadunannya (Ramli, 2014). Dalam pada itu, Kiyai & Tugang, (2020) juga turut memperjelaskan bahawa warisan merangkumi aspek budaya, alam semula jadi dan entiti politik yang diturunkan kepada sebuah entiti dalam kelompok yang besar seperti etnik dan negara. Maka dari itu, kesenian warisan merupakan aktiviti budaya yang ditinggalkan sejak turun-temurun untuk diwarisi ahli keluarga dan orang lain (Resali Muda (2016). Sementara itu, menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Kusumaningtyas, (2011) pula juga telah mentakrifkan bahawa kesenian warisan adalah sebagai satu kebudayaan tradisional yang telah berlangsung sejak turun-menurun. Tambahan lagi, kajiannya juga turut menyenaraikan beberapa contoh aspek kesenian yang ditinggalkan sejak zaman dahulu dan secara turun-menurun iaitu antaranya termasuklah seni khat, seni ukir, seni bina, seni tekstil, seni tembikar, seni lakon, seni tari, seni muzik, seni mempertahankan diri dan lain-lain (Ramli & Zakaria, 2016).

Oleh hal yang demikian, sudah terang lagi bersuluh bahawa kesenian warisan amat penting untuk terus diwarisi dan dikekalkan agar tidak hilang ditelan zaman. Lagi pula, pada waktu yang sama peninggalan kesenian warisan

juga akan berperanan bagi mengingatkan golongan muda ataupun generasi sekarang kepada sejarah penjajahan masa lampau. Hal ini dikatakan demikian kerana kesenian warisan juga berupaya dalam memberikan iktibar dalam kehidupan masyarakat dan turut berperanan dalam meningkatkan semangat patriotisme serta semangat cintakan negara kepada segenap lapisan masyarakat kita (Kahn, Shamsuddin & Abdullah, 2011). Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Mohamad Sohaimi, (2017), ditekankan kesenian warisan tradisi Melayu penting untuk diberi perhatian wajar dalam cara menjaga dan mengurus melalui kaedah yang sesuai dengan kehendak masyarakat sekarang agar tidak berlaku pengabaian pada pewaris atau generasi seterusnya. Arifin, Rahman & Masron, (2010) juga turut mengatakan kesenian warisan sejarah teramat penting untuk dimajukan dan diwarisi agar tidak mengalami saat-saat kepupusan kerana ia merupakan identiti dan lambang ketamadunan bangsa-bangsa peribumi Melayu yang telah wujud sejak zaman prasejarah. Hal ini juga turut disokong oleh Ismail, Hassan & Mohamed Roshidi, (2016) yang mengatakan adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab bersama bagi semua masyarakat di negara kita untuk memelihara, mengekalkan dan memartabatkan kesenian warisan yang sudah bertapak lama bagi mempertahankan sejarah kesenian tradisi Melayu. Kepentingan dalam memelihara dan memartabatkan kesenian warisan agar tidak ternilai harganya ditelan zaman (Ali, 2007). Tambahan lagi, berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Rachman, (2012), kesenian warisan memiliki fungsi dan identiti yang tersendiri di mana nilai-nilai yang terkandung dalam kesenian warisan tersebut mampu menjadi daya tarik, memberi inspirasi dan penenang hati menerusi keunikannya. Sehubungan itu, kepentingan ini juga turut disokong oleh Ahmad, et.al. (2017) yang mengatakan bahawa kesenian warisan merupakan aset penting pemacu utama sosioekonomi negara dalam menarik minat pelancong luar untuk datang ke negara Malaysia. Selain daripada itu, kepentingan kesenian warisan terhadap juga termasuklah dalam memupuk perpaduan negara serta berupaya melahirkan masyarakat yang saling mengenali dan memahami bidang kesenian warisan kaum lain (Thavamalar & Ganu, 2007).

Namun begitu, dalam meniti arus kemodenan ini, generasi baru pada masa kini kurang tertarik dan berminat terhadap kesenian warisan yang wujud di

negara kita. Merujuk perkara tersebut, isu ini juga turut dinyatakan oleh Laras & Mulyana, (2015) bahawa kesenian warisan pada masa kini hampir punah dilestarikan dan diwarisi kerana telah banyak dilupakan oleh semua kalangan terutama generasi remaja. Selain daripada itu, hal ini turut disuarakan dalam kajian lepas yang dijalankan oleh Mohammad Nazzri, (2016) yang mengatakan ramai masyarakat di negara kita terutamanya dari golongan muda yang tidak mengetahui betapa pentingnya warisan kesenian dalam kehidupan sehingga pupus daripada diwarisi oleh generasi baru pada masa kini. Hal ini bersangkut paut dengan golongan sekarang kurang pendedahan terhadap kesenian warisan yang wujud di negara kita. Oleh hal yang demikian, perkara tersebut telah menyebabkan mereka tidak arif dan tidak tertarik untuk mengaplikasikan kesenian warisan dalam kehidupan mereka (Zulkifli Hanafi, 2000). Tambahan lagi, sebagaimana yang dinyatakan oleh Daud, Arbi, & Faisal, (2012), mereka juga turut menyuarakan bahawa hal ini timbul apakala kerana usaha dan kaedah untuk menonjolkan keindahan yang ada dalam kesenian warisan bagi menarik perhatian generasi baru pada masa kini tidak diutamakan dan sangat kurang dilaksanakan. Sementara itu, kenyataan tersebut juga turut disokong oleh Nasruddin & Ramli, (2020) yang turut bersetuju bahawa kesenian warisan kurang mendapat pendedahan berbanding publisiti artis-artis pop Barat. Oleh hal yang demikian, perkara tersebut secara tidak langsung mahupun secara langsung telah menimbulkan kesukaran dalam membentuk generasi baru pada masa sekarang untuk menceburi bidang seni tradisional warisan yang telah wujud sejak turun-menurun. Selain daripada itu, pelapis muda kini lebih gemar mempelajari dan menerapkan ilmu moden lain yang wujud pada masa kini dalam kehidupan mereka kerana menganggap kesenian warisan seolah-olah sudah tidak bernilai lagi dan tidak mendatangkan hasil pulangan yang lumayan (Ahmad, et.al., 2011).

Kesimpulannya, bagi mengelakkan kesenian warisan daripada pupus ditelan kemodenan zaman, perhatian lebih seharusnya diberikan dalam bidang ini. Hal ini demikian kerana kesenian warisan ini merupakan peninggalan daripada nenek moyang kita yang harus dilestarikan dan dimartabatkan sebaik-baiknya agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Sehubungan dengan itu, diminta agar semua pihak haruslah bertanggungjawab dalam memainkan

peranan penting dalam menjaga dan menjadikan warisan budaya sebagai satu identiti kaum, maruah bangsa dan negara kita. Selain daripada itu, lebih penting lagi sejarah kesenian warisan ini haruslah didedahkan secara luas dan menyeluruh di negara kita. Hal ini kerana ianya merupakan satu usaha dan kaedah yang penting untuk dijalankan agar kesenian warisan akan menjadi lebih menonjoldan boleh terus kekal diwarisi oleh generasi baru terutamanya dikalangan remaja pada masa kini. Hal ini juga berperanan agar kesenian warisan memiliki nilai warisan dan keunikan yang tersendiri untuk terus dimartabatkan dan dimajukan pada masa akan hadapan. Lebih-lebih lagi, pada masa kini telah dengan wujudnya kemajuan teknologi pada dunia moden kini seharusnya usaha bagi menonjolkan dan mendedahkan kesenian warisan adalah lebih mudah dan efektif (Bakhir & Zainal, 2015). Hal ini dikatakan sedemikian kerana keberkesanan dalam penggunaan teknologi media bagi mempromosikan kesenian warisan kepada generasi baru sekarang akan lebih luas secara atas talian. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia hendaklah sama-sama bertanggungjawab dalam menjayakan usaha ini agar kesenian warisan tidak pupus ditelan zaman.

4.2 TOPIK 2: SENI UKIRAN KAYU

Seni sering diertikan oleh setiap golongan umum bahawa ia adalah merupakan hasil atau karya yang merangkumi segala macam keindahan kreatif yang diciptakan oleh manusia (Yusuf, 2018). Hal ini juga sejajar dengan penerangan yang dinyatakan oleh Rodhi, (2017) yang menerangkan bahawa seni dapat dilihat sebagai proses yang dilakukan oleh manusia, baik sebagai proses penciptaan dan proses penghayatan. Sementara itu, menurut hasil carian daripada Kamus Dewan, ukiran pula didefinisikan sebagai sesuatu atau sebuah hasil karya seni yang dilukis ataupun gambaran lukisan yang digores, ditoreh atau dipahat pada barang-barang bagi tujuan sebagai perhiasan. Sehubungan dengan itu, Yudha, (2013) juga turut menyokong definisi tersebut dengan menyatakan bahawa ukiran adalah merupakan hasil seni yang dilakukan ataupun digambarkan di atas kayu ataupun barangan perhiasan yang lain dengan melalui proses mengukir. Oleh hal yang demikian, seni ukiran telah disimpulkan dengan membawa maksud lukisan yang dibuat pada permukaan kayu mahupun pada barang-barang perhiasan yang lain secara memahat, menggores, menorah

dengan menggunakan pahat untuk membuat bentuk yang diinginkan (Noresah Baharom et.al, 2007). Selaras dengan itu, menurut Noor & Rozali, (2020) pula mentakrifkan seni ukir kayu sebagai seni pahatan yang merupakan hasil gabungan tangan yang indah, berelung-relung, saling jalin menjalin, berulang-ulang serta sambung menyambung yang akhirnya menghasilkan sebuah karya berbentuk hiasan. Sebagai memperkukuhkan kesimpulan tersebut, seni ukiran atau ukiran kayu merupakan hasil seni dari pertukangan tangan seseorang yang merupakan menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Pernyataan ini turut disokong oleh Yusof et al., (2020) yang menyatakan bahawa seni ukir merupakan seni warisan Melayu yang sudah bertapak sejak berkurun lamanya dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi yang berkonsepkan keseimbangan alam berdasarkan komposisi, pemilihan motif dan bentuk ukiran. Sehubungan dengan itu, (M.S. Surat et al., 2012) memberi maksud kepada warisan seni iaitu sebagai satu seni menyobek atau mengoyak permukaan papan atau bongkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif, tukang akan melahirkan idea yang timbul kepada sesuatu benda yang nyata berdasarkan apa yang berlaku dalam kehidupan seharian seperti budaya, kepercayaan, agama, pemikiran sosial dan alam persekitaran. Tambahan lagi, Amirah Binti Abas, (2016), turut mengatakan bahawa seni ukiran adalah seni warisan turun menurun yang mempunyai nilai seni yang tidak ternilai harganya. Manakala, menurut Abdul Kadir et.al., (2018) pula, mereka menyatakan bahawa seni ukir merupakan salah satu produk klasik orang Melayu yang menjadi warisan turun temurun sejak dahulu lagi yang mempunyai keistimewaan dan falsafahnya yang tersendiri yang bercampur dengan keindahan dengan kebenaran.

Namun begitu, setiap kreativiti hasil daripada ukiran kayu itu mempunyai keunikan dan kepentingan terhadap setiap identitinya yang tersendiri. Bagi menyokong pernyataan tersebut, berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Jusoh, (2010) yang menyatakan bahawa keunikan ukiran kayu dapat dihayati melalui motif-motif dan gaya yang telah dihasilkan pada gambaran atau hasil karya seni yang telah menjadi sebuah kebanggaan dalam sesebuah masyarakat di negara tertentu. Menurut Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, (2020), seni ukir tradisi merupakan warisan yang dikekalkan terutama dari segi reka corak dan motif yang bertertib seperti berpunca, penyudah, liuk-

lentok dan bersilat ukirannya. Sebagaimana yang diketahui umum, kehalusan seni pertukangan ini mampu menarik minat pelbagai golongan dan lapisan masyarakat termasuklah para pelancong dari luar negara (Fauzi Abdullah, 2018). Dalam pada itu, Abdul Kadir et.al., (2018) menyatakan bahawa seni ukir memerlukan kemahiran yang tinggi kerana ia bukan hanya sekadar hiasan pada bentuk seni rupa sesuatu ciptaan, tetapi juga memperlihatkan yang terangkum di sebalik elemen ukiran yang simbolik. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Zukilfi Hanafi, (2000), beliau mengatakan seni ukiran bukanlah sekadar unsur hiasan semata-mata tetapi mempunyai fungsi lain yang disepadukan. Namun begitu, dalam keunikan corak dan motif yang ada pada unsur ukiran kayu ini juga ada keburukannya. Berdasarkan kajian lepas mendapati agama Islam telah melarang unsur seni rupa yang berbentuk manusia, fauna dan makhluk khayalan kerana nilai-nilai yang bercanggah dengan agama Islam (Ismail Said, 2001).

Berdasarkan kajian sejarah lepas, kegiatan menghasilkan kraf berasaskan kayu telah bertapak di Alam Melayu sejak zaman sebelum kedatangan Islam iaitu sekitar abad ke-13 (Norshahira, Ab. Rahman, 2015). Tambahan lagi, Ismail dan Ahmad, (2001) turut menyatakan bahawa seni ukiran kayu telah lama wujud seiring dengan reka bentuk seni rupa Melayu. Dikatakan kebanyakan kraf kayu banyak tertumpu kepada objek yang berbentuk ukiran, manakala para pengukir pula menghasilkan simbol dan motif ukiran mereka berdasarkan pemikiran animisme serta kepercayaan falsafah Hindu-Buddha pada ketika itu. Di samping itu, kepercayaan terhadap animisme sangat meluas dan menjadi anutan kepada masyarakat pada masa itu dan secara tidak langsung ia telah meresap ke atas seni ukiran sehingga motif yang digunakan pada masa itu lebih kepada figura dan juga binatang (Fauzi Hj. Ab. Llah, 2011). Menurut D'zul Haimi Md. Zain, (2008), menyatakan bahawa seni ukiran kayu Melayu adalah sebahagian dari seni budaya masyarakat Melayu yang mempengaruhi tiga aspek penting kehidupan bangsa Melayu iaitu status, kepercayaan dan kebudayaan. Maka dari itu, hasil kajian Zulkfli Md Yusoff dan D'zul Haimi Md. Zain, (2012) mengatakan selepas kedatangan Islam, ajaran Islam telah banyak mempengaruhi reka bentuk ragam hias pada ukiran. Ragam hias yang dihasilkan telah diterjemahkan menggunakan corak dari sumber alam semula jadi dan persekitaran tempatan. Oleh itu, corak yang berunsurkan fauna dan

kosmologi telah banyak dipinggirkan dan unsur seni rupa ini telah diolah kepada bentuk-bentuk lain seperti motif flora, corak Islami, dan rekabentuk geometri yang ringkas. Tambahan lagi, kajian oleh Abdul Kadir, et.al., (2018) juga turut mengatakan ukiran patung atau memahat sesuatu gambar berbentuk patung dengan sengaja dan bertujuan untuk disembah hukumnya adalah kafir kerana menyamakan ciptaan Allah SWT.

Kesimpulannya, warisan seni mempunyai pelbagai sudut pandangan daripada orang yang telah mendefinisikan dan yang lebih memahami tentang warisan seni ini. Bukan itu sahaja, warisan seni ini juga didapati mempunyai banyak fungsinya yang tersendiri. Seni ukiran kayu merupakan warisan tradisi Melayu sejak turun-temurun. Ianya akan terkubur begitu sahaja jika tiada generasi kini yang ingin mempelajarinya. Bersandarkan hal tersebut, maka perlunya kepentingan untuk mengenali penggiat-penggiat seni ukiran kayu mahupun kontemporari yang telah menyumbang banyak jasa dan bakti dalam melestarikan industri ukiran kayu ini. Justeru itu, kajian sejarah lisan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenali serta mengkaji pengalaman penggiat seni ukiran kayu kontemporari negara, Adiguru Abd. Muhaimin Hasbollah yang telah menghasilkan banyak koleksi seni ukiran kontemporari serta sumbangan beliau dalam mengharumkan nama negara.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA
TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Seni Ukiran Kayu di Malaysia. Bersama-sama kami ialah Encik Abd. Muhaimin bin Hasbollah yang merupakan seorang penggiat Seni Ukiran Kayu dan telah diiktiraf sebagai Adiguru Kraf Kayu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 16hb Mei 2021 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 8.30 malam menerusi di aplikasi persidangan video Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nursyuhada Binti Ismail dan juga Roushella Rika Binti Ali. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NSI: Okey pertama sekali kami nak tanya tentang latar belakang encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] sendiri lah.

AMH: Haah (mengangguk)

NSI: Jadi apakah nama penuh encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah]?

AMH: Okey. Sebelum tu saya nak tahu sedikit boleh?

NSI: Boleh (angguk).

RRA: Boleh boleh.

AMH: Mana dapat informasi tentang saya ni? Dapat dari mana?

NSI: Kami telah membuat banyak kajian sebelum kami hubungi encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] (tersenyum).

AMH: Yeke? (ketawa kecil)

RRA: (ketawa kecil)

NSI: Kami baca semua artikel pasal encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah], kami baca berita pasal encik, tengok TV [televisyen], tengok *YouTube* [laman web pengheosan video]. Populer encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] (ketawa kecil).

AMH: Yeke? (ketawa kecil). Kena *skodeng* [mengintai] dulu lah.

NSI: Ye! (angguk dan ketawa kecil)

AMH: Kene *skodeng* dulu ah (tersenyum).

NSI: Sebab tulah kami anggap encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] sebagai tokoh kami yang tepat untuk ditemu bual ni.

AMH: Okey-okey. Terima kasih. Nama penuh saya Abd. Muhaimin bin Hasbollah. Biasa dipanggil dengan nama Muhaimin jelah. Ataupun Cikgu Muhaimin, ataupun Cikgu Amin.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Ataupun yang paling ringkas sekali Min je lah. Satu lagi nama yang paling *famous* (terkenal) Wak Min. Sebab saya orang Jawa asal Jawa.

NSI: Banyak nama (tersenyum).

AMH: *Okay* [Baik] asal saya (ketawa kecil)--. Lahir di Pontian Johor tahun 1965 dan kemudian dibesarkan di Bandar Pasir Raja Skudai Johor [Malaysia]. Pernah pergi pernah sampai dah? Pernah dengar tak?

NSI: Tak pernah lagi

AMH: Masa di UiTM [Universiti Teknologi MARA] Skudai [Johor, Malaysia] dulu, saya sempat lah dengan UiTM [Universiti Teknologi MARA] Skudai [Johor, Malaysia] dulu masa mula-mula sekali permainan tahun

bila tak ingat dah tahun bila *under* [bawah] tahun lapa puluh an [1998] dulu, Jadi biasa lah kalua Skudai Johor [Malaysia], Kulai [Johor, Malaysia], Senai [Johor, Malaysia], semua tu memang tempat saya lah tu.

NSI: Lama dah (mengangguk).

AMH: Okey *so* [jadi], saya dah *attach* [lampir] kan awak dengan profile tu jadi semak balik lah tengok apa-apa yang perlu boleh ambik lah sebahagian daripada mana yang diperlukan tu.

RRA: (mengangguk)

NSI: Ya encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah], faham.

AMH: Sebagai rujukan.

NSI: *So* [jadi] sekarang ni encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] menetap di mana?

AMH: Sekarang saya di Temerloh, Pahang [Malaysia].

NSI: Kenapa encik pindah kat situ?

AMH: Okey Temerloh [Pahang, Malaysia] (terserentak)--. *Okey* tak [sic, tahu tak] terletak di mana Temerloh Pahang [Malaysia] ni?

RRA: Tak.

NSI: Tak-tak (muka bersalah dan tersenyum malu). Kitaorg--.

AMH: Tak tahu? Okey (berfikir dan memandang ke atas). Bia- sa dengar titik tengah Semenanjung [Malaysia]?

NSI: Haah (mengangguk)

AMH: Titik tengah Semenanjung [Malaysia]? Okey Termeloh [Pahang, Malaysia] ni (berfikir dan memandang ke atas) adalah titik tengah Semenanjung [Malaysia], jadi di antara Kuala Lumpur [Malaysia] dan juga Kuantan [Malaysia] dia di tengah-tengah. Dan (melihat ke tepi) kalau ikutkan dari segi lokasinya dia merupakan titik tengah Semenanjung [Malaysia]. Kedudukan dia di tengah-tengah Semenanjung, Malaysia.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Ha itu kita panggil titik tengah Semenanjung [Malaysia]. Daripada Selatan Timur Barat, dia di tengah-tengah sekali. koordinat dia di tit- [sic, di Temerloh, Pahang, Malaysia] koordinat di tengah ni.

RRA: Tempat yang strategik lah?

AMH: Apa dia?

NSI: Di tengah-tengah sekali (tersenyum sambil menggambarkan titik tengah dengan tangan).

RRA: Tempatnya strategik (tersenyum).

AMH: Ha (mengangguk) di tengah-tengah lah. Ke Utara pun sama jauh, Selatan, Timur, Barat semua sama jauh. Sebab dia di tengah-tengah.

NSI: Jadi kenapa eh encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] pindah situ? (tersenyum). Ikut isteri ke? (ketawa kecil)

AMH: Dia gini sejarah dia. Saya habis dulu tahun lapan puluh lima [1985]. Kemudian saya (memandang bawah)--. Dulu sebelum saya (memandang atas) menceburkan diri dalam bidang ukiran ni saya (memandang tepi)

adalah seorang pelukis. __ pelukis cat minyak. Jadi selepas sekolah tu saya men-jalankan se-penuh masa lah, sebagai *artist* [seniman] ni sepenuh masa. Jadi banyak saya punya lukisan-lukisan yang saya jual ke di Singapura (memandang atas) dan juga saya pernah memenangi beberapa pertandingan lukisan. Di-- apa nama (terlupa) di seluruh Malaysia (memandang tepi) dan beberapa pertandingan dan mulanya daripada situ lah saya cuba mempertingkatkan kemahiran yang saye ade lah dalam bidang lukisan ni (menoleh ke kanan).

NSI: (mengangguk)

AMH: Bagaimana kalau kita nak menjadikan lukisan ni sebuah sesuatu yang-- maknanya kita nak mempertingkatkan kemahiran yang ada lah, bagaimana kalau saya nak belajar ukiran pulak. Kan? Jadi kita dah biasa melukis kita nak mengukir pula, macam mana hasil dia, “jadi ke tak saya ni? Boleh ke tak boleh?”. Saya rasakan ini satu cabaran lah.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda setuju)

AMH: Jadi, pada tahun lapan puluh lima [1985] (berfikir dan menoleh ke kanan) saya cuba memohon (berfikir sejenak) mengikuti bidang seni ukir kayu, itu latihan dipanggil kemahiran sijil, kemahiran eh [sic, latihan sijil kemahiran] di Perbadanan Latihan Kraf Tangan Malaysia [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] di cawangan Pahang [Malaysia].

RRA: (mengangguk)

AMH: Jadi pada masa itu (memandang tepi), setiap negeri mempunyai cawangan ataupun mempunyai orang panggil apa (berfikir) Pusat Latihan. Macam di Temerloh [Pahang, Malaysia] ukiran [sic, bidang ukiran]. Di Terengganu [Malaysia] (berfikir dan menarik hidung) batik, songket. Di Kelantan [Malaysia] (memandang atas), batik. Di Johor [Malaysia], anyaman, tak silap saya. Jadi saya memilih bidang ukiran tu yang lokasinya terletak di Termeloh [Pahang, Malaysia] eh, pusat latihan

tu (memandang bawah). Kemudian disitulah bermulanya saya belajar mem-pertingkatkan, diri saya dalam bidang ukiran.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Setahun setengah tak silap saya (berfikir dan menoleh ke kanan), ya setahun setengah (menunduk) pada mula-mula tahun lapan puluh lima [1985], lapan puluh enam [1986] (memandang tepi) saya tamat eh saya tamat. Kemudian selepas saya tamat, saya melanjutkan pengajian saya ke Kota Bharu [Kelantan, Malaysia]. Bersama--.(terserentak)

NSI: Di Kelantan? (terserentak)

AMH: Ha di Kelantan [Malaysia] (mengangguk).

RRA: (mengangguk)

AMH: Saya bertemu saya bertemu dengan [sic, saya berguru eh dengan] Encik Abdul Latiff bin Long [Pengukir Diraja Terkenal].

NSI: Abdul Latiff bin Long? [Pengukir Diraja Terkenal]. Ha (mengangguk) ada baca.

AMH: Belajar makan budu eh? (ketawa kecil).

NSI dan RRA: (ketawa besar)

AMH: Encik Abdul Latiff bin Long [Pengukir Diraja Terkenal] eh, saya berguru dengan dia (menarik hidung dan menoleh ke kanan). Pernah dengar tak?

RRA: Pernah (mengangguk)

NSI: Pernah. Pengukir Diraja?

RRA: Pernah (mengangguk)

AMH: Ya betul (mengangguk dan memandang tepi). Dia [Abdul Latiff bin Long] adalah pengukir Diraja eh, salah sorang pengukir Diraja. Dan saya rasa saya harus belajar disana supaya saya dapat sedikit sebanyak (memandang tepi) mempelajari apa yang [sic, ilmu yang] dia ada. Nak kembangkan ilmu yang kita kan?

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Jadi *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah], setahun setengah saya disana, setahun enam bulan banyak ilmu-ilmu yang diturunkan kepada saya. Jadi sepanjang setahun setengah tu banyak yang saya pelajari dari segi teknik ukiran. Bagaimana nak kembangkan lagi dari segi kemahiran kita. Bagaimana kita nak (berfikir) membuat projek-projek dengan lebih-- Dalam bentuk *production* [produksi] dan sebagainya. Jadi betul-betul dia dedahkan saya dalam bentuk ni lah, bagaimana kita nak berniaga di dalam bidang ukiran. Jadi daripada situlah banyaklah dari segi teknik-teknik ukiran, motif-motif dan sebagainya, saya dapatlah dari Encik Abdul Latiff bin Long [Pengukir Diraja Terkenal] tu. Sekarang ni dia [Abdul Latiff bin Long] dah meninggal dah, Allahyarham dah.

NSI: Dah Allahyarham dah (mengangguk).

AMH: Jadi [sic, dan] saya lihat pun tak-tak ada lah dia [Abdul Latiff bin Long, Pengukir Diraja Terkenal] punya pewaris ni anak dia [Abdul Latiff bin Long] pun takdek menyambung dia [Abdul Latiff bin Long] punya apa nama (terlupa) (melihat ke atas) kemahiran yang ada pada dia [Abdul Latiff bin Long]. Saya rasa sayang lah kan, anak dia [Abdul Latiff bin Long] sendiri pun tak minat. Jadi saya lah salah satu tinggal saya seorang

daripada--. Kalau-kalau (berfikir) di Kelantan sana dipanggil Sanad lah.
Sanad-- ataupun-- Yalah sebagai--

NSI: Pewaris lah?

AMH: Sebagai pewaris lah. Penyambung-penyambung.

NSI: Penyambung (mengangguk).

AMH: Ya, Alhamdulillah (tersenyum). Kemudian tu lah, lapan puluh lima [1985], lapan puluh enam [1986], kemudian lapan puluh tujuh [1987] saya balik semula ke kraf tangan, saya masuk-- . Mempertingkatkan lagi diri saya dalam kemahiran, dalam bengkel-bengkel ataupun khusus-khusus yang dianjurkan oleh pihak Kraf Tangan. Dan disitu saya belajar berniaga. Pada tahun sembilan puluh (berfikir) satu [1991] eh. Sembilan puluh satu [1991], saya membina satu *empire* (empayar) lah.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Membuka bengkel sendiri dengan-- kudrat sendiri pada dulu-dulu tak ada bantuan dan jujuk (berfikir) sokongan daripada mana--.

NSI: Dana-dana.

AMH: Ya daripada agensi-agensi. Makna kita perlu- kita perlu berusaha sendiri, ya? Saya kena buat sendiri bengkel dan juga tahun sembilan puluh satu [1991] lah--.

NSI: 1991 (mengangguk)

AMH: Bermula sembilan puluh satu [1991]. Kemudian sembilan puluh dua [1992] tu saya beroperasi dan isteri saya Zarina pun saya berjumpa semasa saya belajar dulu di Temerloh juga. Dia mempunyai *skill* [kemahiran] mengukir juga.

RRA: (mengangguk).

NSI: Jadi saya nak tanya tentang latar belakang ahli keluarga encik?

AMH: Sama-sama mengukir jugak. __ Ha? Latar belakang? (memandang ke atas) Latar belakang saya mempunyai em--.

NSI: Haah.

AMH: Yang ni soalan nombor berapa ni? Nombor tiga?

NSI: Nombor dua sepatutnya latar belakang keluarga. Tapi takpa. Jalan je (ketawa besar).

RRA: (tersenyum)

AMH: (Ketawa besar) Nombor dua? Nombor dua dah? (ketawa kecil) Okay. Saya mempunyai enam orang adik-beradik. Dan saya anak yang kedua lah.

NSI: Okey (mengangguk)

AMH: Jadi adik-beradik saya semua cik-gu. Latar belakang cikgu. Saya sorang aja--.

NSI: Selamat Hari Guru! Encik [Abd. Muhaimin Bin Hasbollah] pun guru, guru ukir (ketawa kecil).

AMH: Pengukir. Adiguru baru dua tahun (ketawa kecil). Sebelum ni tak ada. Tukang ukir.

NSI: Boleh. Boleh (mengangguk sambil pejamkan mata)

AMH: Saya sorang aja pengukir, peniaga. Yang berniaga lah maknanya. Adik-beradik sem- semua cikgu (menarik hidung).

NSI: Saya baca encik ada *part-time* [separuh masa] jadi pensyarah (tersenyum). Betul?

AMH: Ya. Saya juga seorang daripada *guest lecturer* [pensyarah jemputan] lah di--- UIA [Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia]. UIA [Universiti Islam Antarabangsa]. Gombak [Kuala Lumpur, Malaysia] eh.

NSI: Selamat Hari Guru!

AMH: Terima kasih-- (tersenyum)

NSI: Okey-okey. Jadi teruskan tentang perkahwinan encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] tadi? Alam perkahwinan encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah], berapa orang anak?

AMH: Saya mempunyai empat orang anak lah sekarang ni (memandang tepi). *So* [jadi] yang nombor satu lelaki, nombor dua perempuan, nombor tiga perempuan dan nombor empat perempuan. Jadi sorang je lelaki (terserentak).

NSI: Seorang je lelaki (terserentak) (tersenyum).

AMH: Dan saya lihat pun-- Ha seorang je laki-laki (mengangguk), bujang tu. Dia sekarang ni dah kerja dah, dua orang dah kerja.

NSI: Adakah-- (terserentak)

AMH: Tiga orang dah kerja, *sorry* [maaf]. Yang kecil sekali je belum, tingkatan dua. Ha yang kecil sekali. Yang tiga orang tu dah kerja (mengangguk). Dua kerja di KL [Kuala Lumpur, Malaysia]. Seorang tu kerja dekat FRIM [Forest Research Institute Malaysia] yang lelaki tu kerja di FRIM

[Forest Research Institute Malaysia] Institut Penyelidikan Perhutanan [Malaysia]. Mestilah tahu kan? Dekat FRIM [Forest Research Institute Malaysia] dekat Kepong [Kuala Lumpur, Malaysia].

NSI: Tahu— (mengangguk tanda tahu)

AMH: Nombor dua tu cikgu, nombor tiga ni bekerja jujuk, dia kerani. Jadi ada empat orang lah semua sekali.

RRA: (mengangguk)

NSI: Okey-okey. Jadi tadi encik kata encik dah meneruskan pengajian di pengajian (memegang hidung) pengajian tinggi tu. Boleh encik kongsi pengalaman pahit manis encik se- masa di pengajian tinggi?

AMH: Okey. Dulu kita takda (berfikir dan memandang tepi) diploma ataupun kita setakat sijil saja.

NSI: Ye-ye (mengangguk)

AMH: Sebab dulu kemahiran tu dikira macam satu bidang kemahiran ber-berkelayakan sijil, tak ada diploma. Cuma sekarang ni dah dinaik taraf (mengangguk) oleh Institut Kraf Negara [IKN, Selangor, Malaysia]. Dulu takda lagi, dulu dipanggil 'Pusat Latihan', ya? Di bawah agensi Kraf Tangan Malaysia juga lah sama lah, eh? Tapi maknanya generasi sekarang ni dia lebih--untung lah lebih mudah, maknanya ada diploma ijazah dan sebagainya. Ya?

NSI: Ye (mengangguk tanda setuju)

RRA: (mengangguk)

AMH: Tapi apa yang penting bagi saya, sebenarnya kemahiran itu sendiri.

NSI: (mengangguk tanda setuju)

AMH: Bagaimana kita nak menerima dan kita nak-nak apa nama melestarikan dia kan.

RRA: Haah.

AMH: Okay semasa belajar dulu, dulu pelajar, kita-kita kena cari cikgu. Maksudnya diri kita pelajar itu, kita sambil kita belajar tu kita kena belajar betul-betul kena-kena dekat dengan cikgu. Ha macam sekarang ni berbeza, cikgu kena mengajar kita. Macam saya dulu, saya tak. Saya banyak kena tanya pada cikgu. Apa yang saya tak faham, saya akan tanya.

NSI: (Mengangguk dan tersenyum lebar) Betul.

AMH: Dan dari situlah kita dapat mengenal cikgu, boleh berkongsi dengan kita sebenarnya. Dan kita kena baik-baik, kena *bodek* [mengambil hati] jugalah cikgu tu (ketawa kecil).

RRA: (ketawa kecil)

NSI: Setuju! (ketawa kecil).

AMH: Ha, kalau kita buat sombong je, cikgu-cikgu- -, (ketawa kecil)

NSI: Cikgu sombong?

AMH: Cikgu buat tak peduli lah. Kita buat-buat bodoh, buat-buat tak tahu je (ketawa besar).

NSI: Setuju (tersenyum lebar)

AMH: Tapi kesian lah (ketawa kecil).

NSI: Setuju! (mengangguk setuju sambil tertawa)

AMH: Tapi-tapi *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah, maknanya saya masa belajar tu pun ramai lah kawan-kawan saya sebab masa tu tahun lapan puluh [1980] [sic, lapan puluh lima [1985] (berfikir), lapan puluh enam [1986] tu kami ramai lah dalam-dalam sem- ester kami tu ramailah daripada seluruh negara eh , bukan sahaja saya ramai-ramai lagi kawan-kawan yang luar negara. Dan sehingga ke hari ini tak silap saya, macam kami satu sem tu tiga puluh orang. Yang telah berjaya bukak bengkel sejak dua ribu-- separuh daripada tu lah, dalam lima belas-- tiga belas orang lah, yang lain daripada itu kelaut lah, biasa lah.

NSI: Ya-- (mengangguk)

AMH: *So--* [jadi], kenangan manisnya biasanya ialah itulah kita berjaya membuat beberapa produk-produk yang kita sangka sendiri kita sendiri pun tak boleh tak-tak boleh buat sebenarnya. Tapi kita Berjaya jugaklah eh dengan hasil usaha--

NSI: *Alhadulillah* [segala pujian bagi Allah] (mengangguk).

AMH: Bantuan kawan-kawan, dan sambal tu kita belajar. Saya rasa itu satu kenangan yang manis lah. Kemudian yang pahit tu, takda lah.

NSI: Takda.

AMH: Kita-kita telan je lah. Ha pahit tu sbb kita susah lah nak belajar dulu.

RRA: (Ketawa kecil)

NSI: Betul (ketawa kecil dan mengangguk)

AMH: Wujudnya kesusahan yang kita belajar dulu dengan sekarang-- Encik *Google* [penyedia mesin pencari terkemuka], ada. apa-apa kita cari je Encik *Google* [penyedia mesin pencari terkemuka], zaman dulu mana ada.

NSI: Ya--

AMH: Zaman dulu *Google* [penyedia mesin pencari terkemuka], takda, internet takda, kan? Kemudian kamera pun tak ada, *handphone* [telefon bimbit] pun tak ada dulu, ingat lagi, kan?

NSI: (mengangguk tanda setuju)

AMH: Kalau ada pun *camera* [kamera] dalam biskop je, yang murah je, pakai buang je. Kan? (tertawa kecil)

NSI: Ya-ya (ketawa kecil).

AMH: Jadi banyak kita rujuk pada cikgu lah.

NSI: Okey-okey. Jadi-- (terserentak)

AMH: Pada taun lapan puluh lima [1985] dulu pun saya dapat anugerah (berfikir) dapat anugerah pelajar terbaik, eh, lapan puluh lima [1985], lapan puluh enam [1986].

NSI: Tahniah (tersenyum sambil menepukkan tangan)

AMH: Jadi sebenarnya daripada situlah saya dapat (memandang tepi)--. Saya menanamkan azam pada diri saya, bagaimana saya nak menjadi seorang usahawan yang berjaya dengan-dengan anugerah yang diberi.

NSI: (Mengangguk tanda faham)

AMH: Bermula daripada situlah (mengangguk kepala).

NSI: Okey. Jadi seterusnya tentang kerjaya encik.

AMH: (Mengatur kedudukan di atas kerusi)

NSI: Boleh encik kongsi sedikit mengenai kerjaya encik sekarang ni? Jadi (mengangguk)--.

AMH: Okay sekarang ni saya sebagai-- [sic, memegang jawatan sebagai--] seorang pengurus operasi lah, bos saya isteri saya lah, dia bos. Biasalah perempuan jadi bos. Bagilah peluang untuk dia jadi bos. (Ketawa besar)

NSI: Faham-faham (ketawa besar)

RRA: (ketawa kecil)

AMH: Seorang pengurus operasi (terserentak)--.

NSI: So [jadi], sebelum ni encik pernah (terserentak)--.

AMH: Macam mana?

NSI: So [jadi] sebelum ni encik pernah bekerja di mana-mana syarikat ke? Sebelum--

AMH: (Berpikir sejenak dan memandang atas) Takda. Saya dengan Latiff Long [Allahyarham Abdul Latiff bin Long, Adiguru Pengukir Diraja Terkenal] tu aje. Ha (mengangguk) pernah dengan Latiff bin Long [Allahyarham Abdul Latiff bin Long, Adiguru Pengukir Diraja Terkenal] tu je. Sebelum-sebelum lepas pada Abdul Latiff bin Long [Allahyarham Abdul Latiff bin Long, Adiguru Pengukir Diraja Terkenal] tu saya balik semula ke Kuantan [Pahang, Malaysia] (gangguan internet) Kraftangan Pahang [Malaysia] (berfikir)--

NSI: Terus bukak bengkel?

AMH: Saya menjadi pengurus operasi bagi satu bengkel yang dipanggil (berfikir), bengkel pusat _ _ _ dari situ dia mendidik kita supaya jadi usahawan. So, saya jadi pengurus disitu, dan dibawah saya tu ramai lah lebih kurang dalam dua puluh, dua puluh lima orang pelajar-pelajar yang mana kebanyakannya kita *train* [latih] sebagai [sic, dia] supaya menjadi (berfikir) *operator* [pengendali] ataupun apa [sic, terkeluaran] supaya dia mahir dalam *skill* [kemahiran] atau mengukir. Dulu lah dulu, sekarang taka da dah.

NSI: (Mengangguk) Jadi, Roshella boleh teruskan untuk part B, soalan umum.

RRA: Okey boleh. Seterusnya kita beralih ke soalan bahagian ini iaitu soalan umum. Soalan pertama iaitu tentang asak [sic, asal-usul] ukiran kayu. Boleh encik Muhamin ceritakan sedikit asal-usul ukiran kayu ini?

AMH: Roshella ni orang mana, macam Sabah bah [slang Sabah].

RRA: Ya, saya Sabah (ketawa kecil)

NSI: Ya. Saya Sarawak [Malaysia] (tersenyum sambil mengangkat tangan).

AMH: Sabah [Malaysia] dekat mana? Eh (terkejut) Syu [penemu bual pertama, Nursyuhada binti Ismail] Sarawak [Malaysia]? (terserentak)

RRA: Sabah dekat (terserentak) Kunak [Sabah, Malaysia]

AMH: Kunak [Sabah, Malaysia] di mana tu? (memandang tepi)

RRA: Sebelah Tawau [Sabah, Malaysia], Semporna [Sabah, Malaysia]

AMH: Tawau okey-okey (mengangguk). Di atas sana, di tepi laut bukan?

RRA: Ya (ketawa kecil).

AMH: Saya sering ke Keningau [Sabah, Malaysia].

RRA: Keningau [Sabah, Malaysia].

AMH: Pernah tahu kah pusat-pusat Kraftangan Keningau [Sabah, Malaysia]?

RRA: Okey-okey, tahu-tahu (mengangguk).

AMH: Ha, saya mengajar di sana tu. Tapi ni Covid (COVID-19) ni sudah stop [slang Sabah]. Stop dulu.

NSI: Baru-baru jugak lah? (terserentak)

RRA: Berapa tahun sudah di Keningau [Sabah, Malaysia] (terserentak)?

AMH: Di Keningau tu banyak lah, tiga empat (angguk) tahun jugak saya ulang-alik sana lah. Kalau ada kelas diaorang panggil. Sebab 'Pusat Kraftangan Sabah' [Pusat Kraftangan Keningau, Sabah] [Malaysia] tu di bawah ni, Yayasan Sabah. Kan?

RRA: Haah (mengangguk)

AMH: Ha ya. Kalau di sana kurang lebih sepuluh hari mengajar, dah tu pulang. Kemudian dua tiga bulan datang lagi, macam tu lah.

NSI: Ulang-alik lah?

AMH: Ha. Jadi sekarang dah ramai dah anak-anak Sabah yang saya didik. Dan ada setengah tu dah jadi usahawan lah. Dan ada bengkel sendiri dan sebagainya. Dah boleh buat produk (memegang mata).

NSI: (mengangguk)

RRA: (Mengangguk faham). Soalan seterusnya, siapa yang memperkenalkan seni warisan ukiran kayu ni kepada encik? Pada awal kewujudannya.

AMH: Okey, ukiran ni sebenarnya saya-saya pun minat tu datang daripada seni lah. Sebab saya ambik bidang seni kan. Saya nak mempertingkatkan diri saya-- kita dalam bidang seni ni. Apalagi lagi yang kita boleh buat selain daripada melukis lalu secara tak langsung, ukiran kayu ni dapat dikembangkan. Sebab saya tengok ukiran kayu pun dia melibatkan jujuk seni lukis, kalau kita lukis buat lukisan motif-motif dan sebagainya.

NSI: (Mengangguk)

AMH: Jadi ini sebagai satu kemahiran yang datang daripada saya, dan saya cuba kembangkan lah. Dan ukiran Melayu--. Dalam bidang seni ukiran ni ada dua ada dua jenis ataupun dua konsep. Yang pertama tradisional dan juga kontemporari. Yang mana tradisional ni dia lebih kepada ukiran-ukiran yang orang dulu-dulu. Kalau kita tengok ukiran lama-lama, kalau kita pergi muzium kan.

RRA: Haah.

AMH: Ha ada ukiran-ukiran (mengangguk dan memandang tepi) lama tu, itu adalah ukiran tradisional lah. Kemudian yang satu lagi adalah kontemporari ni lebih kepada moden dan dia bebas, motif bebas.

NSI: (Mengangguk faham)

AMH: Okay (Baik) kalau nak bezakan dia senang aje, contemporary ni dia simple, simple dan jugak motif-motifnya tidak terhad kepada bunga-bunga-bunga-bunga sahaja eh. Kalau tengok [sic, kalau selalu tengok] *Facebook* [tapak web rangkaian sosial] saya (memejamkan mata), saya ada-- kadang-kadang saya masukkan jujuk lah. Share lah dengan apa

nama (berfikir) pengiat-pengiat seni semua bagi membezakan ukiran tradisional dan jugak ukiran kontemporari.

NSI: (Tersenyum dan mengangguk)

AMH: Dan contoh contemporary ini tak ramai yang mempunyai kelebihan ataupun kemahiran dia boleh kontemporari. Kebanyakan pengukir-pengukir ni apa yang dia belajar itu yang dia adaptasikan. Ya, lepastu daripada situ lah saya minat dan saya tengok dari segi di dalam industri seni ukiran ni tak ramai.

RRA: Haah.

AMH: Jadi disitu saya sebagai salah-salah satu dari titik tolak saya, bagaimana bidang saya nak jadikan supaya (memandang tepi) sebagai satu kerjaya eh. Yang boleh menjadikan bidang pekerjaan dalam diri saya.

RRA: So [jadi], bagi encik yang mana satu lagi bagus dari tradisional ataupun yang kontemporari yang encik sukak la?

AMH: Saya dua-dua saya boleh buat (bercakap sambil mata ke kiri dan kanan). Saya minat dua-dua jujuk saye minat, sebabnya--. Okay satu lagi dari segi perbezaan eh kalau tradisional ni dia lebih dia-dia mempunyai falsafah. Nilai falsafah ataupun jalan cerita eh 'tajam tidak menerjah kawan', 'melingar penuh usaha' 'bertubuh berpunca'. Ha itu semua (mengangguk) nilai-nilai falsafah yang ada dalam ukiran Melayu, tradisional. Manakala kontemporari ni dia bebas, dia bebas macam kalau saye ke luar negara, saye akan membawe motif-motif ukiran kontemporari supaya mereka tau dan juga mereka faham. Dan di dalam kontemporari tu jujuk saye selitkan jujuk unsur-unsur falsafah dan nilai-nilai seni yang ada dalam ukiran tempatan. Ha itu yang jadi-jadi macam pelik sikit lah.

RRA: (Ketawa kecil).

AMH: Ha (mengangguk dan tersenyum). Sebab kita nak bersaing dengan die orang, kan? Macam kalau *event-event* [acara-acara] *international* [antarabangsa] tu, die orang hebat. Pengukir-pengukir hebat dunia, bukannya calang-calang.

RRA: Haah.

NSI: (mengangguk)

AMH: Kita sendiri--. Kita-kita kecik tapi kalau dah dapat bersaing dengan dia, dia akan *respect* [hormati] kita, kita rasa macam *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah. Satu kebolehan yang ada pada kita (mengangguk).

NSI: (Mengangguk tanda setuju)

RRA: Seterusnya soalan berkaitan dengan penglibatan encik dalam bidang warisan seni ukiran kayu. Sejak bilakah encik Muhaimin mula berminat dalam bidang ukiran kayu ini?

AMH: (Berfikir dan memandang bawah) Sejak lepas sekolah lah.

RRA: Sejak lepas sekolah (mengangguk).

AMH: Tahun lapan puluh lima [1985] tu, lepas sekolah tu saya minat bila dah hari-hari melukis kadang kite dah jemu kan?

RRA: Haah.

AMH: Melukis je.

NSI: (Mengangguk tanda setuju)

AMH: Kita nak fikirkan lagi apa lagi yang saya boleh buat. Bakat seni yang saya ada tu, saya cuba nak-nak meneroka bidang baru eh. “Macam mana kalau saya (melihat tepi) mengukir?” Ha macam tu (mengangguk). Jadi secara tidak langsung (berfikir), kite mencube sesuatu yang baru. Jadi situ timbullah minat. Sebab saye tengok pada ukiran-ukiran kita tu cantik, tapi tak diketengahkan. Sebab tak ramai gen- generasi muda yang menceburi [sic, menceburkan] bidang ukiran kayu. Sebab dulu-dulu tak macam sekarang. Sekarang dah ada media sosial, kan?

NSI: (Mengangguk tanda betul)

AMH: Ada *Google* [penyedia mesin pencari terkemuka], ada apa die orang boleh belajar boleh tengok boleh rujuk. Sekarang-sekarang macam-macam ade, dulu takde.

NSI: (Mengangguk tanda setuju)

RRA: *So* [jadi], Syuhada boleh teruskan dengan soalan bahagian C [soalan khusus].

NSI: Jadi seterusnya saya nak tanya tentang [sic, menurut] Encik Muhaimin, apakah kelebihan yang terdapat dalam seni ukiran kayu ini yang ramai orang tak tau? (tersekat kerana gangguan sambungan internet)

AMH: Okay, orang mana Syu (menunduk ke bawah)? Sarawak [Malaysia] di mana?

NSI: Kuching [Sarawak, Malaysia] (tersenyum).

AMH: Kuching [Malaysia] di mana? (menoleh ke kanan)

NSI: Matang [Kuching, Sarawak].

AMH: Mana Kuching [Malaysia] tu? Hah? (menghala telinga ke kamera telefon)

NSI: Ma-tang [Kuching, Sarawak].

AMH: Matang [Kuching, Sarawak] eh? (berfikir sambil menoleh ke tepi) Okei. Saye pernah pergi rumah panjang, di bahagian ke sembilan, Kuching [Malaysia]. Lama tu dah tahun-- 2000 dulu kah? Sudah lama tu (memandang tepi) [slang Sabah].

NSI: Lama dah?

AMH: Ha sudah lama. Okay tadi soalan tentang apa tadi? (menghala telinga ke kamera telefon)

NSI: Tadi saya nak tanye tentang apekah kele (ketawa kecil)--. Apakah kelebihan yang ada dalam seni ukiran ni ramai orang tak tau? Menurut encik.

AMH: Okay--. Ukiran kayu ni, dia mempunyai satu okay--. Ukiran kayu ni dulu care orang dulu menyampaikan sesuatu. Dia menyampaikan sesuatu melalui persembahan, samaada dalam bentuk media, samaada dalam bentuk ukiran, dan sebagainya. Sebagai contoh lah eh, kalau di Kuching [Malaysia] sendiri, saya tengok, kalau ukiran-ukiran kayu tu kebanyakan ukiran-ukiran tu ada motif-motif tersendiri, kan?

NSI: (mengangguk tanda betul)

AMH: Dan dia sebab saya ada mengkaji sedikit ukiran-ukiran di Sabah dan Sarawak [Malaysia] tu, dia ada motif-motif yang-yang mana dia menggambarkan tentang kehidupan dan sebagainya. Sebab orang tu care dia menegur ataupun menyampaikan sesuatu melalui elemen-elemen sebegini lah. Samaada dalam bentuk media, cum- manya media tu berbezalah, sama ada dalam bentuk batik, corak batik, kan? Corak tenun, ukiran kayu dan sebagainya. Sebagai contoh lah, care dia nak-nak menghormati orang tue, orang muda yang muda menghormati orang tua tu, dia menggunakan media-media, macam kalau ukiran kayu tu, sulung

ataupun batang tu kedudukan di atas dan di bawah itu sebagai lambang ataupun simbol penghormatan orang muda menghormati orang tua. Dia menyampaikan sesuatu melalui hasil karya dia (kurang jelas kerana gangguan sambungan internet) eh (mengangguk). Sebagai contoh jujuk, hujung-hujung ukiran Melayu ini ‘hujung daun--hendaklah dilentikkan sedikit’. Dia bermaksud supaya--ada-adalah menyampaikan sesuatu--Kita ni nak menegur seseorang dengan cara yang baik. Maknanya kita sama kita ni hendaklah-hendaklah menegur seseorang itu dengan cara yang bersopan-santun dan cara yang baik. Itu sebab dia setiap ukiran tu dilentikkan, ‘ditajam tidak menurjah lawan’ dia tajam tapi tidak dia tak mencucuk, dia dilentikkan (terbatuk dan menutup mulutnya).

RRA: Faham-faham (mengangguk tanda faham).

AMH: Jadi bagi elemen-elemen camtu lah. Tum-- satu lagi tu tumbuh apa ‘Tumbuh berpunca (terbatuk dan menghala ke belakang)--. *Sorry* [maaf]. ‘Tumbuh berpunca, punca penuh rahsia’, okey tumbuh berpunca ni dalam ukiran kayu ni ada tiga punca, samaada ‘Punca Benih’, ‘Punca Pasu’ dan jujuk “Punca Bunga”. Bunga berpunca tu bermaksud kita ni, kehidupan kita ni, ada asal-usulnya. Kamu dari keturunan mana, keturunan mana, dan keturunan mana? Jadi benda-benda macam tu lah, elemen-elemen begitulah dia nak menyampaikan dan diadaptasi dalam bentuk ukiran. Ya, itu istimewanya ukiran Melayu. Berbeza dengan ukiran-ukiran negara lain eh, Thailand, Indonesia,--. Indonesia dia lebih kepada patung, dia *translate* [terjemahkan] kan kepada, kalau Bali [Indonesia] tu ada patung-patung dia, menurut kepercayaan dia lah.

RRA: Haah (mengangguk tanda setuju).

AMH: Dan dewa-dewa dia lah. Ha, itu berbeza. Tapi kite orang Melayu ni lebih kurang kepada benda-benda yang cantik, menarik. Contohnya kalau motif-motif ‘Bunga Tanjung’. ‘Bunga Tanjung’ sifat dia [Bunga Tanjung] apa? Dia [Bunga Tanjung] wangi, kemudian dia [Bunga Tanjung] pokok yang kukuh. Macam kita nak memilih motif-motif ni

kene pilih juga lah apa kelebihan yang ada pada motif tu ataupun apa kelebihan yang ade pada pokok tersebut. Sebab akar dia akar dia mencengkam ataupun dia kuat dia teguh susah nak cabut. Okei, kita pilih Bunga Tanjung sebab dia [Bunga Tanjung] wangi dan kita jadikan dia [Bunga Tanjung] sebagai motif untuk ruang tamu kita supaya falsafah--. Aura wangi tu yang ada pada dia [Bunga Tanjung] tu bila angin masuk dalam rumah, rumah kita adalah di-- apa dipercayai rumah kita sentiasa wangi.

NSI dan RRA: (Mengangguk tanda teruja)

AMH: Ha cara orang dulu, cara orang dulu-dulu. Satu lagi contohnya, daun sirih. Daun sirih adalah dari segi perubatan dia merupakan satu herba kan?

RRA: Haah (mengangguk tanda betul)

AMH: Untuk bagi *healing* [penyembuhan] lah dia kuasa *healing* [penyembuhan]. Okay, katil--[sic, motif-motif katil] kita, katil yang dekat tempat tidur tu yang katil tu kalau dibikin [dibuat] apa nama bunge-bunge corak berdaun sirih dipercayai sebagai satu daripada aura perubatan. Jadi, bila kita sakit pun, tak ada- [sic, ataupun tidak sihat] jadi bila kita tidur atas katil tu secara tak langsung dia ada dia akan ada aura pada-pada katil kita tu (tersenyum).

NSI: (Mengangguk tanda setuju)

AMH: Ha, dia kepercayaan macam tu. Itu kelebihan-kelebihan ukiran-ukiran kayu kita. Ha (mengangguk) *that's why* [sebab itu]--.

RRA: Patutlah selalunya dekat katil tu dia punya ukiran kayu tu daun sirih (mencelah).

AMH: Ha betul (nada teruja, mengangguk), ukiran daun sirih. Tu di mana letak tu? Di tempat-tempat kan, tempat-tempat yang ni lah, contohnya kalau

kata di dapur-dapur. Kita akan gunakan motif-motif buah-buahan. Contohnya pokok labu, pucuk labu, daun dia. Ha dia sayur-sayuran kan, tu kita masak kita letak di dapur ukiran tu. Jadi motif-motif tu lah elemen-elemen itu. Ha (mengangkat kepala), sebab kelebihan dia, dia ada nilai falsafah ataupun ada satu maksud yang tersendiri yang dia sampaikan, tapi melalui medium ukiran. Ha, itulah.

NSI: Faham.

RRA: Setiap motif itu ada maksudnya tersendiri lah kan?

AMH: Betul (angguk kepala). Dia tidak berbuat (berfikir dan memandang tepi) [sic, reka] begitu saja, ada maksud. Sebab saya pernah pergi satu di (mengingat) Keningau [Sabah, Malaysia], saya pernah pergi tak silap saya (menoleh ke tepi) ada satu perkampungan tradisional di-di Tenom [Sabah, Malaysia]. Saya lihat--

RRA: Tenom [Sabah, Malaysia](mengangguk tanda tahu).

AMH: Ya, ada perkampungan tradisional di situ kan banyak rumah-rumah tradisional dibikin [dibuat] tu eh

RRA: Haah

AMH: Jadi setiap ukiran-ukiran tu saya pun ada *study* [belajar] jugak, dan dia sendiri pun lebih kurang kita jugak. cara orang-orang dulu menyampaikan sesuatu melalui ukiran, jadi kalau bunga yang ini motif yang ini (menyentuh hidung), biasanya kalau cikgu dia guna untuk rumah, kalau rumah ini (berfikir) macam penghulu ke apa dia akan menggunakan motif-motif ini. Mesti ada, jadi sebagai tandu, maknanya orang tau kalau ukiran ni penghulu punya rumah, kalau ini orang-orang dulu yang gagah perkasa punya rumah. Ha dia [ukiran] dijadikan simbol, ukiran tu sebagai simbol di Sabah [Malaysia]. Di Sarawak [Malaysia] pun saya rasa pun ada maksud dia tersendiri (mengangkat kepala).

NSI: (Mengangguk tanda setuju) K, jadi untuk soalan yang seterusnya, saya nak tanya adakah seni warisan ukiran kayu ini mampu memberikan impak yang positif terhadap negara kita?

AMH: sudah tentu lah.

NSI: menurut pandangan encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah].

AMH: Ya, ya sudah tentulah dia sebenarnya adalah sum- sumber ataupun imej negara kita, sebagai contoh lah bunga raya kan. Bunga raya bunga kebangsaan di label bunga kebangsaan, bila diukir tu jadi cantik lah bila satu, sesuatu yang cantik, akan jadi lebih cantik dan juga mempunyai maksud ataupun makna tersendiri ye, sebagai contoh bunga raya lah, bunga kebangsaan dan mempunyai lima cabang, kalau awak tengok ada dalam tak silap saya ada tak saya dalam profil saya tu ada yang saya buat dewan parlimen tu ada yang lobi punya gambar bunga raya tu. Ok, yang itu saya reka sendiri dia apa nama dia punya design tu empat belas bunga melambangkan empat belas negeri dalam Malaysia dan ca- corak yang saya gunakan tu adalah corak dipanggil pola lengkap. Pola lengkap ni yang dia seolah-olah melengkap satu gagasan Rukun Negara. Jadi, semua ada dalam tu (menggerakkan tangan). Saya-- olah dalam satu bentuk ukiran. Perasan tak dekat lobi Parlimen tu ada tulis Parlimen Malaysia tu kan?

RRA: Haah

AMH: Ada Bunga Raya tu kan?

NSI: Haah (mengangguk)

AMH: Ha-- yang tu.

NSI: K, selain -- daripada _ Encik Muhaimin tadi, bagaimana pula menurut _ _ _ seni ukiran kayu ini, ade tak?

AMH: Apa? putus-putus lah syuhadah, ulang balek.

NSI: Selain daripada kebaikan yang pernah encik Muhaimin sebut tadi, bagaimana pula menurut tuan mengenai kelemahannya?

AMH: Okei, okei kelemahan dia satu je, ok, ukiran kayu ni kalau kita nak belajar biar dari bawah, maknanya kite kene tahu asal usul ukiran ni sepatutnya. Kite kene kenal motif, tau tak? kena kenal, kena *study* [belajar] dulu motif-motif atau pun bunga-bunga yang kita nak ambik sebagai motif tu, apa kekuatan yang ada pada motif tu apa kekuatan dan kelebihan yang ada pada bunga itu kita jadikan dia motif dalam ukiran ya jadi bila benda-benda tu elemen-elemen itu diserap dalam ukiran secara tak langsung dia menjadi satu ukiran yang macam kite panggil apa nilai-nilai eh nilai yang tinggi lah cumanya kelemahannya apabila generasi sekarang ni lah, dia tak belajar daripada bawah dan tidak faham tentang motif-motif tentang ukiran tentang sudut apa ca- tentang teknik-teknik cara mengukir dia belajar melalui Cik Google, dia ambik dan dia ciplak [tiru] je mana-mana motif dan dia ukir, dan dia sendiri tak tahu macam mana nak menceritakan nilai-nilai falsafah yang ada dalam ukiran tu.

RRA: Haah

AMH: Kiranya macam tu lah.

NSI: K [Okei]k, seterusnya tentang kita masuk tentang pembuatan seni ukiran kayu boleh Encik Muhaimin kongsi sedikit mengenai jenis-jenis motif ukiran yang ada di Negara kite?

AMH: Ok kalau cerita pasal motif ni banyak sebenarnya, untuk ukiran kayu sahaja _ dia ada lebih daripada lima ratus motif. Terlalu banyak. Ye. Tapi kebanyakan pengukir-pengukir ni die mempunyai identiti dia kene ada satu motif yang sebagai lambang ataupun simbol identiti die. Macam saya simbol motif Bunga Tanjung ok sebab Bunga Tanjung ni kenapa sebab dia punya dia punya kelebihan Bunga Tanjung ni akar dia kuat er dia tidak dia tidak menumpang ke pokok lain dia pokok dia sendiri dia ada dia hidup dia tegak sendiri dia tak menumpang jenis tak menumpang. Kemudian dia mempunyai bunga yang wangi dia sentiasa berkhidmat pada orang. Wangi-wangian dia memberi khidmat kepada orang ramai kemudian bunga dia cantik, putih dan jugak dia mempunyai dari segi perubatan *healing* [Menyembuhkan] dan sebagainya. Kemudian Bunga Tanjung juge dikenali dengan beberapa nama Bunga-- Kesidang pun dia

jugak, Bunga kerak nasik pun dia jugak, Bunga Tikam Seladang pun dia jugak

NSI: Ye

AMH: Empat lime name buat satu bunga maknanya kelebihan die cukup banyak *that's why* [sebab itu] saya guna Bunga Tanjung sebagai identiti jadi kebanyakan pengukir ni dia tak tidak mempunyai identiti dia ikut pakai ikut motif-motif ataupun motif-motif idea orang lain dia sebenarnya identiti tu adalah lambang keperibadian kite dan saya rasa ini penting.

NSI: (Mengangguk)

AMH: Ya betul, sebab nya untuk kita lebih , Kita mem- kita kene ade satu identiti yang orang boleh kenal orang tengok je 'ar ini Muhaimin punya bunga' orang akan tahu

NSI: (Mengiyakan)

AMH: Ya

RRA: So [jadi]

NSI: Jadi

RRA: Jadi Encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] kan Encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pilih 'Bunga Tanjung'?

AMH: (mengiyakan)

RRA: Encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pernah kah gunakan motif bunga yang dalam pembuatan ukiran kayu

AMH: Buat juga, Bunga Tanjung tu identiti je tidak semestinya saya __ bunga lain saya buat jugak (ketawa kecil)

RRA: Okay

AMH: Tapi pemilihan satu bunga sebagai identiti tu penting. Macam Nor Haizah [Norhaiza Nordin, salah seorang penggiat seni ukiran kayu di Malaysia]

NSI: _

AMH: Macam Encik Norhaizah [Norhaiza Nordin, salah seorang penggiat seni ukiran kayu di Malaysia] dia lebih pada Bakawali. Bunga Bakawali tu sebagai lambang dan juga dia gunakan sebagai logo Syarikat dia Bakawali. Bunga Bakawali ye tau kan yang Pontianak [jin] tu

RRA: (Mengiyakan)

AMH: Pukul dua belas malam jadi pontianak [jin]

RRA: ketawa kecil

AMH: (Ketawa)

NSI: Jadi menurut Encik yang mana paling *populer* [terkenal] yang slalu gune?

AMH: Tu lah, kitaorang macam kitaorang *depends* [terserah] lah kalau *client* [pelanggan] nak bunga lain pun kite buat juge haa, dia bergantung kepada tempahan. Tidak semestinya Bunga Tanjung je banyak lah bunga dan jugak kalau lebih kontemporari ni saya lebih minat Bunga-bunga macam Hendigornia [jenis bunga] lebih pada kontem, Bunga-bunga Tulip tu kontemporari lah bukan tradisional. Saya lebih suke bunge-bunge yang macam moden-moden sikit ye Bunga Lavender tu untuk kontemporari lah.

NSI: Jadi, boleh Encik ceritakan sedikit tentang cara atau langkah-langkah penghasilan motif-motif tu tadi?

AMH: Ok untuk mengukir ni yang pertama sekali kaedah atau pun teknik die yang pertama kite kene dapatkan motif dulu kite kenal motif dulu _ dia ape lepastu yang kedue kite kene olah die dalam bentuk ukiran daripada motif asal tu ori bunga yang original yang ada tu kita olah dalam bentuk ukiran dia [motif] akan berbeze eh dalam bentuk ukiran berbeze kita adaptasi die dalam bentuk ukiran kemudian kite olah. Ok kalau Syuhadah tengok dalam *Facebook* [Media sosial] saya cari dalam *Facebook* [Media sosial] saya

NSI: Ye

AMH: Saya ade saya ade berkongsi video video tentang teknik-teknik mengukir jadi teknik melakar motif teknik mengukir dan jüge teknik ape lagi dua tiga video yang saya *share* [kongsi] pada orang ramai dari situ sebenarnya dah boleh tau teknik ataupun kaedah bagaimana kite nak mengukir dari mula sampai ke akhir. Tengok _ _ _

NSI: Baik

AMH: Okey jadi pemilihan motif

NSI: Baik Encik

AMH: Okey kemudian kita olah dia dalam bentuk ukiran, baru lah kite kite pilih sama ada kite nak dia terdapat dua-- teknik ukiran yang biasa kita gunakan lah sama ada dalam bentuk ukiran separuh tebuk ataupun ukiran separuh te- separuh-- timbul *sorry* [minta maaf] cemani eh yang pertama ukiran separuh tebuk bersilat eh ukiran separuh tebuk bersilat ok yang pertama yang kedua ukiran tebuk tembus bersilat yang ketiga ukiran separuh tebuk tanpa silat yang keempat

ukiran tebuk tembus tanpa silat. Dipersilat dan tanpa silat. Ok kalau nak

NSI: (mengangguk)

AMH: Nak tengok *result* [hasil] dia bersilat tanpa bersilat kene tengok video kene tengok video lah contoh- contoh gamba baru ade baru faham.

RRA: (setuju)

AMH: Dipersilat

NSI: K

AMH: Dan tak bersilat itu berbeze dua tu (menggaru dagu)

RRA: (Berfikir) kalau yang macam ukiran kayu dekat belakang Encik tu itu apa tu yang tembus kah?

NSI: (Tersenyum)

AMH: Ok, ini, yang ini tebuk tembus bersilat

RRA: Tembus

NSI: Macam tu

AMH: okei kalau tengok yang ni yang ini kontemporari la yang ni *design* (reka bentuk) kontemporari

RRA: (Mengiyakan)

AMH: *Design* [reka bentuk] moden lah nampak tu ?

RRA: Nampak

NSI: Nampak

AMH: Nampak ye, okey ini sebenarnya daun dipanggil kalau kita sebut die okey motif dia Daun Lirik L-I-R-I, L-I-R-I-K Lirik.

RRA: (memberi isyarat faham)

NSI: Lirik, Daun Lirik (sambil menulis)

AMH: Daun Lirik, bukan lirik lagu--. Boleh tengok Google pokoknya macam mane.

NSI: Tu ape, Jadi ape maksud

AMH: Okei, okei kalau di sini

NSI: Di sebalik ukiran ni?

AMH: Ok kalau tengok dalam apa nama *Google* [ejen mencari maklumat], Daun Lirik ni, kelebihan dia apa tau, die kite kalau orang buat lemang eh selain daripada daun pisang, dia gunakan juga Daun Lirik untuk sebagai ape salut-lemang [makanan Melayu] tu dia masukkan daun tu dulu baru tuang beras dalam tu jadi supaya

NSI: (memberi tanda setuju)

AHM: Dia tak melekat pada daun lirik die-- kuat die tak mudah putus

NSI: (memberi isyarat faham)

AMH: Ta- tapi susah dapat sikit lah sebab dia kene cari dalam hutan. Jarang orang _ selalu orang pakai daun pisang sebab mudah dapat,

NSI: Ye

AMH: Ini Daun Lirik dia punye dia sedap la lemang tu jadi sedap la kan sedap dan juga dia [lemang] punya bau tu

NSI: Wangi

AMH: menyelerakan

NSI: Menyelerakan,

AMH: Ya

NSI: Jadi biasanya dalam berapa lama masa yang diambil untuk menghasilkan sebuah ukiran kayu ini?

AMH: K masa tu die sebenarnya bergantung kepada yang pertama kayu ataupun jenis bahan mentah. Apa yang kita gunakan kalau kayu tu keras mungkin ambil masa yang lambat sikit lah, yang kedua dari segi *design* [reka bentuk] tersebut halus ke sederhana ke kasar ke kalau halus sebenarnya lagi halus lagi lambat lagi-- *complicated* [susah] la

NSI: Lama

AMH: Lagi lama, betul syu. Ok yang ketiga dari segi finishing (menyiapkan) die teknik finishing (finishing) kita gunakan ye. Semua tu tiga-tiga elemen tu sebenarnya mempengaruhi kalau tanya berapa lama tu bergantung pada tiga-tiga elemen tu lah dan yang keempat sendiri bergantung kepada kite punya *moody* [murung] atau pun *mood* huh

NSI: Ouh

AMH: (Ketawa kecil) tapi untuk production macam kalau di bengkel saye dah tak mengukir dah saya setakat mengu- menu me- melak- meng- menguki- er melukis saje sebab ukiran ni biasa

NSI: Ouh

AMH: biasanya bagi saya lah *production* [produksi] biar orang lain yang buat

NSI: Ouh jadi penghasilan ukiran kayu ni adakah dia memerlukan lebih daripada seorang ataupun seorang je boleh siap?

AMH: Ok kalau untuk mengukir ni sepatutnya memang seorang lah daripada mula sampai akhir lah itu secara tradisionalnya tapi untuk lebih kepada *match product* [produk padanan] kita perlu ada seorang pengukir yang mana kerje die mengukir je

NSI: Ermm

AMH: Kemudian seorang lagi dia kerja dia untuk *finishing*-- [menyiapkan] je. Gosok dia *finishing* termasuk kerje-kerje menggosok ukiran dan sebagainya kemudian untuk *marketing* [pemasaran] seorang kerje die untuk *marketing* [pemasaran] saje itu kalau dari segi bagaimana kite nak kembangkan ukiran ni sebagai satu industri. Betul tak? Kalau dulu-dulu zaman-zaman dulu memanglah dia seorang buat kan

RRA: Haah

AMH: Dia senarnya ukir dia pegi tebang ka tebang balak

NSI: Ye

AMH: Pegi tebang kayu dia pikul dia bawak balek dia ketam tapi sekarang kite dah lebih kepada *production* [produksi] kita kene ke arah itu lah

RRA: lebih cepat lah

AMH: Lebih cepat, dia ada pengkhususan lah macam saya guna pengkhususan. Pekerja-pekerja tu dia ada pengkhususan kalau dia mengukir dia mengukir saja dia tak bikin lain kerja tu. Yang *Finishing* [menyiapkan], *finishing* [menyiapkan] saja. Baru kita boleh buat satu *production* [produksi] lah.

NSI: K--. jadi bagaimanakah datangnya idea Encik Muhaimin dalam penghasilan motif ukiran kayu ni bagi-- nak menghasilkan sebuah ukiran kayu?

AMH: ok sebenarnya idea tu sebenarnya dia datang daripada sekitar kita lah apa yang ada di sekeliling kita dan jugak kebanyakannya jugak idea untuk ukiran kayu tu kita memenuhi kehendak pelanggan ataupun *customer* [pelanggan] kita *client* [pelanggan] kite kalau dia kate "saya mau ini bunga bah kau bikin saya punya ukiran ini, mau Bunga Raya bah" ya "boleh" jadi kita ikut kehendak dialah. Ataupun "saya mau kau bikin

Bunga Tulip bah ini saya punya kotak kau bikin Bunga Tulip juga tak mau bunga lain” kita bikin.

NSI: (Ketawa)

AMH: Jadi secara tak langsung kite memenuhi kehendak dia dan dia puas hati *Alhamdulillah* [bersyukur kepada Allah].

NSI: Jadi boleh kah Encik—. apakah antara peralatan (sambil menggerakkan tangan) yang diperlukan untuk menghasilkan seni ukiran kayu ni?

AMH: Ok untuk mengukir ni beberapa alat penting yang diperlukan lah antaranya pahat ukir lah haa pahat ukir kemudian dia punya tukul dan juge alat-alat lain lah. Boleh tengok juge dalam video saya tu ada saya perkenalkan alat mengukir saya siap tunjuk gamba lagi.

NSI: (Mengiyakan)

AMH: Ok ye dan selalunya kite kene dekat lah dengan setiap pengukir dia mesti ada alat atau pun apa pahat-- ukir yang dia jaga yang dia kena jaga dan juga pelihara agar sentiasa tajam dan juga bersedia untuk mengukir maknanye tiap-tiap sorang tu dia kene ade satu set tiga puluh empat puluh batang tu untuk satu-- orang mengukir Sebab dia alat mengukir ni die banyak saiz, die dan juge bentuk die berbeze dan setiap bentuk yang berbeze tu mempunyai berlainan fungsi. Die tak sama fungsinye.

NSI: Ouh, jadi die ada fungsi khas sendiri lah

AMH: Ya betul saya ada buat demo tu saya tunjuk cara mengguna pahat tu semua ada dalam video tu boleh tengok.

NSI: Okey. Jadi hasilan kayu yang biasa Encik Muhaimin hasilkan memang biasa akan dijual lah?

AMH: Ya setakat ni dijual cumanya kalau koleksi saya tu say tak-- jual lah saya simpan lah untuk koleksi saya.

NSI: Ouh jadi adakah permintaan terhadap hasil ukiran kayu ini mendapat sambutan tinggi daripada pihak luar?

AMH: (Encik Muhaimin sedang minum air) ok, setakat ni (berfikir sejenak) *Alhamdulillah* [Bersyukur] lah sentiasa ade lah projek bukan takde dan pihak kami jugak telah membuat beberapa projek untuk luar negara eh bukan saja tempatan yang mana kita pernah buat (batuk kecil) beberapa unit mimbar masjid di Singapura. Ok?

NSI: (Mengangguk)

AMH: Lepastu kita ada buat (cuba untuk mengingati) Spa di London.

RRA: Wow (merasa kagum)

AMH: Dan kite juga _ ada beberapa restoren di Tokyo [Jepun]

NSI: Wah (kagum)

AMH: daripada luar negara dan juga beberapa hotel di Melbourne [Australia].
Jadi benda-bendani pada saya lah ukiran ni kita bukan takda pasaran, ada, cuma cara kita nak bagaimana kita nak

NSI: _

AMH: __ ya betul, saya lebih suka ketengahkan motif-motif kita lah elemen-elemen tradisional __.

NSI: Jadi biasa-- nya berapekah harga yang Encik Muhaimin tetapkan bagi setiap hasil? (sambil menggerakkan tangan)

AMH: K dia bergantung pada tu lah macam saya cakap tadi dia bergantung pada saiz atau pun produk yang kita hasilkan. Kalau-- berbentuk *panelling* [panel] atau pun panel-panel ukir yang untuk hiasan dinding dia bergantung kepada saiz dan jugé jenis kayu erh. Kalau kayu keras macam Cengal ka, Kayu Belian, ka lagi mahal bah [slang Sabah] itu kalau Belian [jenis kayu] lagi mahal,

RRA: (ketawa kecil)

NSI: (ketawa kecil)

AMH: kemudian (bercakap sambil tersenyum) dia punya apa nama dari segi apa nama

NSI: (Menoleh ke belakang, terganggu)

AMH: kalau untuk luar negare kebanyakan kita gunakan kayu-kayu yang telah di *treatment* [rawat] warna die kene ada ubat lah ada ada proses lah melalui proses *treatment* [rawat] supaya die lebih tahan dengan cuace disana ye macam kalau di-- belah-belah *Europe* [Eropah] kalau UK [United Kingdom] die ade tri- ada-- die punye dia panggil MC *Moisture-Content* [kandungan lembapan] kelembapan yang diperlukan untuk

NSI: Hurm erm (mengangguk)

AMH: Sesuai dengan cuaca disana. Jadi kebanyakan kite rujuk kepada pihak-pihak agensi yang berkaitan lah macam FRIM [*Forest Research Institute Malaysia*] MTIB [Malaysian Timber Industry Board] dan sebagainya supaya ukiran kata [sic, kita] tu tidak pecah kalau tidak dia akan pecah sampai disana. Disebabkan perubahan cuace eh macam kite cuace kite lain tau tropika ni dia kering di sana dia lembap jadi dia berbeza.

RRA: Jadi dari segi harga ni untuk dalam negara adakah-- dia lebih murah atau pun macam mana? untuk yang luar negara dia mahal kah ?

AMH: Luar negara sebab dia ada *tax* [cukai] apa semua, kan

NSI: (Mengangguk)

AMH: die kene ada Kastam lepastu ada cara [menutup mata tanda mengingati] nak-- eksport tu dari proses-proses dokumentasi dan sebagainya lah iaitu dia lebih sudah semestinya dia lebih mahal dan juga kalau di Malaysia sebagai contoh kalau buat panel tu kite kira *square fit* [kaki persegi] eh

NSI: (Menoleh ke belakang seperti ada gangguan)

AMH: Kaki persegi antara seratus lima puluh hingga ke empat ratus lima puluh eh itu *depends* [terserah] lah bergantung kepada macam saya sebut tadi dari segi bahan mentah kayu, ukiran dan sebagainya. Dan kalau dia berbentuk arca tu lagi-- mahal sebab-- dia ada nilai seni pulak di dalam tu dia bukan ukiran biase. Okei?

NSI: (sedang bercakap tetapi lupa hidupkan mikrofon)

AMH: Ada lagi?

RRA: Syu? [Nursyuhada binti Ismail, penemu bual pertama] Mike [Mikrofon]!

NSI: (Tersenyum) sorry [minta maaf], maaf. Seterusnya mengenai bengkel yang dimiliki oleh Encik, boleh Encik kongsi mengenai pembukaan bengkel tersebut?

AMH: Ermm

NSI: Bagaimana terdetiknya hasrat encik nak tubuhkan bengkel tersebut?

AMH: K bengkel tersebut nama dia Inakraf I-N-A-K-R-A-F boleh tengok *Facebook* ye. Dan Ina tu adalah nama isteri saye Zarina, ambik nama dia lah Ina. Inakraf *short name* [nama pendek] pada nama dia tu lah Zarina. Kita tubuhkan pada tahun 1991 dan bermula dengan menerima tempahan kecil-kecil lah buat barang-baran kecil *souvenir* [cenderahati] dan sebagainya, bila kite dah *established* [tubuhkan] kite dah bergerak maju kite buat projek yang besa-besar lah termasuk *interrior* [dalaman] untuk hiasan dalaman dan sebagainya dan di apa nama dan kite mempunyai setakat ini ada enam orang pekerja tetap

RRA: Haah

AMH: Dan se- dan kita juga selalu me- menganjurkan eh menganjurkan kelas-kelas ukiran yang di yang ditaja oleh agensi-agensi lah termasuk lah pihak MTIB pihak Kraftangan Malaysia sebab kebanyakan kursus-kursus yang disediakan tu adalah dibayar dan ditaja oleh agensi (batuk kecil). Setakat ni

NSI: Ye

AMH: Untuk yang sendiri belum-- lagi lah sebab kos-kos semua yang terlibat macam penginapan dorang, makan minum dorang apa semua kan

NSI: (Mengiyakan)

AMH: Kena ada agensi yang ta- tajalah yang tanggung lah dan kalau saya mengajar ke luar tu pun dia bayar lah mengikut *rate* [nilai] ada *rate* [nilai] *special rate* [nilai istimewa] untuk ni lah adiguru punya ni ye

NSI: Jadi, adakah Encik Muhaimin hanya menerima seorang yang hanya mahir dalam bidang ukir kayu sahaja untuk bekerja di bengkel encik ?

AMH: Sudah semestinya sebab kita nak bila nak kite nak *train* [latih] dorang kalau budak tu tak tahu apa-apa kosong kan *zero* [kosong] ye dia ambik mase lah mengambik mase sebenarnya

NSI: (mengangguk)

AMH: Biasanya kite ambik mereka yang dah mahir lah jadi senang untuk membantu kerja-kerja kite, kite tak perlu dah nak ajar dorang balik semula dari A sampai Z. Dorang dah ada *skill* [kemahiran], dah mahir dan boleh buat kerje terus kite serah aja.

RRA: Ouh (meengangguk)

NSI: Ouh (mengangguk)

AMH: Cumanya kalau kite (berfikir sejenak) ye kalau pelajar-pelajar praktikal tu kite kene ajar semula sebab dia dah ada dah *skill* [kemahiran] cuma kita nak-- asah lagi bakat die kan

NSI: (mengangguk)

AMH: kite kebanyakan kite dai- dae- sambil kite mengajar kite bagi juge die input-input supaya dia menjadi seorang usahawan

NSI: (Mengangguk)

AMH: Kite nak suruh dia menjadi usahawan supaya die bila habis praktikal tu dia boleh berdikari dan jugak dia boleh dia boleh-- merancang atau pun erm ke arah mana hala tuju die sama ada untuk menjadi usahawan ataupun melanjutkan pengajian. Terpulang pada die

NSI: (Mengangguk) betul. Jadi boleh kah encik kongsikan sedikit (sambil menunjukkan jari) dari segi kos dalam penubuh- pem- pembinaan bengkel Encik Muhaimin? Kos.

AMH: Ok bengkel saya tu sebenarnya dulu ye adalah as- asal us- saha saya sendiri bersama isteri saye lah jadi kebanyakan modal yang kite keluarkan tu adalah modal sendiri sebab dulu takda apa-apa bantuan daripada pihak kerajaan yang mana modal dalam pembinaan bengkel tu dalam sepuluh ribu [RM 10,000] lah dulu punya apa nama duit lah sepuluh ribu, tahun lapan [sic, sembilan] puluh satu [1991], sembilan puluh dua [1992] dulu sepuluh ribu tu dah boleh dapat satu bengkel saya cuba mintak dengan pihak kementerian masa tu. Sebelum saya mintak dengan kementerian tu saye beli lah juga mesin-mesin yang kecil *portable machine* [mesin mudah alih] yang mana saye boleh menjalankan bengkel saye me-- mengikut er-- ataupun apa menggunakan mesin yang ada yang mana saya beli mesin yang kecil-kecil saya gunakan dulu jadikan produk dulu kite buat produk dulu ok, sambil tu saya mintak jugak dengan pihak kerajaan bantu dan jugak saya dapat bantuan daripada pihak Kementerian Luar Bandar kalau tak silap saye sebanyak empat puluh ribu [RM 40,000] pada tahun sembilan puluh dua [1992] ke sembilan puluh tige [1993]

NSI: Ouh (mengangguk)

AMH: Jadi dia bagi mesin jadi daripada situ lah kite mengeluarkan produk-produk ukiran lah dengan lebih dalam bentuk komersial lah sebab mesin ni memerlukan me-- merupakan alatan ataupun komponen penting dalam industri ukiran

NSI: (Mengangguk)

AMH: Sebab dia membantu mempercepatkan proses kerja-kerja mengukir ye macam contohnya nak me- nak potong die proses ketam kayu sebab kita kebanyakan kayu-kayu yang kite beli daripada kedai tu dalam bentuk papan

RRA: (Mengiyakan)

AMH: Tapi kite nak licin kan permukaan die kita nak gam, dia banyak lah melalui proses-proses begitu lah. Itu yang kite

NSI: Mesin

AMH: ___ ya mesin-mesin tambahan

NSI: (Mengangguk) jadi bilakah waktu dan hari bengkel Encik Muhaimin beroperasi, biasanye?

AMH: Ok, biasanye kite buka pukul sembilan pagi hingga lima setengah petang

NSI: Ouh, setiap hari ke?

AMH: Ye setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad

NSI: Ouh hujung minggu tak bukak.

AMH: Hari sabtu separuh hari

NSI: Jadi seterusnya

AMH: Termasuk ___

NSI: Ahhh? (apa tu)

AMH: Cuti-cuti umum lah kalau macam raya ke apa ke kita tutuplah

NSI: Ouh, faham. Jadi soalan seterusnya mengenai sumbangan serta pencapaian yang Encik Muhaimin dalam bidang seni ukiran kayu ni. So [jadi], kami mendapati bahawa encik Muhaimin telah banyak menjuarai pertandingan dalam bidang ukiran kayu di dalam negara mahupun di luar negara jadi apakah, bolehkah Encik Muhaimin kongsi antara pertandingan dan penyertaan yang pernah Encik Muhaimin sertai?

AMH: K [okei] kalau tengok pada profil tu ada banyak kan

NSI: Hurm erm

AMH: Saye masi k

NSI: Ye

AMH: Die bermula pada tahun 2012 sebenarnya yang itu sebenarnya melakar-- sejarah saye lah yang bermulanya saye melibatkan diri dalam bidang ukiran kayu ini di luar negara pada tahun 2012 yang mana pada tahun tersebut saya menyertai satu pertandingan dipanggil *International-- Live-- and Wood Carving Competition* [Pertandingan Maya Mengukir Kayu Antarabangsa] yang mana dua ratus lima puluh negara eh

NSI: Wow (kagum)

AMH: Dan saya seorang aje daripada Malaysia wakil dari Malaysia, saye pegi di *invite* [jemput] ye di *invite* [jemput] oleh satu organisasi antarabangse

RRA: Woa (kagum)

AMH: Masa tu di Nanning, China. Err ok tu *first time* [pertama kali] saya masuk pertandingan tu di luar negare, saya tengok

NSI: (Mengangguk)

AMH: Penyertaan tu memang hebat-hebat lah kite memang kecik terlalu kecik diri kita sebenarnya

NSI: Woah (tersenyum)

AMH: memang kecik pun diorang lagi besar lagi tinggi dari saya bah (ketawa besar)

RRA: (Ketawa besar)

NSI: (Ketawa kecil)

AMH: Ok saya-- lihat itu adalah satu cabaran sebenarnya ye tapi (menggaru hidung) bile saya mengukir tu saya ukir satu arca ye satu arca yang mana saya buat motif tradisional dan di dalam tu saya ceritakan lah nilai-nilai falsafah yang ataupun hasil-hasil karya saya tu saya letak (menggaru kepala) yang bertajuk tak silap saya apa ye 'No Free' er 'Life' bertajuk 'Life' ke tak silap saye ok dan di dalam tu saya letakkan nilai-nilai falsafah Melayu yang terdapat dalam ukiran, so [jadi] 'Tumbuh berpuncu, punca penuh rahsia, hujung' apa nama dipanggil 'tajam tidak menikam kawan,' ada dua tiga falsafah lah yang saya letak dalam ukiran saya tu jadi diorang bile-- masa saya *present* [sembahkan] saya cerite kan lah pada diorang "*this is a traditional motive*" [ini adalah motif tradisional], saya kate. Saya cerite lah falsafah-falsafah sekurangnya dan diorang terkejut dan dia kata, "*this is a amazing.*" die kata. *First time I* [pertama kali saya] dengar ukiran ni mempunyai cerita dan jugak mempunyai falsafah yang mana die mempunyai satu cara ataupun penyampaian bagaimana orang dulu menyampaikan sesuatu melalui hasil karya. Jadi dorang kagum dan dari situ saya mendapat satu anugerah ye '*The Best of Achievement and Craftmanship Award*' [Anugerah pencapaian terbaik Pengukir Kayu] ki-kite bersaing dengan pengukir-pengukir dunia 'Alhamdullillah' [Bersyukur kepada Allah] satu anugerah untuk negare dan saya rasa bangga kerana saya rasa itu satu-satu nya (batuk kecil) pencapaian pertama kali lah pada tahun 2012. Ok (memandang ke atas mengingati sesuatu) bertitik tolak pada tu setiap tahun saya di *invite* [jemput] eh saya di akan di- diundang menyertai ukiran-ukiran di luar negare (batuk kecil) ada beberapa agensi lah yang panggil jadi bila nama kite dah orang dah kenal dan dah duduk di atas dia akan sentiasa panggil lah.

NSI: (Mengangguk)

AMH: Dan setiap tahun saya akan ke luar negara eh mewakili negara ada setengah tu se- kadang setahun sampai tiga kali tiga negara yang

berbeza. Pergi ke Nepal dan sebagainya, dan untuk makluman Syu dan pada dan jugak siapa?

RRA: Roushella

AMH: Roushella, pada tahun ini sepatutnya saya ke Tokyo [Jepun] (Batuk kecil) sebab Olimpik [sukan antarabangsa] di Tokyo [Jepun] kan

RRA: Tokyo

NSI: Duh sayang (rasa simpati) sayang nya

AMH: Sebab tapi-- sebab 'Covid' [virus] tu

NSI: Ye

AMH: Saye sebelu- sebelum 'Covid' tu saya dapat satu surat, satu surat macam *invitation letter* [surat jemputan] (batuk besar) macam satu *invitation letter* [surat jemputan] panggil saya ke Tokyo [Jepun], tinggal nak beli tiket saja, *Booking* [tempah] tiket saja saya terbang terus tapi nasib baik

NSI: Allah [Tuhan]

AMH: satu hari sebelum saya beli tiket tu mengatakan *event* [acara] di Tokyo [Jepun] dibatalkan sebab Covid, yang mana

NSI: __

AMH: Diberi ya diberi satu penganugerahan yang mana saya kene ukir satu arca, arca kayu yang besar semasa Olimpik [sukan antarabangsa] di Tokyo jadi (ketawa kecil) oleh kerane

NSI: (Memberi tanda faham)

AMH: Ye oleh kerane apa nama 'Covid' jadi dia *cancel* [batal] lah *event* [acara] tu di *cancel* [batal] dan ada dua tiga program sebenarnya tahun ni saya juga dipanggil ke Switzerland pada

NSI: (Kagum)

AMH: Ya Switzerland dan jugak satu lagi di (cuba mengingati) Uzbekistan sepatutnya saya pegi ye

NSI: Sayangnye

AMH: _ tu lah, sayangkan?

RRA: (Mengiyakan)

AMH: Takpa, nanti tunggu-- 'Covid' habislah (ketawa)

RRA: (Ketawa)

NSI: Inshaallah [dengan izin Allah]

RRA: Tak tau bila habis

AMH: Tu la.

**NSI: Jadi berapa kah bilangan jumlah kejayaan yang telah Encik Muhaimin _ ?
(gangguan sambungan internet)**

AMH: Banyak, kalau--. tu lah saya lebih suka di luar negara sebab selalu saya akan ke luar negara saya membawa seni dan budaya, perasan tak kalau saya kalau *event-event* [acara-acara] di luar negara saya akan berbusana?

NSI: Ye berbaju Melayu

AMH: _ ye sebab saya bawa saya rasa saye sebagai duta, duta negara saya-- harus membawa seni dan budaya saya supaya orang kenal dan orang tau ah. Saya nak bercerita satu ar nak *share* [kongsi] lah satu pengalaman sayalah. Tahun lepas saya ke Uzbekistan ok, k jadi saya berbusana tu jadi orang sana orang atau pun orang-orang Uzbekistan, dia merasa pelik dan juga merasa heran sebab saya me- memakai tanjak saya pakai busana kita lah

NSI: (Mengangguk)

AMH: Jadi die heran dia tanya “daripada mana?”, Malaysia, saya kata. Jadi ramai yang berebut-rebut nak bergamba ambik gamba sebab dia kata cantik kain songket kite cantiklah die kata jadi berebut-rebut nak bergamba jadi set--. dia seolah-olah mengganggu pergerakan saya jadi bile saya ke mana-mana orang akan ikut akan ambik gambar sehinggakan saya masuk Dewan Makan

NSI: (Ketawa kecil)

AMH: dekat luar-- dewan diorang dah tunggu saya nak begamba jadi

RRA: (ketawa)

AMH: jadi macam artis bah

RRA: (ketawa)

NSI: (ketawa kecil)

AMH: (ketawa) padahal tak kenal dia

NSI: *Famous* [tekenal]

AMH: Jadi *famous* [terkenal] lah betul. Jadi

NSI: Ye

AMH: sehinggakan pihak-- pa nama penaja menye- terpaksa-- menyediakan seorang *bodyguard* [pengawal peribadi] untuk saye bagi mengawasi

RRA: Waa (kagum)

AMH: pergerakan saye (ketawa kecil)

NSI: Ye

RRA: Sampai macam tu sekali?

AMH: _____ dia bimbang-- takut apa-apa terjadi kan, untuk keselamatan. Jadi

NSI: (Mengiyakan)

AMH: saya rasa satu-- macam artis jugak bah (ketawa besar)

RRA: (ketawa besar)

NSI: (ketawa) jadi apakah perasaan Encik Muhaimin? (ketawa)

AMH: Sudah semestinye saya rasa bangga lah sebab saya me- sebab sa- dalam hati saya niat saya bukan saya membawa diri saye saje, saye membawa negare.

NSI: (mengangguk)

AMH: _ secara tidak langsung dorang kenal budaya kita kan. Dia tau "*ouh this is a Malaysi- Malay traditional dress*" [ini adalah baju tradisi Melayu], dia kata. Dia-- merasa bangga jugak lah.

NSI: Jadi menurut Encik Muhaimin sendiri apakah bakat dan keunikan yang ade pada diri encik yang tiada pada orang lain?

AMH: Ok telah saya cakap tadi kita me- kena ada satu identiti-- ataupun macam mana eh satu kekuatan yang ada macam macam penyanyi jage bah sebab apa dia *popular* [terkenal] tu sebab suara dia sedap bah (ketawa besar)

RRA: (ketawa)

AMH: Dia se- identiti suara dia lah itu jadi dia *popular* [terkenal] tu sebab o- macam teda orang lain boleh ikut suara dia gitu. Macam begitu jugak ukiran _ identiti dan jugak orang boleh minat dan orang-orang suka sebab dia ada nilai falsafah dan sebagainya kan sebab saya suka saya suka lebih suka kepada sesuatu-- ukiran tu ada sesuatu maksud yang kita sampaikan supaya orang faham dan jugak orang tahu, bende tu bukan saje nilai die bukan saje letak pada cantik dan apa nama kemas dan sebagainya tapi mempunyai falsafah dan juga cerite dia disebalik tu. Pada saya itu yang jadikan _ tu lebih mahal sebenarnya lebih dari-- segi falsafah tu dari segi harga pun ye juga tapi untuk menaik taraf dia ataupun dia punye *value added* [nilai tambahan] tu *value added* [nilai tambahan] tu juga terletak kepada nilai falsafah atau penceritaan yang ada pada ukiran tu .

NSI: Betul-betul, jadi boleh kah encik Muhaimin senaraikan penganugerahan yang encik perolehi?

AMH: Ouh, (memandang ke atas sambil mengingati)

NSI: setakat ini

AMH: tu lah tapi yang banyak juga lah anugerah yang saya terima tapi 'Anugerah Adiguru' ini merupakan satu penghormatan lah yang telah diberi oleh kerajaan Malaysia

NSI: Ya (mengangguk)

AMH: dan ya satu anugerah yang--.. sebab di dalam Malaysia ni cuma ada dua saja bah kalau adiguru ni kalau yang ukiran kayu lah ukiran saya dan juga sahabat saya di Terengganu jadi tidak ramai tu bah cume dua orang sahaja. Satu penghormatan yang mana saya kene menyampaikan sesuatu lah saya kena mengkem- memperkembangkan satu tanggungjawab yang berat sebenarnya bagi saya supaya bagaimana kita nak memelihara bagaimana kita nak *sharing* [berkongsi] dengan *student* [pelajar] dan orang ramai

NSI: Seni warisan ni

AMH: Ye sebagai satu pakar rujuk kepada mereka supaya (berfikir) kite nak memertabat ukiran kayu ni jadi- menjadi satu sebagai salah satu pada yang boleh kite kekalkan bukan sahaja untuk generasi kite tapi untuk negare ye.

NSI: K Roushella boleh teruskan (senyum lebar)

RRA: Okei, seterusnya kite pegi soalan tentang perasaan Encik Muhaimin dalam bidang warisan seni ini, soalan pertama apakah perasaan Encik Muhaimin sepanjang berkecimpung dalam bidang seni ukiran kayu ini?

AMH: Sudah semestinya saya rasa macam satu tanggungjawab yang berat lah sebab kite nak bagaimana kite nak menjadikan ukiran kayu ini sebagai satu warisan seni yang boleh yang boleh di- dikekalkan mana ada penyambung ada supaya kite nak memertabatkan bidang ukiran kayu sebagai satu daripada warisan tradisional. Bukan mudah sebenarnya satu tanggungjawab yang berat dan saya rasa apabila saya khususnya kalau saya ke luar negara adalah sesuatu saya rasakan sebagai duta ataupun wakil-- bukan saya seorang aje wakil negare saya bawa semua sekali.

NSI: (Mengangguk)

AMH: Sehingakan dalam satu pada tahun lepas jugak saya menyertai satu *event* [acara] di China. Ini saya nak *share* [kongsi] lah satu lagi cerita di China di mana tempat tu Kaihua [China] ok Kaihua-- [China] adalah salah satu daripada kota ukiran yang juga yang *famous* [terkenal] selain daripada di apa nama di daerah apa nama dipanggil ya dan disitu jugak dia mengumpulkan artis artisan-artisan hebat di China yang mana pada masa itu saya-- sorang aje wakil daripada Malaysia dan pada ketika itu musim sejuk, tak silap saye lima darjah celsius memang sejuk betul

RRA: (Mengiyakan)

NSI: (mengangguk)

AMH: Bercakap _ pun keluar asap bah (pergerakan tangan sambil menunjukkan gaya) kite bercakap ni keluar asap

RRA: (ketawa)

NSI: Keluar asap

AMH: Memang sejuk betul. Jadi itu satu cabaran sebenarnya bila kita mengukir dalam keadaan sejuk (batuk kecil) dengan baju tiga lapis dengan apa nama sejuk jadi kite kene mengukir jadi saya terus-- saya rasa itu satu cabaran dan jugak pengalaman manis saya lah dan saya rasa satu-- dan jugak pada masa itu (batuk kecil) pada masa itu jugak Malaysia diberi satu tugas yang mana mereka memilih saya pihak organisasi memilih saya (sambil menggaru muka) supaya memberikan mewakili-- dua ratus lima puluh pengukir-pengukir dunia yang ada di situ acara tu untuk memberi kata-kata ucapan jadi saya kene naik pentas pada-- (ketawa kecil) majlis perasmian tersebut.

NSI: (Mengangguk)

AMH: *First time* [pertama kali] saya naik pentas bah. *International* [antarabangsa] ini bukan kecil-kecil ni bah (ketawa kecil)

RRA: (ketawa kecil)

NSI: (ketawa)

AMH: Tapi nasib baik lah memang ramai orang Cina masa tu dia-- punya penonton dia buat dua dalam satu apa nama macam-- *all* [semua] lah jadi ribuan ya ribuan penonton sebenarnya dan disiarkan secara langsung di lima siaran TV [Televisyen] utama di China.

RRA: (Kagum)

NSI: (Kagum)

AMH: Ye, masa saya berucap tu ye berucap dalam Bahasa Inggeris ada *translator* [penterjemah] dan yang semasa ucapan tersebut jage saya-- mintak satu *request* [permintaan] eh saya cakap saya mintak supaya bagi masa dek- _ dalam dua minit atau tiga minit saya nak mempersembahkan satu silat jadi

NSI: (Kagum)

AMH: mula-mula dia tidak bagi lah dia kata masa tidak cukup ou kau tak boleh silat dia kata tak sempat nanti

NSI: (Ketawa besarsambil menunjukkan gaya)

AMH: Saya kate *please* [tolong] lah saya mintak aje (terbatuk dan ketawa kecil) saya mintak dalam dua tiga minit je “la- last [akhir] lah,” dorang kata “tapi kau cepat saje jangan itu jangan lambat-lambat je” ok lepas berucap saye pun menyampaikan [*sic, mempersembahkan*] satu silat. Sebenarnya ini adalah satu cara ataupun bagaimana saya nak menunjukkan pada dorang-- sebelum tu dorang ada buat persembahan Shh- Shaolin-- [Seni

mempertahankan diri di China] persembahan Shaolin eh kebudayaan ni tunjuk Shaolin kehebatan die jadi ni sebenarnya adalah kite nak membuktikan bahawa kite juga mempunyai satu Silat mempertahankan diri yang kurang lebih tidak sama atau tidak ataupun yang lebih hebat daripada Shaolin. Jadi saya tunjuk lah dua tiga bunga itu Silat bah, jadi diorang memberikan satu tepukan yang gemuruh itu. Jadi kita tunjuk padanya kite jugak mempunyai Silat mempertahankan diri er dia-- bilang dia hebat ok (ketawa kecil) bile kite-- tunjuk kite punya Silat ou dorang lagi dia lagi dia tabik juge tu bah (tersenyum)

NSI: (Tersenyum)

RRA: (Ketawa kecil)

AMH: Sebab saya membawa seni dan budaya saye kate.

NSI: (Mengangguk)

AMH: Kan? secara tak langsung kite mempromosikan Malaysia.

NSI: (Mengangguk)

RRA: Betul

AMH: Ye

RRA: Seterusnya apakah yang menjadi pendorong semangat dan minat Encik Muhaimin dalam bidang seni ukiran kayu ini?

AMH: Ok, biasanya yang menjadi pendorong ialah yang pertama ialah keluarga saya sendiri lah galakan dan juga perangsang dan sedare mare, sahabat-sahabat, penggiat-penggiat seni semualah. Mereka akan memberikan semangat se- semangat kepada saye dan saye rase saye

rase kalau selalunya bile saye keluar negare bile balik ke Malaysia tu bile dalam kepale saya akan jadi macam sedih

NSI: (mengangguk)

AMH: tiba-tiba sebab satu apa nama (pandang ke atas mencuba untuk mengingati) sebab saya melihat sokongan padu dan juga sokongan daripada sahabat-sahabat saya

RRA: (Mengiyakan)

NSI: (Mengangguk)

AMH: Mereka yang sentiasa memberi semangat saye lah, saya rasa satu-- macam apa nama pembakar semangat kita lah tu yang saya tiap-tiap tahun saya akan pergi ke luar negare saya bawa diri saye saya membawa seni dan budaya kite itu yang penting dan kebanyakan ukiran-ukiran ataupun hasil seni saya pihak penganjur akan ambik dan diletakkan di Muzium eh di Muzium ataupun di Balai di-- (menutup mata mencuba untuk mengingati sambil menggaru halus kepala) diletakkan di dalam Muzium Kesenian dan jugak di muzium-muzium diorang lah negara macam contoh kalau di Turkey tu hari letak di Muzium Turkey so kalau ada biase kalau a- anak cucu saye pergi belajar di Turkey dia akan tengok ar ni atok saya bikin bah ni (ketawa).

RRA: (ketawa besar)

NSI: (ketawa)

RRA: Kalau-- encik pergi ke luar negara tu kan *family* [keluarga] encik tak ikut kah?

AMH: Ouh tidak lah sebab kos tu

RRA: Ouh (tanda faham) ye

NSI: (mengangguk)

AMH: Dia-- tanggung untuk satu orang jadi kalau-- yang nak lain-lain mau ikut die kene tanggung sendiri lah erm kalau macam-- ke Uzbekistan tu pun jauh juge itu hari kan. Itu yang itu pihak ada setengah kera- tu pihak organisasi akan tanggung perbe- tambang ada setengah tu saya akan guna duit saya sendiri dan ada setengah tu saye mintak dengan pihak MOTAC [Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia] lah

RRA: Ouh (tanda tahu), MOTAC [Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia]

AMH: Ya pihak *Tourism* [pelancongan] biasanya kalau mintak penuh kalau kata dalam dua puluh ribu dia akan dia akan bagi tak sampai lah mungkin dalam lapan ribu enam ribu gitu jak dia tak bagi penuh

NSI: Jadi ada jugak lah yang keluarga encik pernah ikut?

AMH: _ ada-- kalau yang macam baru ni saya bawa dia pegi Tokyo [Jepun] _ pergi ke mana yang kalau yang dekat-dekat ni kan saya bawa juga lah

NSI: (Mengangguk)

RRA: Ok soalan seterusnya mengenai masalah dan ca- cabaran yang dihadapi tokoh. Soalan pertama iaitu apakah antara cabaran dan masalah dihadapi oleh penggiat dan pengukir kayu?

AMH: Ok yang pertama sekali apa yang saya lihat ialah bagaimana kaedah atau pun cara untuk kite menarik minat generasi muda ni supaya minat dengan ukiran kayu ni sebab kalau kita lihat sekarang ni dah lebih zaman siber ni banyak dipengaruhi oleh dunia-dunia moden kan macam diorang lebih pada

RRA: *Mobile phone* [telefon pintar]

AMH: Moden ya dan dia tak minat kepada elemen-elemen tradisional ni jadi bagaimana cara untuk menarik minat tu (menggaru leher) tu yang same-same kite kene pikirkan lah, mungkin seni ukiran ni perlu diajar daripada sekolah rendah lagi supaya generasi muda tahu dan paham sebenarnya mereka boleh pergi jauh dengan bidang ukiran ni. Sebenarnya mereka tak nampak prospek ye kemana dia-- boleh pergi ye dan supaya mereka tahu bidang ukiran ini jugak boleh dijadikan sebagai satu kerjaya masa depan mereke er. Ok yang kedua dari segi sokong kuat sokongan kuat lah daripada pihak kerajaan sendiri bagaimana untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan yang terlibat dalam bidang ukiran ye kemudian yang ketiga adalah dari segi pasaran bagaimana kita nak kembangkan bidang ukiran ni supaya boleh di eksport ke luar negara ye ke pasaran global yang mana sekarang ni lebih kepada internet ye dan jugak kita sekarang dah _ boleh dari segi pergerakan tu lah macam saya promosi pun dah tak boleh selalu kita adakan di luar -luar negeri dan juga luar negara jadi bagaimana kaedah kite kene gunakan ye aplikasi apa yang ade erh gunakan kaedah moden lah jadi tiga tu elemen penting lah saya rasa satu cabaran lah cabaran yang sukar jugak

RRA: Ok seterusnya adakah Encik Muhaimin pernah menerima sebarang kata-kata negatif daripada orang sekeliling kerana memilih untuk meneruskan kerjaya ukiran kayu ini?

AMH: Sudah tentulah sebab ukiran kayu ni adalah satu bidang yang mencabar sebab tak semua orang boleh mengukir ye sehinggakan ada setengah tu contohnya kalau ukiran-ukiran kontemporari ini dia lebih dalam bentuk moden ye jadi di dalam penggiat seni ukir sendiri dia kate, “saya pernah digelar sebagai perosak-- seni

RRA: (Berasa simpati)

AMH: sebab saya nak menegakkan nak-- menyatakan pada mereka bahawa ukiran kontemporari ni jugak adalah salah satu elemen

NSI: (mengangguk)

AMH: ukiran-ukiran kayu moden dalam bentuk tradisional yang telah di olah dalam bentuk moden AMH: jadi mere- pada mereka-- tak terima mereka tetap kekalkan dengan unsur-unsur tradisional mereka sebab kite bile kite dalam sebab ukiran dunia seni ukir ni dia berubah mengikut musim dan jugak mengikut apa nama dipanggil era-- ye dia akan bertukar kepada macam sekarang ni lah orang suka lebih pada kontemporari yang lebih moden simple lah ringkas jadi orang-orang lama contohnya kalau di Terengganu [Malaysia], Kelantan [Malaysia] ni mereka tak boleh menerima bagi mereka, mereka tetap dengan dia punya pegangan ye tradisional tu kena kekalkan tapi bagi saya tradisional tu kite kene kekalkan jugak dan dari segi pasaran untuk kite hari-hari untuk kite makan untuk kite ni dari segi pasaran hari-hari kite kena memenuhi jugak kehendak pasaran yang ada sekarang

NSI: Ye betul

AMH: jadi kite kalau ye apetu kalau macam *client* [pelanggan] nak yang lebih moden ringkas kite gunakan lah unsur-unsur kontemporari

RRA: Betul betul

AMH: saya rasa __ cabaran jugak ye

RRA: Seterusnya bagaimanakah Encik Muhaimin menangani hal tersebut?

AMH: Ok kite (memicit hidung seketika) biasanya kita akan berbincang dan jugak kite telah menubuhkan satu persatuan ya yang dipanggil 'Persatuan Penggiat Seni Ukiran Kayu Malaysia' dipanggil pengukir ye ditubuhkan pada tahun 1991 dan saya juga adalah setiausaha di dalam persatuan tersebut di dalam persatuan tu sebenarnya kite dah

ada ramai ahli lah seribu lebih ahli di seluruh Malaysia yang terdiri daripada pengukir sendiri ataupun penggiat, peminat, pensyarah, *student* [pelajar], kakitangan kerajaan dan sebagainya. Jadi daripada persatuan tu lah kite menerangkan bagaimana ye dengan lebih jelas lagi ukiran ini ke mana hala tuju sebenarnya jadi supaya mereka faham ye dengan ukiran ni sebenarnya kite bukan sahaja menjadikan ia sebagai satu industri tapi kita nak mengekalkan ye sebagai satu warisan yang perlu kite jage dan kite kekalkan

RRA: Ya. Jadi adakah perkara- perkara tersebut memberi kesan terhadap diri encik ?

AMH: Ye bukan sahaja diri saye malah (berfikir ayat seterusnya)

RRA: keluarga

AMH: ya keluarga saye dan juga kita pernah mengetengahkan us- apa nama perkara tersebut kepada pihak kementerian jadi *Alhamdulillah* [Bersyukur kepada Allah] pihak kementerian juga telah paham dan mungkin lepas ini kite dah ada satu mekanisma bagaimana kite dah kita-- bersama pihak ataupun agensi kerajaan kita dah *plan* [rancang] kita-- membina satu *plan* [rancangan] strategik bagaimana kite nak membangunkan bidang ukiran ini supaya dalam bentuk skop yang lebih luas eh tidak-- terikat kepada tradisional dan sebagainya saya rase ini suatu yang bagus lah.

NSI: (mengangguk)

RRA: Haah ok soalan seterusnya iaitu berkaitan dengan pendapat mengenai warisan seni ukiran kayu iaitu menurut encik sendiri apakah seni warisan ukiran kayu ini merupakan warisan seni yang patut dibanggakan oleh masyarakat?

AMH: Sudah semestinye sebab kalau orang dulu kan dia bangga dengan ukiran ataupun apa nama hasil-- seni dia kan macam dulu kalau kite contoh lah

contoh kite pergi ke Negara Thailand dia akan memaparkan ukiran-ukiran die, Indonesia begitu jugak kenapa kite-- tidak kan? Kite ada jugak identiti kite sebagai contoh lah apa nama sekarang ini mereka sebok dengan konsep-konsep tradisional sebok sikit kalau spa mesti ada Bali [Indonesia] konsep Bali [Indonesia] konsep Bali [Indonesia] spa Bali [Indonesia]

RRA: (Mengiyakan)

AMH: Ya, kite ade konsep kite kenapa kite tak ketengahkan dan kite tak-- *highlight* [serlahkan] konsep yang ada pada kite? Sebenarnya orang ramai perlu-- diberi kesedaran ya supaya lebih mencintai produk tem- buatan tempatan

RRA: Ya

AMH: Sebab ini penting sebenarnya, kalau tak ada sokongan daripada orang ramai seni ukiran kita tak akan

RRA: Maju

AMH: dapat bertah- ya maj- maju dan juga bertahan jadi dalam arah itu pihak Kraftangan Malaysia telah menggembing ye menggembing so usaha termasuklah promosi dan sebagainya bagi mempe- memperkenalkan pada orang ramai kit- produk kite juga mempunyai kualiti ataupun mutu yang tinggi yang boleh berdaya saing dengan produk di luar negare.

RRA: Seterusnya bagaimanakah warisan seni ini mampu memberi impak yang positif terhadap masyarakat?

AMH: Ya sudah tentu

RRA: pada pendapat encik.

AMH: Ya sudah tentu lah sebab itu sebab kalau sebagai contoh lah kalau di Sabah tu lebih pade ukiran macam senjata dia kan Parang-parang dan

sebagainya ya di apa nama kalau tak silap saya di daerah mana tu kalau yang bikin ukiran-ukiran tu di-- mana tu ye di Kimparang [Sabah, Malaysia] tu mana kau tau kan?

RRA: Bahagian KK sana Kota Kinabalu [Sabah, Malaysia] bahagian sanalah

AMH: _ sebelah-- Kota Kinabalu [Malaysia] sana

RRA: (Mengiyakan)

AMH: Ya kemudian kawasan Sarawak di apa nama tiang-tiang itu tiang dari Kayu Belian tu kan

RRA: (Mengangguk)

NSI: (Mengangguk)

AMH: Dari Sarawak itu jadi sebenarnya ini adalah salah satu daripada bagaimana kite nak mengekalkan ukiran kayu ini sebagai satu bukan sahaja sebagai satu industri tapi sebagai satu nilai seni budaya yang kite same-same ye

RRA: (batuk)

AMH: same-same kekalkan

RRA: (batuk)

NSI: (mengangguk)

RRA: Ok soalan seterusnya apakah pendapat Encik Muhaimin jika warisan seni ukiran kayu ini terus dilupakan oleh generasi muda kini?

AMH: Ok bile itu lah ukiran kayu ni seharusnya dia be- kena berpegang kepada satu tunjang yang mana usaha-usaha memperkasa ukiran kayu ini bukan

terle- sahaja terletak kepada individu tetapi pihak kerajaan jugak telah memainkan peranan lah supaya dia tidak pupus dan _ dipelihara sebabnya dia jugak adalah sejarah ye mempunyai nilai-nilai sejarah ye asal-usul dan sebagainya jika tidak diteruskan dan tidak dikekalkan kemungkinan satu hari dia akan lenyap dan juga hilang dan kite nak mencari balik tu dah-- jadi sesuatu bukan mudah lah

NSI: Susah

AMH: Sesuatu yang susah lah sukar

NSI: (mengangguk)

AMH: Dan-- apa yang diharapkan ialah supaya pihak-pihak kerajaan ni sentiasa membantu lah supaya lebih ramai lagi penggiat-penggiat seni ataupun anak-anak muda berminat dalam bidang ukiran kayu ni supaya dapat diwarisi ye kepada generasi yang akan datang.

RRA: Betul, pada pandangan Encik Muhaimin apakah pendekatan atau usaha yang boleh dilaksanakan bagi mengembangkan lagi hasil seni warisan ukiran ini kepada seluruh pelosok negara?

AMH: Okei antara atau kaedah ataupun usaha-usaha yang dilakukan adalah pihak kerajaan _ telah menubuhkan institut Kraf Negara

RRA: (Mengiyakan)

NSI: (mengangguk)

AMH: tau kan Institut Kraf Negara [Malaysia]? Ok dia adalah salah satu daripada pusat latihan yang mana bekas-bekas pelajar SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] yang sedang mencari-cari bidang kerjaya boleh memohon eh boleh mohon untuk menjadikan mereka mahir eh dalam beberapa bidang lah dan mereka juga diberi pilihan samada

bidang-bidang mereka minat dalam bentuk Batik, Seramik, Perak, kayu dan sebagainya, di situ saya rasa saya rasa kene ditubuhkan juga lah beberapa lagi institut lain selain daripada IKN [Institut Kraf Negara] supaya pusat-pusat latihan ni sebagai berperanan eh berfungsi sebagai pusat latihan yang boleh mengeluarkan pelajar-pelajar atau yang berkemahiran di dalam membangunkan lagi industri ukiran kayu supaya dia lagi berkembang menjadi satu industri dan juga menjadi satu bidang kerjaya ya yang boleh menjadi sumber pendapatan negara.

RRA: Betul ok seterusnya kita berpindah kepada soalan tentang dana yang diberikan terhadap warisan seni ukiran kayu, adakah Encik Muhaimin pernah menerima apa-apa peruntunga- peruntukan atau dana dari mana-mana pihak dalam bidang ini?

AMH: Ya juga pernah jugak pihak yang mana pihak MTIB pernah memberi bantuan bengkel sebanyak kalau tak silap saya enam puluh ribu begitulah tak ingat dah saya tapi dan juga pihak Kraftangan Malaysia tu agensi lah dan juga pihak MOTAC ye kalau saya keluar negara saya mintak pada MOTAC lah kemudian dengan pihak beberapa agensi-agensi lah macam MITI [Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri] dan sebagainya sebab agensi-agensi ni sebenarnya dia (menggaru telinga) membantu usahawan-usahawan termasuk lah pihak dari segi kewangan macam TEKUN [Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga] eh pinjaman tekun untuk kite mendapat modal pusingan dan sebagainya dan saye rase agensi-agensi ni masing -masing mempunyai peranan tersendiri ye yang mana kebanyakannya lebih kepada membantu usahawan ye macam zaman saya dulu memang takda lagi tapi sekarang dah banyak agensi kewangan dan sebagainya yang boleh membantu macam RISDA [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] jugak dia ada bahagian keusahawanan dia eh setiap agensi FELCRA [Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan], FELDA [Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan] pun begitu jugak jadi mereka mempunyai peranan untuk menjaga usahawan-usahawan di bawah agensi supaya bidang-bidang

ataupun bidang ukiran kayu ini (batuk kecil) menjadi satu bidang kerjaya eh yang-- boleh di menjadi sumber pendapatan negara dan sebagainya.

RRA: Tapi dalam macam keadaan sekarang Covid-19 [virus] kan? Adakah-- ada tak macam halangan bagi mereka untuk memberi dana kepada warisan seni ukiran kayu ini?

AMH: Ok untuk Covid ni pihak kerajaan ada sebenarnya menyediakan beberapa dana eh dalam baru-baru ini kalau pernah dengar PRISMA [Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia] eh bantuan PRISMA ataupun CENDANA [*Cultural Economy Development Agency*] okei CENDANA tu yang mana pihak kerajaan memba- memberikan beberapa eh dana-dana bantuan kepada usahawan-usahawan eh untuk membantu sebagai modal eh untuk mereka membuat modal pusingan supaya dapat bergerak eh sebab 'Covid' ni lebih banyak apa nama kerugian eh yang telah dialami jadi secara tidak langsung tanggungan mereka dapat diringankan dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan.

RRA: Betul

AMH: Pernah dengarkan CENDANA? Pernah dengar eh

RRA: CENDANA (berfikir sejenak)

AMH: Ha ya bantuan PRISMA--, CENDANA

RRA: PRISMA pernah dengar tapi tak terlalu tahu

AMH: ya PRISMA dan juga ya-- bukan dia ada CENDANA, PRISMA ada PRISMA tu ada Cendana dia untuk penggiat seni

RRA: Ouh untuk penggiat seni semualah ?

AMH: _ _ semualah filem dan sebagainya untuk Kraf dan untuk adiguru pun ada

RRA: Ouh ok seterusnya soalan terakhir lah (menarik nafas panjang sambil ketawa kecil) soalan tentang harapan tokoh terhadap seni warisan ukiran kayu, apakah harapan Encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] terhadap kegiatan dalam pengukiran kayu ini?

AMH: Ok bagi saya ukiran kayu ini adalah sesuatu yang kite kene teruskan sebab walaupun mempunyai banyak halangan tapi kite kene teruskan sebab die adalah satu kepada warisan yang kite kene jaga yang kite kena kekalkan dan kite kene pertahan kan dan dari segi pasaran pun kite sebenarnya mempunyai persaingan dengan produk-produk luar eh sebagai contoh kite dengan Indonesia tapi Indonesia sebab die legasi tu die awal daripada kite dan die dah mencapai tahap antarabangsa banyak produk-produk die diekspor jadi kite, cumanya apa yang ada pada-- kelebihan yang ada pada ukiran kite ialah dari segi nilai falsafah yang ada pada ukiran sebab nilai falsafah yang ada un- pada kite tu sebenarnya yang itu kite kene jaga dan juga kita pelihara sebab itu jüge merupakan satu kelebihan yang ada pada kite dan saya rasa penglibatan eh generasi muda kepada industri ukiran ni perlu dipupuk agar lebih dapat eh dapat di-- merencanakan lagi eh industri ukiran ni dan dijadikan sebagai satu bidang yang boleh diketengahkan sama seperti bidang-bidang lain jugak sebab kite perlukan ramai lebih ramai lagi golongan profesional eh ke arah melahirkan lebih ramai lagi penggiat seni

RRA: Ouh

AMH: dan saya-- rasa satu hari nanti mungkin jika kita mempunyai pengukir-pengukir hebat dan kita boleh ketengahkan yang ma- yang kita boleh membuktikan kepada dunia kita juga mempunyai ramai pengukir-pengukir yang hebat er.

RRA: Ya betul. Kalau contohnya kan ukiran kayu Melayu ni dia ada nilai-nilai falsafah kalau

AMH: Betul

RRA: ukiran Indonesia ni dia tidak mempunyai nilai falsafah kah?

AMH: Dia mempunyai nilai falsafah jugak tapi dalam bentuk yang berbeza lah mungkin dari segi sejarah mungkin dari segi dia ceritanya berlainan kite ni lebih pada teguran sebab kite ni orang-orang Melayu kan dia lebih kepada cara dia menegur melalui _ kalau kite lihat kan cara dia berpantun kan melalui pantun melalui Gurindam [puisi] kan

RRA: (Mengiyakan)

AMH: melalui Seloka semua kan mempunyai bahasa-bahasa yang lembut begitu juga ukiran tapi di Indonesia ni dia lebih cara penyampaian tu berbeza kalau ukiran Melayu ni macam saya sebut tadi tu lah, lambang kita menghormati kawan kite tu maknanya hujung daun dilentikkan sebagai lambang kite hormat pada kawan itu sebagai salah satu daripada contoh falsafah-falsafah. Kalau Indonesia mungkin dia tidak begitu dia mungkin lebih kepada apa yang ada sejarah ataupun ape-- nilai-nilai ataupun penceritaan yang ada di tempat-tempat yang-- nak di yang lokasi yang terdapat di situ sebagai contoh Sarah Masitah [Tuhan Hindu] kan? Tu semua Hindu-hindu [agama] punya ukiran dia akan ukir Rama dan jugak Sita [Tuhan Hindu] duduk dalam hutan ada binatang dan sebagainya duduk atas pokok jadi dia lebih kepada elemen-elemen begitu. Kita ni lebih kepada cara menegur, adab sopan Melayu cara bagaimana kite nak menyampaikan sesuatu ah kita lebih pada elemen-elemen begitu.

RRA: Ouh (Memberi isyarat tahu)

AMH: Tu yang menjadikan ukiran kite ni macam lain sedikit lah berbeza dengan ukiran-ukiran mereka.

RRA: Ouh okei soalan

NSI: Jadi

RRA: Apa tu Syu [Nursyuhada binti Ismail, penemubual pertama]?

NSI: Jadi Encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin. Hasbollah] dah berada dalam bidang seni ukiran kayu ini selama tiga puluh tahun kan

AMH: Ya

NSI: Jadi menurut— encik apakah yang menyebabkan encik masih bertahan sehingga sekarang?

AMH: Okei saya rasa begini je bila kita membuat sesuatu tu yang pertama eh saya berpegang pada kata-kata daripada-- *Allahyarham* Latiff Long [Guru kepada Abdul Muhaimin dan juga salah seorang penggiat seni yang terkenal di Malaysia] dia kata

NSI: (Mengangguk)

AMH: kita ni bila mengukir yang pertama kita kene ada minat ye kite minat kalau kita tak minat buat macam mana pun kan dia tak akan datang bende tu kena ada minat bila kita ada minat-- kemudian yang kedua kita kene ada usehe bila kita minat kite kene ada usehe, usehe tu banyak- lah kaedah kita mencari bagaimana kita belajar, rujukan dan yang ketiga kena ada istiqomah, istiqomah ni keyakinan diri lah kite buat sesuatu perkara tu daripada mula biarlah sampai kesudah daripada A sampai ke Z. Jadi tiga perkara tu tiga elemen tu minat, usehe dan istiqomah bile kite pegang pada benda tu *Alhamdulillah* [bersyukur kepada Allah] saya rasa *Inshallah* [dengan izin Allah] saya rasa kite nak mengekalkan sesuatu tu bukan mudah tapi dengan adanya tige elemen- elemen itu *Inshaallah* [dengan izin Allah] tuhan akan bantu ju- kite

jugak walaupun kite menghadapi banyak cabaran, bukan senang kita nak mempertahankan sesuatu ni

RRA: Betul

AMH: kalau _ memang susah kan nak mencari sesuatu yang benda yang sesuatu yang kalau silap-silap ataupun tak betul caranya dia akan lenyap dan juga dia akan pupus dan hilang begitu saja

RRA: (ketawa kecil)

AMH: Betul biasa _ jak yang besar

NSI: (Terputus talian)

RRA: Jadi pernah tak macam ada perasaan terdetik

AMH: (batuk kecil)

RRA: hilang minat dalam seni ukiran kayu ini?

AMH: Okei sebab saya dah mula eh jadi kite-- dah bermula pada awal daripada-- awal jadi seolah-olah macam kite be-- gerak alang-alang kalau orang dulu kata apa

NSI: (kembali ke dalam talian tanpa membuka kamera)

AMH: 'alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan'

RRA: (Mengiyakan)

AMH: jadi kite terlibat dalam bidang tu (batuk kecil) kenapa tidak kite teruskan sampai kite ke tahap profesional.

RRA: Ha ya betul

AMH: kan, sebab saya punya--. ai mana Syu tadi ? hilang

RRA: Ha ada ke balik

AMH: _ Okei sebab kite _

NSI: Maaf saya *lost connection* [putus talian]

AMH: Ouh k-- ouh k

NSI: teruskan--

AMH: Hujan ka sana? tak ?

NSI: Ye hujan

AMH: Ouh patut lah, ok dia begini sekiranya kita nak menceburi sesuatu bidang tu

NSI: (buka kamera)

AMH: kita kene berusaha sampai kita menjadi seorang yang profesional, betul tak?

RRA: Betul

NSI: (mengangguk)

AMH: Ok contohnya lah kita belajar bawa kapal terbang bah

RRA: (ketawa kecil) Haah

AMH: *Pilot* [juru terbang] kan *pilot* [juru terbang] kalau dia tak profesional apa?
Kapal terbang jatuh

RRA: (Mengangguk)

NSI: (mengangguk)

AMH: jadi dia kena belajar daripada bawah daripada mula kenal-kenal suis semua
kan cara nak mengenali dia (batuk kecil) sampai dia boleh terbang tu
maksudnya dia dah satu kejayaan bagi dia lah

NSI: (mengangguk) betul

AMH: macam begitu jugak mengukir, kan? (batuk) begitu juga bila kita
membawa kereta kita kene tau macam mana kan cara nak mengawal kereta
sampai kita boleh bawa kereta tu (batuk dengan menutup mulut dengan tangan)
sorry [maaf] (minum air) k *next* [seterusnya]

RRA: Syu ada soalan lagi kah?

NSI: (Tersenyum) rasanya cukup dah

AMH: Cukup dah?

NSI: (membelek kertas)

AMH: Baru sepuluh setengah

RRA: Ada tiga puluh

NSI: Lagi, ada apa-apa Encik Muhaimin nak kongsikan dengan kami?

AMH: Okei Boleh--

NSI: Jadi saya nak tanya la apa aktiviti dan perkembangan yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] lakukan sekarang ni? Takdelah? Kat rumah je?

AMH: Okey sekarang ni disebabkan PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni, jadi kita [Abd. Muhaimin bin Hasbollah dan Puan Ina] banyak buat kerja-kerja dirumah jelah. Jadi antaranya saya memahirkan diri saya buat *design* [reka bentuk] ataupun lakaran-lakaran.

RRA: (mengangguk)

AMH: Koleksi-koleksi yang berbentuk ni lah.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Yang berbentuk lukisan lah, buat *design* [reka bentuk] dan sebagainya lah (menoleh ke tepi).

NSI: (Mengangguk faham). Okey.

AMH: Ha.

NSI: Untuk soalan yang seterusnya, seperti yang kami sedia maklum, Encik Muhaimin [Muhaimin bin Hasbollah] telah mempamerkan koleksi ukiran kayu encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] sampai ke luar negara. Jadi, koleksi yang manakah yang selalu encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pa-merkan disana?

AMH: Okey, kalau ke luar negara tu saye lebih kepada produk-produk yang berbentuk kontemporari. Ha, ukiran kontemporari.

RRA: Kontemporari (mengangguk tanda tahu).

AMH: Tapi, walaupun dia kontemporari maknanya ciri-ciri ataupun nilai-nilai falsafah kita tu, saya adaptasikan dalam juga masih dalam karya saya tu.

RRA dan NSI: (mengangguk)

AMH: Supaya dia orang tahu dan faham supaya dia orang tahu dan faham bahawa ukiran kita ni (sambungan internet terputus) falsafah tersendiri. Berbeza dengan ukiran dia orang sana lah. Macam negara-negara Barat dia tak lebih pada falsafah, dia lebih kepada mempamerkan produk ataupun objek yang dia ada

NSI dan RRA: (Mengangguk tanda faham)

AMH: Macam patung-patung semua kan? Dan jenis-jenis daripada bentuk-bentuk macam tu lah (menoleh ke tepi dan mengalih sesuatu).

NSI: Jadi dan [sic, dalam] banyak-banyak koleksi yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] bawak tu,

AMH: (mengelap kamera telefon)

NSI: Koleksi yang manakah paling banyak mendapat sambutan dia orang [rakyat luar negara] kat sana (di luar Negara Malaysia). Contohnya? (gangguan bunyi anak saudara)

AMH: Okey (berfikir sejenak), kebanyakan kalau di luar negara saye akan [sic, saya tidak] membawak produk-produk daripada sini [Malaysia].

NSI: (mengangguk).

AMH: Ha, maknanya saye buat (mengukir) produk di sana [luar negara].

NSI: (Tanda baru tahu).

AMH: Ha, kalau tidak--.

NSI dan RRA: (Mengangguk tanda faham).

AMH: Ha (angguk), kalau tidak macam mana mahu naik kapal terbang tu berapa kilo?

NSI: Ya-- (Mengangguk faham).

AMH: satu barang sudah ratus kilo [kilogram] (tersenyum).

NSI: Ye-- (Tanda bersetuju sambil ketawa kecil).

RRA: (Ketawa besar)

AMH: Ha. Jadi dia orang sana [orang luar negara] akan sedia dia [pihak luar negara] akan sediakan kayu, dan saya akan buat (sambil mata memandang ke kanan) ukiran tu disana [di luar negara]. Saya bawak alat-alat saja.

NSI: Jadi setiap --. (mencelah)

AMH: Ha, itu lebih [sic, lebih kepada]--. (serentak) Ha?

NSI: Setiap negare yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pergi tu, adakah encik mengukirkan satu ukiran yang sama je ataupun lain-lain (sambil menggoyangkan tangan)?

AMH: Dia [ukiran] berbeza-berbeza. Dia ber- gantung kepada

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Ha (berfikir sejenak sambil mengangguk), bergantung kepada tajuk yang dia yang _ (tersekat kerana masalah sambungan talian) diberi.

NSI: Oh (mengangguk baru tahu)

AMH: Makna kata lah (mata memandang ke atas tanda berfikir) untuk tahun ni, baru-baru ni di ha (teringat sesuatu) ya di apa nama (mengingat nama tempat) Australia, tajuk dia lebih kepada (terlupa) lebih kepada apa-- (mengingat sesuatu yang ingin dikatakan). Kita kena fikirkanlah (menyentuh kening), kita letak satu tajuk yang sesuai lah. Ha, saye pilih *hidroponik* yang mana teknologi moden dan tradisional saye kombinasi dua tu dijadikan hasil karya dalam bentuk ukiran.

RRA: (Mengangguk tanda faham).

AMH: Ha, tajuk dia hidroponik. Ha macam tu, jadi kita (peserta) kena *create* [cipta] lah berfikir lah apa yang kita boleh dapat [sic, yang boleh kita adaptasi] daripada tajuk hidroponik tu,

RRA: (Mengangguk tanda faham)

AMH: Kita boleh kena _ tu, dia boleh-- di akhirnye kita kena huraikan, kita kena *present* [bentang]. Ha dari mana, apakah, dari mana, hidroponik tu apa dia, dan proses tu macam mane? Ha kita cerita lah.

NSI: (mengangguk tanda faham).

AMH: Dia berbeza, setiap *event* [acara] dia berlainan tajuk.

NSI: Faham. Jadi setiap ukir apa (terlupa)--. Setiap ukiran yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] ukir tu, apakah yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] yang cuba nak sampaikan dalam setiap ukiran yang encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] lakukan?

AMH: Haah (fokus mendengar soalan).

NSI: Macam mem [sic, mengikut] tajuk yang tertentu.

AMH: (Terdiam sambil berfikir sejenak) Okei (menoleh ke tepi) dia biasanya kita lebih pada (sambil menggosok mata) benda-benda yang berbentuk alam lah, lebih kepada kehidupan lah *life* [kehidupan].

NSI: Haah (tanda faham sambil menyelak kertas soalan).

AMH: Saya lebih suka kepada produk ataupun ukiran-ukiran yang berbentuk (berfikir) tumbuh-tumbuhan dan jugak Flora dan Fauna. Ha dia macam tu.

NSI: Jadi adakah mereka tertarik?

AMH: Berbanding dengan negara-negara yang lain. Setengah negara tu, dia *highlight* [kemuncakan] kan, ya dia *highlight* [kemucakan] kan budaya dia. Gambar orang tengah menari ke ataupun sebagai contohnya lah gambar patung ke apa nama ha (terlupa sesuatu yang hendak dikatakan) apa nama [sic, macam-macam jenis ukiran lah]. Tapi idea masing-masing idea tersendiri lepastu cara menyampaikan tu kena masing-masing kena menyampaikan apa hasil karya yang dia [sic, dihasilkan]

NSI: (mengangguk faham). Jadi (berfikir sejenak)--. Baiklah, se-belum ni encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pernah mengatakan bahawa encik mempersembahkan silat dalam satu penganugerahan di luar negara, betul (angguk kepala)?

AMH: Ya saya (mengangguk tanda betul).

NSI: Jadi, saya nak tanye dari manakah encik belajar silat tu?

AMH: (Terdiam seketika) Macam mana? Silat tu? (tersengih)

NSI: Haah. Apakah yang ingin encik sampaikan daripada--

RRA: Ha dari manakah encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] belajar silat itu?

NSI: Haah (mengganguk kepala).

AMH: Oh (mengangkat kepala) okeI, dia macam ni cerita dia (mengingat situasi), masa tu di (masih cuba untuk mengingat lokasi) program tahun lepas tak silap saya di (berhenti sejenak untuk mengingat nama acara) dia acara tu nama dia (sambil memejamkan mata) *International* [Antarabangsa]--yang berkaitan dengan ukiran-ukiran kayu hanyut ni,

NSI: Okey (muka teruja)

AMH: Tak ingat tajuknya tapi ha iye (teringat sesuatu) sema-sa (mata ke atas sambil mencuba untuk mengingat sesuatu) perasmian atau pembukaan *event* (acara) tu, saya diberi satu penghormatan lah, sebagai negara Malaysia.

NSI dan RRA: (Mengganguk)

AMH: Penghormatan untuk memberi kata-kata [sic, ucapan aluan] kepada-- Mewakili dua ratus lima puluh peserta di se-luruh dunia ni lah, wakil. Jadi saya-- pada [sic, sebelum saya] ber- [sic, naik ke pentas] tu, ada satu persembahan, idea tu datang spontan sebenarnya.

NSI dan RRA: (mengganguk sambil ketawa kecil)

AMH: Ada satu persembahan Choin [sic, Sholin] daripada satu--di China tu lah. Dia buat persembahan cholin dia, dia kata dia hebat lah, jenis silat dia hebat. Jadi,

NSI: Oh (mengganguk faham)

AMH: Kita pun sebenarnya hebat, bertitik tolak daripada tu saya ha saya nak menunjuk bahawa kita jugak ada budaye silat.

NSI: Em (mengangguk setuju).

AMH: Hah (menunggu respon dari penemu bual) ha jadi saya, saya mintak daripada dia orang bagi masa sedikit je saya nak tunjukkan satu dua bunga silat yang saya belajar dulu-dulu lah (sambil mengeleng kepala menandakan masa lalu) masa dulu-dulu lah. Teringat lagi pastu dia kata "Ha boleh, tapi make sure (pastikan) jangan lama sangat. Dia tak [sic, dia masa tak cukup].

NSI: Emh em (mengangguk tanda setuju).

RRA: Silat tu--. (terserentak)

AMH: Jadi sebab saye--. (terserentak)

RRA: Silat tu belajar dari mana encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah]?

AMH: Memang saya dulu lah, dulu saya memang belajar silat (tersengih) zaman sekolah dulu.

NSI: (mengangguk kepala tanda baru tahu)

AMH: Ha

RRA: Oh (mengangguk)

AMH: Jadi--. Ha memang dah ada lah cuma kita tak asah bakat kita lah cuma bakat tu macam janggal kalau awak - - sebab tak biasa kan?

NSI: Oh (mengangguk kepala tanda setuju)

AMH: Jadi - - Ha jadi setidak-tidaknya adalah kan? Kita- - benda yang sesuatu yang kita _ kepada dia bahawa kita ni jugak budaya yang related

(berkaitan) dengan dia walaupun berbeza tapi lebih kurang *related* [berkaitan] lah benda--. ada--. seni mempertahankan diri.

NSI dan RRA: Haah (mengangguk tanda setuju)

AMH: Jadi dia orang *respect* [hormat] lah, bukan sahaja mengukir tapi seni dan juga budaya tu kita bawa sekali. Biasa itu penting.

NSI: Betul

AMH: Jadi *Alhamdulillah* [segala pujian bagi Allah] lah, masa (cuba mengingat) masa persembahan hari tu dia-dia buat *live* [siaran langsung] lah beberapa rancangan TV [televisyen] dia buat *live* (siaran langsung) jadi orang memberi satu tepukkan yang gemuruh lah. First time (pertama sekali) dia orang nengok [sic, tengok] depan mata lah, betul?

NSI: Ya (mengangguk).

RRA: (mengangguk kepala tanda setuju)

AMH: Ha (menunggu persetujuan)

NSI: Okey (mengangguk). Jadi, soalan seterusnya, seperti yang encik Muhaimin [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] pernah ceritakan sebelum ni jugak, encik Muhaimin menjalankan perniagaan bersama isteri encik iaitu Puan Ina [Zarina] yang berpusat di Temerloh, Pahang. Jadi kami nak tanya

AMH: Ya

RRA: (mengangguk kepala)

NSI: Adakah encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pernah terfikir untuk membuka cawangan kecil di negeri-negeri lain?

RRA: (mengangguk kepala tanda setuju dengan soalan yang diajukan)

AMH: Okey, jadi (berfikir sejenak sambil mata memandang ke atas) kebanyakan produk-produk yang kita [Abd. Muhaimin bin Hasbollah dan Zarina] buat tu di kilang lah di bengkel kami lah di-di Inakraf [Inakraf Wood Crving] [Pahang, Malaysia] tu di bengkel Bangau Tanjung [Termeloh, Pahang] [Malaysia]. Jadi untuk cawangan tu rasanya belum lagi, tapi produk kita [Abd. Muhaimin bin Hasbollah dan Zarina] dia sekali dari segi pemasaran, eh? Ya kita tumpu pada satu kilang tapi pasaran kita meluas. Saya rasa itu lebih bagus sebab kos pun (berfikir sejenak sambil mata memandang ke kanan) apa nama modal untuk menjalankan banyak kilang lah dua tiga kilang kita nak menyelaraskan lagi. Ha, kos dia agak tinggi lah. Jadi saya rasa cukup dengan satu kilang tapi dari segi *marketing* [pemasaran] kita boleh (berfikir sejenak) boleh apa nama, memasarkan produk kita kita selu-ruh Malaysia.

NSI dan RRA: (mengangguk kepala tanda setuju)

AMH: Saya rasa penting [sic, yang penting] *marketing* [pemasaran] (mengangguk kepala), ha kilang satu takpe kite boleh tumpu.

NSI: Ya-ya (mengangguk tanda setuju)

AMH: Ha yang penting-- *marketing* [pemasaran] tu.

NSI: Jadi, cara- -antara cara-cara encik Muhaimin [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] apa-- (berfikir ayat yang sesuai untuk mengajukan soalan) cara-cara *market*-- (pasaran) cara-cara *marketing* (pemasaran) yang encik Muhaimin [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] jalankan. Contohnya?

AMH: (Terdiam sambil berfikir sejenak) Okey, ha biasanya kita melalui *Facebook* [tapak web rangkaian sosial] ataupun (berfikir sejenak)

Facebook [tapak web rangkaian sosial] Inakraf ataupun *Facebook* saya lah [Abd. Muhaimin bin Hasbollah]. Ataupun orang biasanya dia orang akan *contact* [hubungi] lah, dia kan [akan] tengok dalam *Facebook* [tapak web rangkaian sosial], dia akan bertanya samaada dalam bentuk -- samaada dalam bentuk *toko* [mesej segera dan media sosia] ataupun *E-mail* [e-mel] mungkin dia orang akan tempah. Jadi dia orang akan tempat, pastu dari segi *design* [reka bentuk] pulak, *design* [reka bentuk] (mata memandang ke atas) kita akan bagi *option* (pilihan) lah, samaada dia nak (berfikir sejenak)-- *Clie*t [pelanggan] akan memilih motif dia sendiri ataupun dia mintak kite terangkan motif yang sesuai dengan kediaman dia.

NSI: Jadi, motif yang manakah slalu--

AMH: So kita bincang lah __ em (berhenti untuk mendengar soalan). Ye Syu ?

NSI: Jadi motif yang manakah yang selalu encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] cadangkan?

AMH: Biasa saya lebih suka 'Bunga Tanjung' lah.

NSI dan RRA: (Mengangguk serentak)

AMH: Ha 'Bunga Tanjung' (mengangguk), identiti saya tu 'Bunga Tanjung'.

NSI: Adakah para pelanggan juga tertarik- -

AMH: (Sedang menyusun sesuatu yang ada di atas mejanya) Ha ye, sebab kite kene bila kite propose tu kite kene cerite pade dia lah ape kelebihan 'Bunga Tanjung' tu, kemudian apa yang ada pada 'Bunga Tanjung' tu, jadi dia orang minat lah, sebab dari segi dia punye - -

AMH: __ jugak lah, *design* [reka bentuk] yang tu macam mana, eh (faham)?

NSI: Emh-em (mengangguk faham).

AMH: Ha dalam bentuk macam mana teknik tebuk ataupun separuh tebuk. Ha jadi ada beberape contoh lah kite bagi contoh kat dia “Jadi kalau yang ni dah siap, dia akan jadi macam ni, macam ni, macam ni” ha dia setuju (mengangguk) dia orang akan tempah lah.

NSI: Em (faham). Jadi bias-anya dari manakah encik (berfikir sejenak), encik mendapat bekalan kayu untuk bengkel encik [Abdul Muhaimin bin Hasbollah]?

AMH: Okey biasanya kayu kite beli daripada pembekal-pembekal tempatan. Jadi kite bukan sahaja ada di Pahang [Malaysia], sekitar Pahang [Malaysia] tapi masih kita ambik juge bekalan kayu daripada Terengganu [Malaysia], Kelantan [Malaysia] dan juga disebelah Selangor [Malaysia] sana.

NSI dan RRA: (Mengangguk tanda faham)

AMH: Dia bergantung sebab pemilihan kayu ni adalah penting, sebab yang pertamanya kite kene pastikan kayu tu *grading* [mutu] dia [kayu], mutu dia [kayu]. Dia [kayu] bermutu tinggi lah, sesuai untuk diukir. Walaupun dia murah tapi kalau tak sesuai ukir itu jadi masalah sebab kegunaan kayu ni adalah peringkat pertame dari segi pemilihan kual-- pembuatan ukiran eh, dari segi kualiti dia yang pertama, mesti kite memulakan kayu-kayu yang baik. Jadi bile kite gune kayu yang baik, secara tak langsung penghasilan ukiran tu, dia akan (berfikir sejenak) mendapatkan satu produk yang lebih kualiti lah. Jadi, tentang--apa nama (terlupa), *client* [pelanggan] akan lebih berpuas hati lah.

NSI: (Mengangguk tanda faham)

AMH: Kite beli kayu yang biasa, kita tak pilih yang lebih kualiti dia akan jadi crack [retak], jadi pecah. Sayanglah kalau bende dah siap, kita dah penat-penat buat-

NSI: Ya (setuju)

AMH: Dia jadi kan [akan] *crack* [retak] kan (betul)? Dia pecah dan sebagainya, sebab dia sebab apa? Sebab dia tak cukup kering, dia banyak faktor lah. Dan care penyimpanan kayu tu macam mana, kemudian care apa nama (berfikir sejenak) pembekal tu me-letakkan kayu-kayu tu, dia ada teknik dan jujuk cara untuk menjaga supaya kayu tu tidak melengkung, tidak bengkok, dan sebagainya.

NSI dan RRA: (mengangguk faham)

AMH: Ha itu yang penting!

NSI: Jadi sekarang ni, dalam keadaan kita PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] kita sekarang ni, adakah encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] menghadapi masalah kesukaran untuk mendapat bekalan daripada pihak-pihak pembekal?

AMH: (Sedang bermain sesuatu sambil menunggu soalan habis). Ha ye sudah tentu lah, dia orang tu tak boleh nak keluar kemari kan? Jadi kite kena *hold* [tahan] dulu lah, kebanyakan projek tu kite *hold* (tahan). Die orang pun [sic, sebab dia orang pun] dia (memikirkan ayat yang sesuai) dia risiko lah. Jadi kite *hold* [tahan] dulu, dalam (mata ke atas sambil berfikir) habis PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] *inshaAllah* [atas izin Allah] lah.

NSI dan RRA: (mengangguk setuju)

AMH: Cume kite harapkan supaya Covid [Corona Virus Disease 2019 Covid-19] ni berakhir segere lah. Sebab banyak *event-event* [acara-acara] atau program-program

NSI: Ya (mengangguk setuju)

AMH: yang kita tak boleh nak jalankan.

NSI: Betul (mengangguk setuju)

AMH: Bukan sahaja kami, tapi pih-hak-pihak Universiti sebagainye kan (betul)?

NSI: Betul (mengangguk setuju)

RRA: (mengangguk)

AMH: Mesti dia orang tak dapat nak- -, Ha. Tapi dah mula masuk kelas ke? Belum lagi?

NSI: Dah. Dah mula dah.

RRA: (Menggeleng) Bel- -

NSI: Belajar online [atas talian]

AMH: Dah mula dah? Dah mula dah. Oh *online* [atas talian] lagi lah masih *online* [atas talian] lagi lah?

RRA: (Mengangguk sambil tersenyum)

AMH: Yelah. key-key [okey-okey] (mengangguk)

RRA: Okay (bunyi batuk kecil dan terdiam seketika). Sebelum kita beralih pada soalan saya sendiri, saya nak tanya dengan encik Muhaimin [Abdul

Muhaimin bin Hasbollah] tentang mengenai (memikirkan ayat yang sesuai untuk mengajukan soalan sambil mata memandang ke atas), berkaitan jenis-jenis (mata memandang ke tepi)— Berkaitan dengan kayu yang disediakan oleh pihak luar negara. Apabila encik Muhaimin [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] pergi untuk mengukir ke luar negara, adakah encik Muhaimin *request* [meminta] jenis-jenis kayu tu ataupun pihak yang dari luar negara tu menyediakan kayu yang berkualiti untuk encik? Atau pun (mata memandang ke atas dan berusaha memikirkan ayat yang sesuai untuk soalan), maksud saya, encik Muhaimin beritahu kepada mereka jenis kayu ataupun mereka (terkeluar bunyi suara robot kerana ketidakstabilan rangkaian internet) sendiri yang menyediakan jenis kayu itu mengikut selera mereka.

AMH: Okey, Shilla [Roushella Rika binti Ali, penemu bual kedua] macam ni, ha biasanya kalau *event-event* [acara-acara] di luar negare,

RRA: Haah (tanda teruja untuk mendengar jawapan)

AMH: dia bagi [sic, dia akan bagi] dua *option* [pilihan]. Yang pertama, kita boleh *request* (meminta) kayu apa yang kita nak. Kemudian yang kedua, dia [pengajur di luar negara] akan sediakan yang-- [sic, telah yang] sedia ade. Okey (berfikir sejenak sambil mata memandang ke atas) biasanya kita akan *request* [meminta], kita akan mintak kayu yang sesuai untuk diukir.

NSI: Em (mengangguk tanda faham)

RRA: (mengangguk tanda faham).

AMH: Sebab dia- -dia dah tahu lah. Biasanya dia- - Pihak-pihak apa nama (memikirkan kata-kata yang sesuai sambil mata memandang ke atas) *organizer* [penganjur] dia [pihak organizer] akan tahu dan dia [pihak penganjur] ada pakar rujuk dia [pihak penganjur], eh (menunggu respon penemu bual).

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Pakar-pakar dia boleh-boleh tahu eh jenis-jenis kayu. Biasanya kalau contoh macam baru di Australia baru ni (terbatuk kecil) kita mintak kayu yang sesuai untuk diukir, dia [pihak penganjur di Australia] sediakan kayu *spain* [tulang belakang] jenis *spine* [sic, pine] [tulang belakang]. Tapi sepsis *spine* [sic, pine] lah *spine* [sic, pine] yang lembut yang-yang mudah untuk diukir yang mana kebanyakan *spine* [sic, pine] (tulang belakang) tu yang memang -dia- -tahan, tahan dan sesuai untuk diukir. Memang takde disini, *spine* [sic, pine] (tulang belakang) gunung kita panggil. _ _

RRA: Dia memang di luar negara sahaja lah?

AMH: Ha di luar negare sahaja (angguk). Berbeza kalau di (mata ke tepi cuba mengingat sesuatu) Nepal dekat tahun lepas yang dekat Kathmandu [Nepal] tu yang lebih kepada kayu-kayu keras, agak keras jugak lah. Jadi ia bergantung suhu dan jujuk cuaca sebenarnya kayu ni,

RRA: (mengangguk)

AMH: Macam di Australia tu kayu *spine* [sic, pine] [*sic, pine*] sebab disana banyak kayu *spine* [sic, pine] [*sic, pine*], dan jujuk kayu *spine* [sic, pine] [*sic, pine*] (sambungan internet terputus)--.

RRA: Oh (mengangguk faham)

AMH: Ha, dia- -, berbanding dengan kayu kita ni, kayu khatulistiwa, berbeza. Di Nepal tu (mata memandang ke tepi) dia khatulistiwa jadi kayu dia keras, dia lebih kurang macam kayu kite lah.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Ha jadi berbeza macam tu lah. Jadi kalau kite ke luar negare kita akan dapat macam-macam jenis kayu. Secara tak langsung dia menambahkan kita punya *knowledge* (pengetahuan) lah “Oh ni kayu ni banyak kat sini, banyak kayu ni” ha secara tak langsung tu lah. Kemudian, saya jugek-- biasanya akan berkongsi idea ataupun berkongsi ilmu dengan pengukir-pengukir di luar negare, kami berbincang dan jugek kami bertukar-tukar eh macam alatan untuk mengukir, cara mudah untuk mengukir _ sebab dia gunakan alatan-alatan, jenis-jenis alatan dia, ha secara tak langsung kita belajar dan kita berkongsi.

RRA: Haah (mengangguk tanda setuju).

AMH: Kadang biasanya *time* [masa] balik tu kita akan-- saya akan sumbangkan saya punya pahat, saya akan tukar

NSI: (Kagum)

AMH: bertukar-tukar.

RRA: (Mengangguk tanda kagum)

AMH: Tujuan dia kita nak (mengangguk) kita nak satu kenangan ye supaya bahan- -, barang yang dia guna tu ada apada kita dan juge dia minat dengan pahat kite (tersenyum mengingat kenangan). Jadi dia tak sama teknik dan juge bahan-bahan- -, alat-alatan yang digunakan berbeza.

NSI: (Mendekati diri ke kamera untuk lebih fokus)

AMH: Sebab dia bergantung kepada ha (mengangguk) jenis-jenis besi, Macam Jepun, dia berbeza. Jepun dia cukup teliti, dari segi ukiran ni macam alatan mengukir dia cukup bermutu.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Eh? Untuk beritahu barang kita macam mana kan? Ha (mengangguk) dia tahan lama dan juga care penjagaan bahan dia tu berbeza, setiap pengukir dia tak sama.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda setuju)

AMH: Ha (faham)?

NSI: Okey.

RRA: Macam tu (tersenyum puas)

NSI: Ya (tersenyum kagum)

RRA: Okey encik. Kita beralih kepada soalan saya iaitu memalui *profile* [profil] yang encik Muhaimin [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] berikan kepada kami,

AMH: Haah (mengangguk)

RRA: encik ada selitkan beberapa gambar iaitu di mana encik mengendalikan kelas ukiran kayu adakah kelas itu dijalankan pada setiap hari ataupun ada hari-hari yang tertentu sebelum ini maksud saya sebelum 'Covid' [Corona Virus Disease 2019] ni lah.

AMH: Okey (berfikir sejenak). Biasanya kelas-kelas ukiran ni- dianjurkan- dianjurkan oleh agensi sebab dia melibatkan kos. Maknanya macam peserta- dari segi penginapan dia, maknanya kena tanggung lah makan minum dia orang [peserta] apa semua. Biasanya mengambil kos lebih kurang dalam lima belas-- sepuluh ribu [RM10,000] hingga lima belas ribu [RM15,000] lah untuk satu kursus.

RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Ha itu kalau dua puluh orang lah lebih kurang dalam dua puluh orang lah peserta. *So* [Jadi] untuk makluman juge, enam belas hari bulan [16hb Jun 2021] hari (mengingat tarikh) hari ini [Jumaat] lah sepatutnya adalah kelas enam belas [16hb Jun 2021] hingga dua puluh dua [22hb Jun 2021] sepatutnya ada satu kelas. Ha ni yang ini kelas ni untuk *beginner* [pemula] untuk mereka yang mula-mula belajar nak belajar mengukir. Tapi oleh kerana PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni, kita sudah dua kali tunda itu bah [slang Sabah]. Sepatutnya (terketawa kecil) dulu PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] pun dulu lagi

RRA: Haah (tersenyum)

AMH: sudah mula ha sudah *start* (mula) tapi dua kali tunde sudah. Tapi harap-harap lepasni *InshaAllah* (atas izin Allah) lah kot. Sebab kita nak bagi pendedahan pada orang kan? Bangaimana cara,

RRA: Haah (mengangguk)

AMH: teknik-teknik yang betul mengukir. Ramai yang pandai mengukir tapi dia tak tahu teknik yang betul dan jugek dia tak tahu di dalam ukiran kita tu ada ciri-ciri nilai falsafah ataupun apa nama (berfikir sambil mata memandang ke tepi) *value added* [nilai tambah] yang ada dalam bidang ukiran. Dia setakat tahu mengukir sahaje. Ha jadi kita nak itu lah benda yang nak kita hendak sampaikan sebenarnya supaya mereka bahu [*sic, tahu*] dan mereka faham yang ukiran kita ada nilai tersendiri. Berbeze dengan ukiran-ukiran di negare luar.

RRA: Okey, jadi dari peserta adakah (berfikir sejenak) adakah peserta tu di *limit* (terhad) kan untuk mengikuti kelas ataupun tiada (menggeeleng kepala) *limit* (terhad) untuk mengikuti kelas tersebut.

AMH: Okey (berfikir sejenak). Okey sebelum pada (sambungan internet terputus), *schedule* (jadual) lah. Atau agensi tu nak buat bulan berapa bulan bulan berapa jadi kita *confirm* (tentukan) awal Biasanya tiga bulan atau (berfikir mata memandang ke atas) *time* [masa] awal kita

dah ada jadual lah bulan berapa, jadi dia [jadual] tak bertindan, supaya tak bertindan.

NSI: Ye (mengangguk)

AMH: Kemudian peserta pulak ha peserta pulak saya, pihak saya--. disebelah pihak say akene carik, di pihak agensi pun ken acari. Jadi sama-sama dapatkan lah. Ha, jadi apa soalan tadi, lupa lah (tersenyum).

RRA: (ketawa kecil) Dah jawab (ketawa besar).

NSI: Berap (terserentak)

AMH: (ketawa kecil) Dah jawab? Okey okey (ketawa besar).

NSI: Berapa *limit* (had) (tersenyum dan memandang ke tepi)

AMH: (Ketawa kecil)

NSI: Jadi biasenya--

AMH: Ha jadi macam tu lah- -

RRA: Pastu (terserentak). Okey Syu [penemu bual pertama, Nursyuhada binti Ismail]?

NSI: Biasanya encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] (terserentak)--.

AMH: Ye Syu (menunduk)

NSI: Encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] sorang ke yang menjadi pihak pengajar [sic, pihak pengajar] kat situ ataupun encik Muhaimin bawak kawan-kawan lain?

AMH: Saye kene ade seorang pembantu.

NSI: (mengangguk)

AMH: Biasanya saya berdua lah, saye ade pembantu saye (mengangguk). Sama ada isteri saya [Zarina] ataupun (berfikir) *supervisor* [penyelia] saya.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Ha dia akan bantu saye lah. Dan biasanya kita ambik (berfikir sejenak sambil memandang ke atas) dalam dua puluh orang lah, sebab ramai sangat kita susah nak mengendali kan?

NSI: Ye (mengangguk setuju)

AMH: Sebab dia--.

RRA: Haah (mengangguk setuju)

AMH: Sebab dia (berfikir)--bimbang alat, ha alat-alat. Kemudian bila dah ramai sangat susah kita nak (terlupa) apa nama--. nak *control* [mengendali].

NSI: Jadi--.

AMH: Sebab lagi-lagi PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] (terserentak)--. Ha?

NSI: Haah (mengangguk isyarat untuk teruskan)

AMH: PKP ni kena ada penjarakkan ape semua lah (angguk).

NSI: Jadi alat-alat semue tu encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] sediakan ke?

AMH: Ya saye sediakan. Kebanyakan macam dia orang yang nak belajar mengukir ni dia orang tak ada alat lagi.

NSI: (Mengganggu tanda setuju)

RRA: (Mengganggu tanda setuju). Kelas tu biasanya mengambil-mengambil masa berapa hari? Ataupun sehari pun dah--.

AMH: Tidak. Die paling-paling kurang saya buat lima hari. Lima hari tu untuk asas lah untuk *basic* [asas]. Ha kemudian kalau *for the next* [untuk yang seterusnya] punya kalau die nak sambung lagi, saya akan sambung lima hari lima hari. Sebab kite tak boleh ambil lama, sebab kebanyakan dia orang dah ambil [sic, ada] ada komitmen.

RRA: Haah (mengganggu)

AMH: Macam dia org ade con- Ha (mengganggu) macam dia contoh tu dia cikgu jadi dia mengajar, jadi dia boleh ambik cuti lima hari. Ha macam tu lah.

NSI dan RRA: (mengganggu tanda faham)

AMH: Mungkin ada kerja dengan syarikat mane-mane kan. Sebab (berfikir) ukiran ni yang kebanyakan *concentrate* [tumpuan] ni tak ramai. Kebanyakannya yang belajar ni sambil-sambil dia bekerja tu dia belajar. Kan?

NSI dan RRA: (mengganggu)

AMH: Melainkan kalau (berfikir) kalau apa nama (memandang ke atas) individu tu dia apa (pejamkan mata) mempunyai masa penuh, maknanya dia buat ukiran sepenuh masa yang itu mungkin dia ada masa dia boleh lari lah maksudnya dalam seminggu dua. Tapi biasanya kita buat tak lama, lima hari je lepastu kita akan *for the next* (untuk yang seterusnya) kalau- kalau nak sambung apa nama (berfikir sejenak) sesi kedua, sambung lagi lima hari -- (sambungan internet putus). untuk sesi ketiga

ukiran halus sambung lagi lima hari. Jadi dia orang tak *boring* [bosan] lah, kita buat lima hari-lima hari (lalu minum air).

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham).

RRA: Okey. Jadi bagi mereka bagi peserta yang mengikuti kelas tersebut, adakah mereka megikuti kelas itu secara percuma ataupun mereka memerlukan yuran untuk mengikuti kelas tersebut?

AMH: Okey biasanya agensi ni (mata memandang ke atas) dia akan kenekan yuran yang minimal la. Biasanya con [sic, sebagai contoh] baru ni dia mintak lima puluh ringgit Malaysia [RM50] sebagai yuran komitmen.

RRA: (mengangguk)

AMH: sebenarnya percume je, tapi--. Ha (mengangguk) yuran komitmen sebagai tanda dia--nak lah, dia *confirm* [pasti] kan?

RRA: (mengangguk)

AMH: Jadi dia (berfikir mata ke kiri dan kanan) dia--mintak bayar dalam lima puluh ringgit Malaysia [RM50] sahaja.

RRA: Lima puluh ringgi Malaysia [RM50] (tersenyum sambil mengangguk)

AMH: Ha yuran komitmen lima puluh ringgit Malaysia [RM50] sahaja. Lepas tu yang lain semua pihak agensi akan tanggung. Kiranya (berfikir) termasuk penginapan semualah, makan minum sepanjang kursus penginap (sambungan internet terputus)--. dari hotel ke bengkel cume pihak agensi akan tangjut [sic, tanggung] lah (sambungan internet terputus) sahaje. Kira pec [pecah]--.

NSI: Biasanyan di mana tu encik [Abdul Muhamin bin Hasbollah]? (terserentak)

Haah?

AMH: Kira percuma itu bah [slang Sabah] biasanya itu kira percuma lah kan?

NSI: Ya betul (mengangguk dan tersenyum)

RRA: (Mengangguk dan tersenyum). Haah

NSI: Betul-betul (mengangguk dan tersenyum)

AMH: Ha tu lah kalau tak mau lagi kursus, tak tau jugak kita bagi *free* [percuma] lagi (tersenyum).

NSI: Tapi biasanya--.

RRA: Haah. Tu yang dia orang bayar pun komitmen jak kan?

NSI: Ya

AMH: Ha komitmen lima puluh ringgit Malaysia [RM50] sahaja. Boleh (tersenyum), boleh bah [slang Sabah].

NSI: Pastu peralatan semue disediakan. Boleh! (ketawa kecil)

AMH: Berpusat ada dua kaedah, dia (berfikir dan memandang ke atas). Ha yang pertame kita buat dimana-mana pusat Latihan. Katalah (berfikir dan memandang ke atas) katalah pihak apa nama (mengingat lokasi) Pusat Perabot Teknologi MARA [Kuala Lumpur, Malaysia] di apa nama (terlupa) apa nama (menoleh ke kiri) di Kuala Lumpur [Malaysia]. Ha Pusat Teknologi Perabot [Pusat Perabot Teknologi MARA] dia nak dia nak [sic, memerlukan] saye punya apa (terlupa) *skill* [keupayaan] untuk mengajar pelajar-pelajar die, ha dia [Pusat Perabot Teknologi MARA] akan panggil.

RRA dan NSI: (mengangguk tanda faham)

AMH: Ha kebanyakan pusat latihan ade bengkel, ha macam pusat latihan kan? Itu dia dah Cuma die nak (terlupa) nak cari tenaga mahir je untuk nak latih pelajar-pelajar. Jadi dia akan buat lah kursus (memandang ke tepi), ha die akan panggil. Jadi dia kene bayar kat saye lah, (mengangguk) ada *rate-rate* [kadar-kadar] tertentu lah saye *charge* [bayaran] lah satu hari, satu jam berape, kepakaran saye. Pastu peserta-peserta ni biasanye sesaje lah, cuma kalau bayar pun tak mahal lah.

NSI dan RRA: (mengangguk faham)

AMH: Setakat ni lah, setakat ni percuma lagi lah.

RRA: (mengangguk faham)

NSI: Okey (tersenyum)

AMH: Kemudian yang kedua samaada die buat di bengkel [Inakraf Wood Craving] saya. Di Bengkel Inakraf [Inakraf Wood Craving].

RRA dan NSI: (mengangguk tanda tahu)

AMH: Kalau di bengkel [Inakraf Wood Craving] tu, kite akan kenakan sewa lah. Macam pihak agensi kene sewe lah, (gangguan bunyi) bangunan bengkel, kerusi, bahan-bahan mentah, kayu, kayu-kayu yang digunakan untuk latihan tu die kena bayar lah. Jadi dia macamtulah kaedah-kaedah die macamtu. Sama ada di bengkel [Inakraf Wood Craving] saya sendiri ataupun di mana-mana pusat latihan. Jadi kebanyakannya dia orang [pihak agensi] lebih suka ke bengkel [Inakraf Wood Craving]. Die nak supaya die dapat

RRA: Haah (mengangguk)

AMH: rasa sendiri suasana bengkel [Inakraf Wood Craving]. tu macam mana (tersenyum).

NSI: (Mengangguk dan tersenyum) Betul.

AMH: Ha kan? Dia (mengangguk) ha dia berbeza (memandang ke tepi) bila--.
macam- macam kamu lah belajar dalam *online* [atas talian] dan jugek
masuk kelas.

NSI: Ye (mengangguk setuju)

AMH: (Sambungan internet terputus) dia berbeza dia ha (mengangguk)

RRA: Haah (mengangguk setuju)

AMH: Macam tu lah.

RRA: Jadi--. Sekiranya ada individu yang tinggal di tempat jauh contohnya
macam Sabah [Malaysia] ataupun Sarawak [Malaysia] yang berminat
mengikuti kelas encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] ni, kelas ukiran
kayu yang dikenadalkan sendiri oleh encik [Abd. Muhaimin bin
Hasbollah], adakah encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] pernah terfikir
untuk mengadakan kelas secara *online* [atas talian] untuk mereka.

AMH: Itu saya sedang fikirkan macam mana kaedahnya sebab bila online ni,
bila mengukir ni

RRA: Susah sikit

AMH: dia memerlukan, ha susah sikit dia banyak, yang pertama (mata ke atas
sedang berfikir) dia kene, bagaimana kaedah kita nak menyampaikan dia
lebih [sic, melibatkan] *skill* [kemahiran]

NSI: Ye (mengangguk)

AMH: Kan?

RRA: Haah (mengangguk setuju)

AMH: Lepastu melibatkan mesin-mesin, proses, pastu bahan mentah. Kan? Dia tak sama dengan kursus-kursus

RRA: Haah

AMH: yang lebih kepade (memandang ke tepi) lebih kepade itu lah praktikal, pembuatan.

RRA: Haah

AMH: Jadi saye tengah fikir bagaiman kaedah cara yang mudah dia yang saya cuba hendak sampaikan dalam bentuk video dan sebagainya (memandang ke atas). Cuma yang ade saye buat tu video (terlupa) video tu lah 'Asas Ukir'. Mungkin, Syu [Nursyuhada binti Ismail] ada tengok tak? (mendekati kamera)

NSI: Ada encik [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] (mengangguk dan tersenyum)

AMH: (sambungan internet terputus) dalam *Facebook* [tapak web rangkaian sosial], ade?

NSI: Ade (mengangguk)

AMH: Ade itu secara *basic* [asas] lah asasnye lah.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Supaya orang [sic, dia orang] boleh tengok video itu secara asas dia lah. Tapi sebenarnya tu macam-macam tak--sampai.

NSI: Ye (mengangguk tanda setuju)

AMH: Sebab dia orang nak--. Yelah, tapi sekurang-kurangnya die tahu lah proses. __senang supaya ada *hands on* [sentuhan tangan], sebab dia nak--.*feel* [merasa], nak rasa bagaimana mengukir tu, itu yang penting.

NSI: Betul (mengangguk sambil tersenyum)

RRA: Haah (Mengangguk tanda setuju sambil tersenyum)

AMH: Ye saya (menarik hidung sebanyak dua kali).

RRA: Okey (memandang ke atas) lepastu, sepertinya encik Muhaimin--. Kita dah habis untuk soalan tu (tersenyum). Kita masuk soalan baru, sepertinya encik Muhamin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] sudah menca- (sambungan internet terputus) seni ukiran ini sehingga peringkat antarabangsa. Jadi apalagi harapan encik Muhaimin [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] dalam bidang seni ukiran kayu ini yang masih yang encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] rasa encik [Abd. Muhaimin bin Hasbollah] belum capai?

AMH: Okey dari segi pencapaian tu saya rasa (berfikir sejenak) tulah kite nak melahirkan lebih ramai lagi apa nama (terlupa perkataan dan memandang ke bawah) generasi mude supaye minat dalam bidang seni ukiran kayu ni. Jadi saye rasa masih masih ramai lagi--. Dan peluang tu ade sebenarnya cume tak ramai lagi apa generasi mude yang minat dalam bidang ukiran. Sebab mereka [sic, pada mereka] bidang ukiran ni leceh lah, kan? Tak boleh pergi ke depan, tak boleh maju ke depan, nak pergi kemana? Dia tak nampak prospek ukiran ni. Ya (mengangguk) berbeza [sic, berbanding] dengan bidang-bidang lain. Tapi sebenarnya ukiran kayu ni dia boleh pergi jauh. Kalau di luar negare sana pengukir-pengukir [sic, kerja-kerja] mengukir ni mereka jage dan juga mereka pelihare supaya dia menjadi satu apa nama (terlupa) warisan. Dan saya harap lah, saya harap supaya bidang ukiran ni dapat dikembangkan lagi,

bukan sahaje kepada generasi mude malah (berfikir sejenak) di bangku sekolah lagi. Maknanya dari (memandang ke tepi) sekolah lagi dah ade bidang kemahiran ukiran ni, supaya melahirkan lebih ramai lagi peminat, ataupun pengkarya-pengkarya. Sebab negare kita [Malaysia] masih kekurangan eh pengukir-pengukir mude.

NSI dan RRA: (Mengangguk tanda setuju)

AMH: Sebab generasi ukiran ni (berfikir sejenak) kita jauh ketinggalan berbeza [sic, berbanding] dengan negare-negare lain. Contohnya macam Indonesia, dia dah lebih maju dan dia dah ramai pengukir-pengukir dia. Setiap kampung (sambungan internet terputus)--.

RRA: (Mengangguk)

AMH: __ kita boleh dikire dengan jari. Kemudian dari segi masyarakat pula pendedahan kepada masyarakat bagaimana supaya mencintai produk-produk tempatan ni. Makna menyokong.

RRA dan NSI: (mengangguk setuju)

AMH: Menyokong dari segi barang-barang tempatan. Kite kenapa kite perlu bangga dengan barang [sic, ukiran-ukiran] negare luar? Kenapa kite perlu bange produk-produk daripada luar negare? Sedangkan kite sendiri ade produk kite. Ukiran-ukiran tempatan ni, dari segi perabotnye dan sebagainya. Kite dok sibuk-sibuk yang [sic, beli yang] luar negare, kan?

NSI dan RRA: (Mengangguk setuju)

AMH: Padahal yang kite ade identiti, ade nilai sejarahnya.

NSI dan RRA: (mengangguk setuju)

AMH: Jadi itulah (mengangguk). Cumanya saye [sic, harapan saya] kepada pengukir juge [sic, pengukir-pengukir] generasi mude ni supaye pelihare, pelihare ukiran ni supaye--. Kalau boleh buatlah ukiran tu biar sebagai satu bukan sahaje sebagai karya seni dia juge mempunyai tulisan supaya dia menjadi nilai tambah pada hasil karya kite. Bukan sahaje cantik, malah ade (berfikir sejenak) ade pengisian dia. Ada falsahahnya, sebab ape, dan kenapa di-ukir sebegini rupe, fungsi die untuk ape, dan sebagainya (mengangguk). Saya rasa itu capaian apa nama (terlupa perkataan) di masa akan datang, *InshaAllah* [atas izin Allah]. (lalu minum air)

RRA: Lagipun (berfikir sejenak) banyak jugak, ape nih (melihat ke tepi) generasi muda ni yang berfikir ukiran kayu ni tidak sesuai untuk mereka, (melihat ke tepi) bagi mereka ukiran kayu ni lebih sesuai kepada orang yang berumur.

NSI: Jadi ap--

AMH: Ye betul (mengangguk setuju). Ha betu-betul

NSI: Jadi apa pendapat encik? Apa komen encik tentang itu? (ketawa kecil sambil menyentuh kening)

RRA: Haah itu lah (ketawa kecil)

AMH: (ketawa kecil) Okey (berfikir sambil melihat ke tepi) bagi saya lah dia--. yelah ukiran kayu dia adalah satu warisan. Kalau kite ni kite ni generasi mude yang tak menyambung warisan seni tu, sape lagi? Jadi (berfikir sejenak) jadi kite takut dan kite bimbang suatu hari dianya [warisan ukiran kayu] ada lenyap dia akan lenyap dan juga--. Sebenarnya banyak lagi yang kite dah-dah ketinggalan. Dari segi-segi sejarah kite, kalau tengok macam penjajah dulu kan dia penjajah negare kite eh, dia bukan sahaje ambek hasil-hasil bumi, sampaikan budaye seni kite pun dia ambek, dia bawak balik __, betul tak?

NSI: Betul (mengangguk setuju)

AMH: Kan? (sambungan internet terputus) Dokumen-dokumen kite, manuskrip kite semua (menggeleng) semua dia ambek.

NSI dan RRA: (mengangguk)

AMH: Ha dia macam tu lah. Jadi macam tu lah (menarik hidung). Jadi kalau kite sendiri tidak (berfikir) kite sendiri tidak memelihara, kite sendiri tidak jage, suatu hari nanti saye tak--apa nama (terlupa perkataan) tidak heran suatu hari nanti dia akan jadi perkare yang sama lah. Jadi bertitik tolak pada itu kita jadikan nya sebagai satu pengajaran lah. Bukan sahaje--. Banyak sebenarnya bukan sahaje dari seni ukiran. Bila dengan seni lain pun, bile kalau _ pun dah banyak dah kurang seolah-olah macam lenyap gitu, betul tak? Kalau dijadikan contoh itu

RRA: Haah betul (mengangguk)

AMH: Tem- bage tukang-tukang tembaga pun dah dia boleh dihitung dengan jari je berape ramai tukang-tukang tembage. Lepastu anyaman, anyaman mekuang dan sebagainya pun dah takde generasi. Cuma yang masih kekal di Sabah Sarawak tu masih ramai lagi, sebab dia (berfikir) dia macam--. sana dia pendalaman

RRA: Tradisi. Haah (mengangguk)

NSI: (mengangguk)

AMH: Ha die takde kerja, maknanya die dari segi pendedahan pada kerje-kerja lain terluang sikit, mungkin banyak orang dalam kan dia takde kerja jadi die banyak masa digunakan untuk item begitu. Tapi berbanding dengan di Semenanjung ni, kite dah lebih arah moden (menarik hidung) jadi generasi mude ni die lebih ke arah bende-bende dia nak cepat dan jage

dia nak buat duit dengan care cepat je. Dia tak nak bende tu memakan mase, lam-bat, lame, kan? Jadi itu adalah satu cabaran bagi saya.

NSI dan RRA: (mengangguk tanda faham)

AMH: Cumanya itulah adalah diharapkan supaya pihak-pihak ataupun agensi-agensi yang berkaitan lah dapat membantu bagi menggalakkan lebih ramai lagi generasi muda, sebab golongan pelapis adalah penting (melihat ke tepi). Sebab kalau mereka (sambungan internet terputus) dia akan lenyap lah kan? (sambungan internet terputus) pelihara tu dia lenyap, khususnye macam (berfikir) macam sekarang ni ade dua agensi lah yang banyak membantu apa nama (terlupa) [sic, sama-sama membantu] mengetengahkan lagi bidang ukiran. Yang pertamanya pihak-pihak _ Kraftangan Malaysia [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] (menarik hidung). Pihak Kraftangan Malaysia, dan juek pihak MTIB, dia dua agensi ni die lebih kepada (senyap seketika) ke arah pengukiran kayu lah. (lalu minum air)

RRA: Okey. Seterusnya, adakah [sic, apakah] perancangan [sic, adakah] encik [Abdul Muhaimin bin Hasbollah] mempunyai perancangan untuk (sambungan internet terputus)—

AMH: Okey. Sudah semestinya ada perancangan eh (berfikir). Yang mana yang pertamenye saye berhasrat mewujudkan satu akademi eh dipanggil akademi _ ukiran kayu. Akademi ukiran kayu ini, yang mana kita melahirkan lebih ramai lagi pengukir kite menyampaikan apa nama (terlupa)--. Kita menjadi pusat rujukan kepada generasi muda (berfikir sejenak), bagaimana kite nak memelihara nak menjaga dan juek untuk memperkembangkan lagi bidang ukiran. Sebab (sambungan internet terputus). Dan satu lagi akan dibentuk ataupun akan diadakan [sic, diwujudkan] pusat-pusat latihan dan sebagainya. Dan ini adalah untuk melahirkan lebih ramai golongan pelatih. Sudah tentunya (mengangguk) kita mempunyai satu atau apa nama [sic, perancangan] lah di masa akan datang, *InshaAllah* [atas izin Allah] lah (menunduk ke bawah).

NSI: (Mengangguk). Jadi itu sahaja lah kan Roushella [Penemubual kedua, Roushella Rika binti Ali]? (tersenyum) Ke Roushella ada lagi--.

AMH: Dah habis ka? (tersenyum)

NSI: tambahan--, ke ada lagi tambahan soalan? (tersenyum)

RRA: (ketawa besar)

AMH: (Tersenyum lalu ketawa besar)

RRA: Rasanya sudah cukup (nada teruja) (ketawa kecil).

NSI: Cukup? (ketawa kecil)

RRA: Okey sebelum tu sebelum kita menamatkan sesi temubual kita pada malam ini izinkan saya untuk membaca skrip penutup, ok saya mula ya.

NSI: (Mengangguk)

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni ukiran kayu bersama Encik Abd. Muhaimin Bin Hasbollah. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Seni Ukiran Kayu para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	BUTIRAN
01:43- 8:54	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh Abd. Muhaimin bin Hasbollah. • Panggilan nama yang diberi Muhaimin, Cikgu Muhaimin, Cikgu Aimin, Min ataupun yang paling terkenal Wak Min. • Asal Jawa dan lahir di Pontian Johor tahun 1965 • Dibesarkan di Bandar Pasir Raja Skudai Johor. • Menetap di Temerloh, Pahang. • Merupakan seorang pelukis sebelum menceburi bidang ukiran. • Mengikuti Latihan Sijil Kemahiran dalam bidang seni ukir kayu pada tahun 1985 di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. • Bertemu dan berguru dengan Allahyarham Abdul Latiff bin Long pada tahun 1986 • Memahirkan diri dalam bidang kraftangan pada tahun 1987 • Berjaya membina bengkel pada 1991
8:55 - 9:52	Latar Belakang Keluarga Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Anak yang ke dua daripada enam adik-beradik • Semua adik beradik merupakan guru
9:53 - 10:53	Alam Perkahwinan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 4 orang anak
10:55 - 14:28	Pendidikan tertinggi tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Dulu berkelayakan sijil sahaja, kini dinaik taraf • Kenangan manis tokoh bersama rakan dan

		<p>guru</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendapat anugerah pelajar terbaik
14:31 - 15:48	Kerjaya Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja sebagai pengurus operasi di Inakraf • Pernah menjadi pengurus operasi di Bengkel Pusat Gunung Sama • Melatih pelajar agar mahir dalam mengukir
16:00- 17:20	Asal- usul ukiran kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh tidak menjawab soalan yang ditanya
17:26 - 18:00	Siapa yang perkenalkan seni kepada tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Minat sendiri • Kemahiran yang dianugerahi kepada tokoh
18:04 - 20:37	Motif dan konsep Ukiran Kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Konsep Tradisional dan kontemporari • Perbezaan konsep • Nilai falsafah dalam ukiran
20:40 - 21:39	Penglibatan tokoh dalam bidang	<ul style="list-style-type: none"> • Berminat dalam bidang sejak lepas sekolah
22:48 - 31:43	Kelebihan dan kelemahan Seni Ukiran Kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Ukiran kayu adalah cara menyampaikan sesuatu ataupun menegur bagi orang dahulu • Ukiran kayu mempunyai simbol dan lambang yang mempunyai maksud tersendiri • Bercerita tentang kelebihan motif-motif • Mempunyai nilai falsafah • Kelemahan: belajar dari bawah/ Generasi sekarang tak belajar daripada bawah/ ciplak
31:46 - 46:41	Pembuatan seni ukiran kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis motif • Kelebihan motif dalam ukiran kayu • Identiti lambang keperibadian pengukir • Pemilihan identiti sangat penting

		<ul style="list-style-type: none"> • Langkah-langkah penghasilan ukiran kayu (Dapatkan motif/olah dalam bentuk ukiran/ pilih teknik ukiran) • Tempoh penghasilan ukiran kayu: bergantung pada 4 elemen • Idea: datang dari persekitaran dan permintaan pelanggan • Alatan: pahat ukir, tukul, dll. • Permintaan ukiran kayu dari dalam dan luar negara • Harga ukiran kayu
46:57 -52:15	Bengkel yang dimiliki Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Nama: Inakraf • Pembukaan: 1991 • Bermula kecil-kecilan sehingga maju • Pekerja: 6 orang • Kursus-kursus ukiran kayu • Pengambilan pekerja • Kos membangunkan bengkel: modal sendiri • Bantuan dalam membangunkan bengkel • Bengkel beroperasi: 9 pagi - 5.30 petang (setiap hari kecuali hujung minggu)
52:17 - 1:02:18	Sumbangan serta pencapaian Tokoh dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan dan penyertaan yang disertai • Pertandingan International Live Wood Carving Competition - wakil Malaysia • Anugerah 'The Best of Achievement and Craftsmanship Award' (2012) • Setiap tahun ke luar negara mewakili negara <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menerima Invitation Letter ke Tokyo ➤ Hampir diberi Penganugerahan

		<p>semasa Sukan Olimpik tetapi dibatalkan akibat Covid-19 (2021)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Duta negara- Berbusana semasa di luar negara ➤ Anugerah adiguru: satu penghormatan
1:02:25 - 1:06:44	Perasaan dalam menceburi bidang seni ukir kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Tanggungjawab yang berat • Cabaran dan pengalaman manis di luar negara semasa mengukir pada musim sejuk • Bangga mewakili Malaysia
1:06:47- 1:09:23	Pendorong semangat dan motivasi	<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga, saudara mara, penggiat-penggiat seni • Sokongan daripada sahabat-sahabat - pembakar semangat • Hasil ukiran diletakkan di dalam Muzium Kesenian di Turkey
1:09:24 - 1:14:48	Masalah dan Cabaran yang dihadapi	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah / cara untuk menarik minat generasi muda • Zaman siber • Sokongan kuat dari kerajaan sendiri • Pasaran: bagaimana nak kembangkan bidang ukiran • Tak semua orang boleh mengukir • Pernah digelar sebagai 'perosak seni' • Segelintir pihak tidak menerima konsep kontemporari • Mengatasi masalah: - Berbincang • Kesan terhadap diri dan keluarga
1:14:48 - 1:19:54	Pendapat mengenai seni ukir kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Bangga dengan ukiran kayu • Produk Melayu berkualiti dan mempunyai mutu yang tinggi

		<ul style="list-style-type: none"> • Seni ukiran kayu hendaklah dikekalkan • Semua pihak memainkan peranan dalam memelihara warisan seni ukiran kayu • Penubuhan IKN bagi mengembangkan hasil seni warisan ukiran kayu
1:19:56- 1:23:09	Dana	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan bengkel daripada MTIB sebanyak 60,000 • Pihak Kraftangan Malaysia • Pihak Motac - bila keluar negara • MITI • TEKUN - Modal pusingan • FELCRA • FELDA • PRISMA • CENDANA
1:23:11 - 1:25:07	Harapan Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Sesuatu yang kena diteruskan • Satu warisan • Penglibatan generasi muda perlu dipupuk
1:27:00 - 1:30:32	Faktor tokoh bertahan dalam bidang ukiran kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Berpegang pada kata-kata guru: mengukir kena ada minat • 3 elemen penting • Berusaha sehingga menjadi seorang professional
1:31:02 - 1:31:31	Perkongsian aktiviti masa kini	<ul style="list-style-type: none"> • PKP: Buat kerja di rumah • Buat design dan lakaran
1:31:35- 1:35:17	Bertanya tentang koleksi	<ul style="list-style-type: none"> • Koleksi: kontemporari di luar negara • Nilai falsafah diadaptasi dalam ukiran • Koleksi mendapat banyak sambutan di luar negara: buat produk di luar negara • Idea: Lebih kepada bentuk alam (Flora dan Fauna)
1:35:18- 1:38:18	Persembahan di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> • Silat • Diberi penghormatan: memberi ucapan

		<ul style="list-style-type: none"> • Belajar silat dari zaman sekolah
1:38:22 - 1:43:29	Perniagaan Inakraf	<ul style="list-style-type: none"> • Membuka cawangan di negeri lain • Bekalan bahan mentah • Motif yang dicadangkan kepada pelanggan • Bekalan kayu: pembekal tempatan
1:43:50 - 1:47:24	Penyediaan kayu di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> • Dua option • -Request • -mereka sediakan yang sedia ada
1:47:30 - 1:57:20	Kelas pengukir kayu	<ul style="list-style-type: none"> • Dianjurkan oleh agensi • Kelas <i>Beginner</i> • Pengajar: berdua • Alat untuk kelas disediakan • Kelas dibuat lima hari • Yuran Rm50 • Kelas online untuk yang jauh
1:57:29- 2: 04:05	Harapan dan cita-cita yang masih belum dicapai	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi muda masih ramai lagi yang tidak tertarik dengan bidang ukiran • Mendedahkan bidang ukiran kayu kepada generasi kini • Bimbang ukiran kayu akan lenyap
2:04: 12- 2:05:20	Perancangan untuk masa akan datang	<ul style="list-style-type: none"> • Berhasrat untuk mewujudkan satu akademi ukiran kayu

RALAT

7.0 RALAT

Semasa sesi temubual berlangsung secara dalam talian bersama dengan Encik Abd. Muhaimin B. Hasbollah, terdapat beberapa masalah berlaku atau pun ralat yang tidak dapat dielakkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara ralat yang dikesan ialah:

1. Sambungan internet yang tidak stabil menyebabkan suara penemubual atau tokoh tidak dapat didengar dengan jelas.
2. Gangguan bunyi seperti suara anjing menyalak, bunyi kereta lalu lalang dan kedengaran bunyi bising di sekitar kawasan salah seorang penemubual.
3. Salah seorang penemubual terkeluar dari platform *Google Meet* semasa sesi temubual dijalankan kerana terputus sambungan internet dan kembali semula ke dalam talian setelah mendapatkan sambungan internet.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

Adiguru	Adiguru Krafialah seseorang yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebagai seorang tokoh / <i>master craftsmen</i> setelah mereka menepati beberapa kriteria-kriteria seperti berikut tertentu.
Agensi	Agensi ialah perdagangan yang pejabat atau yang pejabat daripada ejen (orang yang mempunyai kebajikan untuk bertindak, yang bertindak dengan kuasa orang lain atau yang merupakan perantara antara penjual dan pembeli). Konsep ini berasal dari bahasa Latin <i>agentis</i> yang, pada gilirannya, mempunyai asal dalam <i>agens</i> ("Dia yang melakukan").
Allahyarham	Kata ganti diri yg digunakan sebelum nama orang lelaki Islam (bukan drpd keluarga diraja) yg telah meninggal
Arca	Arca merupakan hasil seni berbentuk 3 dimensi (3D). Arca berasal daripada perkataan ' <i>sculpture</i> ' yang beerti mengukir, memotong, menebuk atau melarik.
Bengkel	Bengkel (pinjaman Bahasa Belanda: winkel "toko, kedai") ialah bilik, ruang atau bangunan dilengkapi alat (atau mesin) yang mungkin diperlukan untuk membuat atau membaiki barang pengilangan.
Bodek/Membodek	Memuji dsb seseorang dgn tujuan mendapatkan sesuatu daripadanya, mengampu
Bunga Bakawali	BUNGA BAKAWALI (<i>Epiphyllum anguliger</i>) dari kumpulan kaktus merupakan bunga yang mempunyai ciri unik kerana ia hanya kembang pada waktu tengah malam. Nama lain bagi tumbuhan ini adalah Ric Rac Cactus, Moon Cactus dan Queen of The Night Flower.

Bunga Kerak Nasi	Bunga kerak nasi yang juga dikenali sebagai bunga kesidang manakala di kawasan pantai timur Malaysia dikenali dengan nama bunga tikam seladang yang merupakan bunga yang berwarna putih dan berbau wangi seakan-akan bau daun pandan.
Bunga Lavender	Bunga ini juga memiliki makna yang sangat dalam, yaitu melambangkan pertumbuhan seorang wanita dan juga menunjukkan keanggunan. Selain itu, bunga ini memiliki varian warna ungu yang sangat feminim.
Bunga Raya	Bunga raya, juga dikenali sebagai bunga sepatu dan kembang sepatu (<i>Hibiscus rosasinensis</i>) ialah sejenis tumbuhan berbunga sepanjang tahun dalam genus Hibiscus yang sering ditanam sebagai pokok hiasan. Bunga raya ialah bunga kebangsaan Malaysia.
Bunga Tanjung	Tanjung ialah sejenis pokok yang bersaiz sederhana. Ia biasa dijumpai ditanam di tepi-tepi jalan kerana bentuknya yang rendang dan dapat memberikan teduhan dari cahaya matahari yang terik. Bunga tanjung berbau sangat wangi dan biasa digunakan sebagai hiasan kepala masyarakat Melayu tradisional dan kaum India. Bunga tanjung juga tahan lama dan boleh direndam dalam minyak kelapa setelah kering untuk mengembalikan harumannya.
Bunga Tulip	Bunga tulip merupakan salah satu bunga yang paling banyak mendapat perhatian dunia. Padahal jika diperhatikan, bentuk bunga tulip sangatlah sederhana, hanya berbentuk kuncup bunga yang belum mekar sempurna dan tumbuh tegak ke atas. Namun yang menarik adalah, bunga ini hadir dalam berbagai warna-warni yang kontras dengan batang dan daunnya.

Cengal	Cengal merupakan salah satu jenis kayu terkeras di dunia yang dihasilkan dari pokok Cengal, dan dikategorikan sebagai kayu balak, keras, padat, tahan lama, mahal dan berkualiti paling tinggi.
Daun Lirik	Dikenali sebagai pokok Calathea lutea ini. Pokok ini sering kali dijadikan hiasan di taman-taman malah ada juga yang digunakan untuk hiasan pentas.
Diraja	Kependekan daripada adiraja; raja atau raja yg maha mulia atau angkatan raja
Facebook	Facebook adalah rangkaian sosial percuma yang membolehkan pengguna saling berhubung untuk berinteraksi dan berkongsi kandungan melalui internet Ia dilancarkan pada tahun 2004. Pengasasnya ialah Mark Zuckerberg.
Falsafah	Definisi falsafah secara amnya merupakan pengkajian umum yang merujuk kepada asas mengenai hakikat sesuatu realiti, kewujudan atau kejadian, ilmu pengetahuan, nilai, akal, minda dan bahasa.
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) adalah antara institusi yang terkemuka dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia. Ditubuhkan pada 1929, FRIM yang dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan menjadi sebuah badan berkanun sepenuhnya dengan ditadbir oleh Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) di bawah Kementerian Perusahaan Utama pada 1985. Sejak 2003, MFRDB dan FRIM dipindahkan ke bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Google	Mesin pencari Google untuk mencari maklumat mengenai seseorang atau sesuatu di internet.
Google Meet	Google meet merupakan sebuah aplikasi video conference atau bisa juga disebut sebagai meeting online.
IKN	Institut Kraf Negara (IKN) adalah sebuah institusi yang menawarkan pengajian dalam bidang kraf berteraskan kemahiran. Kandungan kurikulum memberi penekanan kepada aspek kemahiran (70%) dan teori (30%). Setiap pelajar dikehendaki menjalani latihan industri untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran bagi membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan industri kraf pada masa hadapan.
Industri	Industri ialah satu segmen ekonomi yang menghasilkan barangan. Perkataan "industri" berasal dari perkataan Latin <i>industrius</i> yang bererti tekun, rajin. Industri ialah penghasilan barang atau perkhidmatan dan merupakan aktiviti ekonomi yang memproses bahan mentah menjadi barang siap atau menyediakan perkhidmatan. Terdapat 4 sektor dalam industri yang pertama: industri pengumpulan bahan mentah secara besar-besaran seperti perlombongan dan pertanian; yang kedua merangkumi pembinaan dan penghasilan; yang ketiga ialah industri yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pengedaran bahan siap; sektor yang keempat ialah industri pengetahuan yang memberi fokus kepada penyelidikan dalam bidang teknologi, rekaan dan pembangunan seperti pengaturcaraan komputer, dan biokimia. Sektor kelima ialah aktiviti yang tidak memberi keuntungan.

Kayu Belian	Pokok belian adalah sejenis kayu keras yang hanya boleh ditemukan di Borneo (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Kalimatan dan Sumatera). Ia adalah kayu keras yang amat bermutu.
Kayu Pine	Pine adalah kayu lembut yang berkembang di seluruh Hemisfera Utara. Ketersediaannya menjadikannya salah satu bahan bangunan yang paling berpatutan. Dengan pelbagai aplikasi yang termasuk pembuatan kertas, acuan, kayu pembinaan, perabot, lantai dan kabinet, pine boleh dianggap sebagai salah satu softwood domestik yang paling banyak digunakan di pasaran
Kepong	Kepong merupakan sebuah kawasan di Kuala Lumpur di bawah Zon Sentul, terletak kira-kira 6km dari KLCC, ke utara Bukit Lagong, ke barat Bukit Lanjan, Bandar Sri Damansara dan Sungai Buloh, ke timur Selayang, dan ke selatan Jalan Duta, Segambut. Selain terletak dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kepong juga dalam negeri Selangor iaitu dalam daerah Gombak, iaitu Taman Ehsan dan Taman Desa Jaya. Jalan raya utama ke Kepong ialah Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Jalan Kuching, MRR II, Jalan Kepong dan Jalan Ipoh.
Khudrat	Kuasa (Allah) iradat Tuhan kuasa dan kehendak Tuhan atau kuasa, tenaga, kekuatan.
Kraftangan	Kraftangan ialah kerja penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja. Pertukangan kraftangan seharusnya dikerjakan secara perseorangan atau kecil-kecilan. Hasil kraftangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan dan/atau keagamaan. Hasil pengeluaran besar-besaran atau hasil berkejeteraan bukan bersifat tokoh.

Lentik/Dilentikan	Lengkung ke atas atau ke belakang (pangkal dan ujungnya mengarah ke atas atau ke belakang, sedangkan bagian tengahnya lendut seperti rumah Minangkabau)
Matang	Sarawak dibahagikan kepada beberapa buah daerah dan setiap daerah dibahagikan kepada beberapa bahagian dan daerah Matang merupakan salah satu pecahan kawasan pentadbiran di bahagian Kuching bagi negeri Sarawak iaitu juga dikenali sebagai Daerah Tanah Matang
Media Sosial	Media sosial merupakan satu rangkaian komunikasi di atas talian (online) yang dapat menghubungkan para pengguna dari serata dunia. Menurut Kamus Dewan Bahasa, media adalah alat perantara, komunikasi atau perhubungan, manakala sosial adalah perihal kemasyarakatan dan pergaulan.
Motif	Motif ialah sama ada rupa atau bentuk asas dalam satu-satu rekaan atau gubahan. Ia terdiri daripada motif flora, fauna, geometrikal dan organik. Motif boleh diulang dalam a corak atau reka bentuk, sering berkali-kali, atau mungkin berlaku sekali dalam sesebuah karya
MTIB	Singkatan daripada Malaysian Timber Industry Board iaitu merupakan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau lebih dikenali sebagai MTIB adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) yang bertanggungjawab dalam menerajui dan memajukan industri perkayuan negara. MTIB berperanan sebagai penyelaras dalam merangka polisi dan strategi bagi membangunkan industri perkayuan negara supaya ia berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Parlimen	Parlimen ialah badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di negara kita. Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dewan Negara atau Senat merupakan dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara kita. Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli.
PKP	Singkatan daripada Perintah Kawalan Pergerakan
Pola Lengkap	Pola Lengkap atau Pola Induk memberi penekanan pada penggunaan motif tumbuhan dengan memasukkan keseluruhan bahagian pada tumbuhan bermula dari akar, batang dan ranting, serta daun, buah dan bunga.
Rukun Negara	Rukun Negara adalah ideologi kebangsaan Malaysia. Ia telah dibentuk pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Gerakan Negara iaitu setahun selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969 yang menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara.
SANAD	Hadis atau Hadith dalam Islam penggunaan agama sering diterjemahkan sebagai "tradisi kenabian", bermakna korpus laporan ajaran, perbuatan dan perkataan para nabi Islam Muhammad.
Semenanjung	Semenanjung merujuk kepada tanah yang menjulur ke laut dan sempit di bahagian pangkalnya yang bersambung dengan tanah besar. Contohnya sebahagian Malaysia dan Florida. Dibalikinya, Tanjung merujuk kepada tanah yang menjulur ke laut tetapi tidak sempit pangkalnya.
Tebuk	Membuat lubang pada kayu atau melubangi atau menembusi, menggerak.

Titik tolak	Titik tolak perkara yang menjadi bahan atau yang digunakan untuk membuka perbincangan mengenai sesuatu, sesuatu yg menjadi dorongan atau permulaan bagi sesuatu; bertitik tolak
UIA	Singkatan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang merupakan salah sebuah universiti yang agak selalu diperkatakan di dunia Islam. Ini kerana antara tujuan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ditubuhkan ialah untuk menghidupkan kembali konsep pembelajaran secara Islam dan meluaskan bidang pilihan kepada umat Islam dalam pengajian peringkat tinggi.
UiTM	Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang berpusat di Shah Alam.
Ukir	Ukir-ukiran lukisan yang dibuat dengan memahat pada barang-barang perhiasan
Ukiran Kontemporari	Kontemporari yang merupakan gabungan elemen-elemen baru dalam rekaan seni ukiran Melayu yang bersifat semasa dan setempat,
Ukiran Tradisional	Ukiran yang lebih ke arah mengikut tradisi tradisional ni dia lebih kepada ukiran-ukiran yang orang terdahulu.
Universiti	Universiti ialah sebuah institusi pendidikan tinggi dan pengkajian yang menganugerahkan ijazah akademik di pelbagai peringkat dan bidang. Perkataan universiti dipinjam daripada bahasa Inggeris yang turut dipetik daripada frasa bahasa Latin,
Usahawan	Usahawan adalah sesiapa yang terlibat dalam perniagaan, baik membuat, menjual ataupun berdagang barang-barang

atau pemilik tunggal bagi syarikatnya serta telah bertapak dari segi keperluan harian tetapi masih bercita-cita mengembangkan pengaruh dan kekayaannya.

Warisan

Warisan diertikan ada berkaitan dengan sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu yang menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa dan seterusnya melambangkan ketamadunannya

Yayasan Sabah

Yayasan Sabah, kini secara operasinya dirujuk sebagai Kumpulan Yayasan Sabah telah ditubuhkan melalui Enakmen No. 8, Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 1966.

nsi

YouTube adalah portal Internet yang membolehkan pengguna memuat naik dan melihatnya video.

INDEKS

9.0 INDEKS

A

Abd. Muhaimin bin Hasbollah, iii, 5,
20, 21, 29, 45, 47, 83, 89, 90, 91, 92,
93, 94, 95, 96, 97, 98, 100, 107, 108,
113, 115, 122, 150, 161, 162, 163,
164, 165, 169
Abdul Latiff bin Long, 6, 25, 26, 34,
122
Adiguru, ii, 5, 18, 20, 28, 34, 68, 131,
150, 174
agensi, 10, 27, 30, 56, 58, 63, 77, 81,
105, 106, 107, 110, 112, 119, 127
Agensi, 10, 131
ahli keluarga, ii, 12, 28
aktiviti, 12, 89, 126, 134, 155
alat mengukir, 54, 170
alat-alat, 54, 91, 108, 170
Allah, ii, 18, 26, 32, 39, 54, 63, 64, 65,
77, 85, 96, 100, 106, 117, 119, 135
Allahyarham, 5, 26, 34, 85, 122, 131,
155
AMH, iii, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26,
27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36,
37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46,
47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56,
57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66,
67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76,
77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86,
87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96,
97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104,
105, 106, 107, 108, 109, 110, 111,

112, 113, 114, 115, 116, 117, 118,
119, 120

anugerah, 5, 33, 63, 68, 69, 123

Arca, 131

artikel, 5, 21

artis-artis, 14

aspek, 9, 12, 17, 134

Australia, 55, 92, 103

B

bahan mentah, 52, 57, 112, 114, 127,
134

Bali, 42, 78

Barat, 14, 23, 90

baru, 8, 9, 13, 15, 28, 36, 40, 49, 50,
51, 74, 82, 90, 92, 95, 103, 110, 115,
138

belajar, 6, 24, 25, 26, 27, 31, 32, 33,
38, 40, 44, 46, 73, 85, 87, 88, 93, 94,
95, 104, 106, 108, 109, 113, 123,
158

Belajar, 25, 101, 127

beliau, i, ii, 5, 17, 18, 120, 162, 165,
168

bengkel, 6, 27, 32, 35, 36, 52, 57, 58,
59, 60, 61, 81, 97, 99, 110, 112, 122,
124, 126, 156, 157

Bengkel, 6, 112, 123, 124, 131

bercampur aduk, 8

berkecimpung, 8, 69, 158

berupaya, 10, 13

bidang, i, 5, 8, 9, 10, 13, 14, 20, 23, 24,
26, 30, 37, 38, 39, 40, 58, 61, 62, 69,
72, 75, 77, 80, 81, 83, 85, 86, 87,
106, 115, 119, 120, 122, 123, 125,
126, 127, 133, 134, 138, 151, 155,
157, 158, 159, 160, 161, 174

BIODATA, 1, 4, 5

Bodek/Membodek, 131

bodyguard, 67

budaya, 12, 15, 16, 17, 65, 66, 67, 72,
73, 79, 93, 95, 96, 146, 147

Bunga Bakawali, 48, 131

Bunga Kerak Nasi, 132

Bunga Lavender, 48, 132

Bunga Raya, 45, 53, 132

Bunga Tanjung, 42, 46, 47, 48, 98, 132

Bunga Tulip, 54, 132

Bunge, iv

C

cantik, 40, 42, 45, 46, 66, 68, 117

cara, 13, 42, 43, 44, 46, 49, 54, 55, 57,
63, 71, 74, 75, 84, 88, 93, 97, 100,
104, 106, 114, 123, 125, 156, 164,
167

care, 41, 100, 105, 119

CENDANA, iii, 82, 126

Cengal, 56, 133

cinta, ii

contoh, 12, 38, 41, 45, 50, 57, 73, 77,
78, 83, 84, 99, 103, 109, 110, 118,
155

Covid, 36, 64, 65, 82, 101, 105, 125

D

daerah, 5, 70, 79, 135, 136

dana-dana, 82

Daun Lirik, 51, 52, 133

dewan, 45, 66, 137

diceritakan, 8

digores, 15

dijalankan, 8, 9, 12, 13, 14, 15, 18, 20,
105, 129, 157

dinyatakan, 12, 14, 15

dipahat, 15

Diraja, 6, 25, 26, 34, 133, 155

ditoreh, 15

E

ekonomi, 134, 146

enam, 5, 25, 26, 27, 28, 32, 33, 58, 74,
81, 106, 122

event-event, 39, 65, 101, 102

F

Facebook, 37, 49, 58, 97, 114, 133,
163

falsafah, 17, 38, 43, 44, 46, 63, 68, 83,
84, 90, 106, 123, 126, 133

Falsafah, 133, 147

famous, 21, 66, 70

FELCRA, iii, 81, 126

FELDA, iii, 81, 126

FRIM, iii, 29, 56, 133

G

generasi, i, 8, 9, 12, 13, 14, 18, 30, 40, 46, 69, 74, 75, 79, 80, 83, 115, 116, 117, 118, 119, 125, 126, 127, 139, 159
Google, 20, 33, 40, 46, 51, 129, 134, 148, 160, 161, 162, 166, 167, 168, 170

H

Harapan, 126, 127
hasil-hasil, 63, 117, 155

I

identiti, 8, 13, 15, 46, 47, 48, 68, 78, 98, 116, 123
IKN, iii, 30, 81, 126, 134, 152
ilmiah, i, ii
ilmu, 9, 14, 26, 104, 120, 133, 155
imaginasi, 12
Indonesia, 42, 78, 83, 84, 116, 135, 147
Industri, iii, 81, 82, 134, 148
Inshaallah, 65, 85
inspirasi, 13

J

Jepun, 55, 64, 74, 104
Johor, 5, 122

K

kajian, i, ii, 8, 9, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 20, 156, 164
karya, 15, 16, 42, 63, 90, 92, 117, 136
kayu, i, 5, 8, 9, 10, 15, 16, 17, 18, 24, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 50, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 60, 61, 62, 64, 69, 72, 74, 75, 76, 77, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 89, 91, 94, 99, 100, 102, 103, 104, 105, 112, 113, 115, 117, 119, 120, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 133, 135, 137, 146, 147, 148, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 163, 168, 169
Kayu Belian, 56, 79, 135
kehidupan, i, 8, 12, 13, 14, 17, 41, 42, 93, 139, 163
keindahan, 14, 15
Kelantan, 5, 24, 25, 27, 76, 99, 155
Kelantan Wood Carving, 5, 155
Kepong, 30, 135
kerugian, 82
kesedaran, 8, 9, 78
keseluruhan, 12, 137, 139
kesenian, 12, 13, 14
ketawa, 20, 21, 23, 25, 28, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 41, 48, 56, 62, 64, 65, 66, 67, 68, 70, 71, 73, 83, 86, 87, 91, 94, 107, 111, 117, 120
keunikan, 9, 15, 16, 67, 157
Khudrat, 135
Khususnye, v
KL, iii, 29

koleksi, 18, 55, 89, 90, 126, 158
kos, 58, 59, 73, 97, 105, 156
kraf, i, 10, 17, 27, 134
Kraftangan, iii, 5, 24, 34, 36, 58, 78,
81, 119, 122, 126, 135, 151, 152,
174
Kraftangan Malaysia, 5, 24, 119, 174
Kuala Lumpur, iii, 23, 29, 111, 135,
148
kualiti, 78, 99, 100

L

Lentik/Dilentikan, 136

M

mahal, 56, 57, 68, 112, 133
Malaysia, i, ii, iii, 5, 8, 13, 15, 20, 21,
22, 23, 24, 25, 29, 30, 34, 35, 36, 40,
41, 44, 45, 48, 56, 57, 58, 62, 66, 68,
69, 70, 72, 73, 74, 76, 78, 79, 80, 81,
82, 85, 90, 94, 97, 99, 110, 111, 113,
116, 119, 122, 124, 125, 126, 131,
132, 133, 136, 137, 138, 146, 148,
151, 152, 160, 174
masa, ii, 8, 9, 13, 15, 17, 21, 24, 29,
30, 32, 52, 60, 63, 70, 71, 75, 94, 95,
96, 104, 106, 109, 117, 118, 119,
120, 126, 127, 134, 146, 155, 156,
158, 165
masyarakat, 8, 9, 12, 13, 14, 16, 17, 77,
78, 116, 132, 139, 146, 147, 158,
159
Matang, 40, 41, 136

Media Sosial, 136
melahirkan, 13, 16, 75, 83, 115, 119
Melayu, 8, 9, 10, 13, 16, 17, 18, 37,
38, 42, 51, 63, 65, 67, 84, 125, 132,
138, 146, 147, 148, 170
memahat, 15, 18, 138
memelihara, 10, 13, 69, 118, 119, 126
memperkembangkan, 9, 69, 119
memproses, 134
menandakan, 95
menarik, 10, 13, 14, 17, 24, 25, 29, 42,
74, 75, 83, 115, 118, 119, 125, 132
mendedahkan, 15
mengekalikan, 13, 77, 79, 85
mengenai, 8, 9, 10, 20, 34, 46, 57, 61,
74, 77, 102, 120, 125, 133, 134, 138,
